



**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 11**

**Rabu**

**5 April 2023**

---

**K A N D U N G A N**

|                                                                                                                  |              |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|
| <b>PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT</b>                                                                           | (Halaman 1)  |
| <b>URUSAN MESYUARAT</b>                                                                                          | (Halaman 2)  |
| <b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA</b><br>-Waktu Mesyuarat dan Urusan<br>Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman 2)  |
| <b>PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN</b>                                                                    | (Halaman 3)  |
| <b>RANG UNDANG-UNDANG:</b><br>- Rang Undang-undang Perbekalan 2023                                               | (Halaman 34) |

**AHLI HADIR**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim [Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
2. “ Dato' Sri Dr. Hj. Mohamad Ali Bin Hj. Mohamad [Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
3. “ Puan Saraswathy A/P Kandasami [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Dilantik)
4. “ Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Dilantik)
5. “ Tuan Ak Nan A/L Ehtook (Dilantik)
6. Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
7. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
8. “ Datuk Razali Bin Idris (Dilantik)
9. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
10. “ Dato' Sri Ti Lian Ker (Dilantik)
11. “ Tuan Manolan Bin Mohamad (Dilantik)
12. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
13. “ Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
14. “ Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan (Dilantik)
15. “ Puan Susan Chemeraai Anding (Dilantik)
16. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh (Dilantik)
17. “ Datuk Dr. Azhar Bin Ahmad (Dilantik)
18. “ Dato' Arman Azha Bin Abu Hanifah (Dilantik)
19. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
20. “ Datin Ros Suryati Binti Alang (Dilantik)
21. “ Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa (Dilantik)
22. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli (Dilantik)
23. “ Tuan Abun Sui Anyit (Dilantik)
24. “ Datuk Dr. Ras Adiba Binti Mohd Radzi (Dilantik)
25. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan (Dilantik)
26. “ Prof. Datuk Seri Dr. Awang Bin Sariyan (Dilantik)
27. “ Tuan Mohd Hasbie Bin Muda (Dilantik)
28. “ Dato' Sivaraj A/L Chandran (Dilantik)
29. “ Puan Noorita Binti Sual (Dilantik)
30. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead (Dilantik)
31. “ Tuan Haji Hussin Bin Ismail (Terengganu)
32. “ Dato' Haji Husain Bin Awang (Terengganu)

**AHLI HADIR (samb/-)**

33. Yang Berhormat Tuan Haji Aziz Bin Ariffin (Perlis)
34. “ Tuan Seruandi Bin Saad (Perlis)
35. “ Dato’ Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
36. “ Dato’ Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah (Negeri Sembilan)
37. “ Datuk Lim Pay Hen (Johor)
38. “ Tuan Sr. Haji Mohd Apandi Bin Mohamad (Kelantan)
39. “ Dato’ Haji Jefridin Bin Haji Atan (Johor)
40. “ Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff (Kelantan)
41. “ Tuan Haji Abdul Nasir Bin Haji Idris (Kedah)
42. “ Tuan Musoddak Bin Ahmad (Kedah)
43. “ Dato’ Ajis Bin Sitin (Pahang)
44. “ Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah)
45. ” Dato’ Juhanis Binti Abd Aziz (Pahang)
46. “ Dato’ Ahmad Bin Dato’ Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
47. “ Puan Noraini Binti Idris (Sabah)
48. “ Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak)
49. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)
50. “ Dr. Lingeshwaran A/L Dato’ Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang)
51. “ Tuan Amir Bin Md Ghazali (Pulau Pinang)
52. “ Tuan Isaiah A/L D. Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
53. “ Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
54. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah (Dilantik)
55. “ Dato’ Sri Anifah Bin Aman @ Haniff Amman (Wilayah Persekutuan Labuan)

**AHLI TIDAK HADIR**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
2. “ Dato’ Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir [Menteri Luar Negeri]
3. “ Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im Bin Haji Mokhtar [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]

**AHLI TIDAK HADIR (samb/-)**

4. Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan (Dilantik)
5. " Dato' Shamsuddin Bin Haji Abd Ghaffar (Perak)
6. " Tuan Muhammad Zahid Bin Md Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)

**TIDAK HADIR  
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
2. " Datuk Paul Igai (Dilantik)
3. " Tuan Ir. Md Nasir Bin Hashim (Dilantik)
4. " Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu (Dilantik)

**HADIR BERSAMA**

1. Yang Berhormat Tuan Khairul Firdaus Bin Akhbar Khan [Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya] (Batu Sapi)
2. " Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital] (Kulai)
3. " Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Pendidikan] (Tanjong)
4. " Tuan Adam Adli Bin Abd Halim [Timbalan Menteri Belia dan Sukan] (Hang Tuah Jaya)
5. " Tuan Mustapha @ Mohd Yunus Bin Sakmud [Timbalan Menteri Sumber Manusia] (Sepanggar)
6. " Tuan Lukanisman Bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti)
7. " Datuk Ugak Anak Kumbong [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas)] (Hulu Rajang)
8. " Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil [Menteri Komunikasi dan Digital] (Lembah Pantai)
9. " Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Menteri Perpaduan Negara] (Kanowit)
10. " Tuan Sim Chee Keong [Timbalan Menteri Kewangan II] (Bukit Mertajam)
11. " Tuan Chan Foong Hin [Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Kota Kinabalu)
12. " Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir [Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan] (Johor Bahru)

**HADIR BERSAMA (*samb/-*)**

13. Yang Berhormat Tuan Adly Bin Zahari [Timbalan Menteri Pertahanan] (Alor Gajah)
14. “ Dato Hajah Rubiah Binti Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan)
15. “ Datuk Siti Aminah Binti Aching [Timbalan Menteri Perlindungan dan Komoditi] (Beaufort)
16. “ Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Timbalan Menteri Ekonomi] (Mukah)
17. “ Dato’ Sri Abdul Rahman Bin Haji Mohamad [Timbalan Menteri Kerja Raya] (Lipis)
18. “ Tuan Liew Chin Tong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] (Iskandar Puteri)
19. “ Puan Aiman Athirah Binti Sabu [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Sepang)
20. “ Dato’ Sri Huang Tiong Sii [Timbalan Menteri Sumber Asli Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] (Sarikei)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

**Rabu, 5 April 2023**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum.* Selamat pagi dan salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha Dewan Negara membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“4 April 2023

**Perutusan daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. D.R. 13/2023 – Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023;
2. D.R. 14/2023 – Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2023;
3. D.R. 5/2023 – Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023;
4. D.R. 6/2023 – Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023;
5. D.R. 12/2023 – Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2022) 2023;
6. D.R. 4/2023 – Rang Undang-undang Kewangan 2023;

7. D.R. 3/2023 – Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023;
8. D.R. 7/2023 – Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023;
9. D.R. 8/2023 – Rang Undang-undang Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023;
10. D.R. 9/2023 – Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023;
11. D.R. 10/2023 – Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023; dan
12. D.R. 11/2023 – Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2023.

Yang Ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Perutusan selamat diterima.

### **URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Lim Hui Ying]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

### **PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA**

#### **Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, merujuk kepada Usul 11(1) yang telah pun Majlis Dewan ini putuskan dan luluskan pada 28 Mac 2023 yang lalu, saya hendak menetapkan bahawa urusan Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan pada jam 1 tengah hari dan akan bersidang terus sehingga selesai diputuskan dan diluluskan Rang Undang-undang Perbekalan 2023 (D.R. 2/2023).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. **Datuk John Ambrose** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, berapakah jumlah pengangguran terkini dan apakah rancangan kementerian dalam menangani masalah pengangguran rakyat Malaysia khususnya daripada golongan muda yang semakin meningkat akibat pandemik COVID-19.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia Madani.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab secara bersekali soalan nombor 1 daripada Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose, soalan nombor 27 daripada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair, dan soalan nombor 32 daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pengangguran merupakan fenomena biasa bagi sesebuah negara yang pasaran buruhnya dinamik disebabkan beberapa faktor. Sesetengah pengangguran hanya berlaku dalam jangka masa pendek yang mana ia merupakan satu proses semula jadi bagi individu-individu yang bergerak antara satu pekerjaan ke pekerjaan yang lain ataupun pekerjaan daripada alam sekolah ke pasaran kerja. Sesetengah pengangguran lain pula mengambil masa beberapa bulan mungkin disebabkan kesukaran mencari pekerjaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, antar faktor utama yang menyumbang kepada pengangguran ialah ketidakpadanan kemahiran atau *skill mismatch*, dengan izin, penawaran gaji yang tidak setimpal dan kecenderungan majikan untuk menggaji pekerja asing. Selain daripada itu, faktor keperibadian pencari kerja dengan kemahiran insaniah atau dengan izin, *soft skills* turut menyumbang kepada kesukaran menempatkan diri dalam pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, graduan lepasan ijazah yang belum mendapat pengangguran setara kelulusan mereka, tidak dikategorikan sebagai penganggur. Istilah yang tepat adalah guna tenaga tidak penuh, dengan izin, *under employment*. Berdasarkan definisi Pertubuhan Buruh Antarabangsa, kadar pengangguran pada kadar empat peratus dan ke bawah dikira sebagai guna tenaga penuh dengan izin, *full employment*.

■1010

Semasa pandemik COVID-19 kadar pengangguran telah melonjak kepada 45 peratus. Namun dengan usaha kerajaan kadar ini telah berjaya dikurangkan kepada keadaan sebelum pandemik COVID-19.

Merujuk kepada statistik tenaga buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran pada suku kaum keempat tahun 2022 ialah 36 peratus. Ini jelas menunjukkan

ekonomi negara berada pada tahap guna tenaga penuh. Manakala bagi kadar pengangguran di kalangan belia dan graduan pula pada suku tahunan keempat tahun 2022 iaitu 10.7 peratus berbanding 11.7 peratus pada suku ke-empat tahun 2021.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh untuk mengurangkan kadar pengangguran, pelbagai program dibuat di bawah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Antaranya, kerajaan menyediakan platform pencarian kerja dalam portal MYFutureJobs. Melalui PERKESO juga, secara berterusan mempergiatkan karnival kerjaya atau *job carnival* dan kerajaan menerusi Sistem Insurans Pekerjaan turut menyediakan pelbagai program bagi peningkatan modal insan dan kebolehpasaran pekerja. Di samping itu juga, PERKESO turut melaksanakan program kebolehpasaran bagi pelajar sekolah menengah dan juga universiti bagi memberi pendedahan berkaitan kemahiran dan kompetensi untuk mengurangkan pengangguran.

Sehingga Disember 2022, sebanyak 564 program telah dibuat melibatkan 27,689 orang belia. Melalui TalentCorp telah membangunkan platform *mynext* iaitu platform solusi bakat bersepadu dan *data analytic* yang menggabungkan siswazah, pekerja, syarikat dan institusi pendidikan bertujuan untuk merapatkan jurang antara penawaran bakat di Malaysia dengan pekerjaan masa hadapan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri menghormati masa yang telah diberi.

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini tanggungjawab kepada Menteri dan Timbalan Menteri masing-masing. Tidak adil sekiranya Ahli di sini membuat soalan tetapi tidak cukup masa. Namun jawapan itu diberi longgar kepada pihak pentadbir. Ini tidak adil. Oleh sebab Dewan sudah membuat keputusan, ia harus ditepati dan perlulah membuat sinopsisnya ataupun rumusannya setakat yang afdal. Yang Berhormat Datuk John Ambrose.

**Datuk John Ambrose:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan tidak ada?

**Datuk John Ambrose:** Soalan tambahan, apa bentuk inisiatif lain pihak kementerian bagi meningkatkan taraf hidup para graduan yang telah tamat pengajian dari universiti, begitu juga soal gaji minimum?

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman, untuk meningkatkan gaji para graduan ini, pihak kerajaan sedang meneliti cadangan dari Bank Negara Malaysia berkaitan dengan gaji kehidupan wajar atau, dengan izin, *living wage*. Berdasarkan laporan Bank Negara Malaysia pada tahun 2018, kadar gaji wajar untuk seorang individu iaitu RM2,700, bagi pasangan tanpa anak kadarnya

RM4,500 dan pasangan dua orang anak iaitu RM6,500. Sehubungan itu kerajaan perlu mengkaji dan mengenal pasti model yang sesuai dan terbaik untuk negara ini.

Walau bagaimanapun ingin saya maklumkan di sini bahawa penetapan gaji bagi golongan siswazah adalah tertakluk kepada kuasa penawaran dan permintaan. Kadar gaji yang setimpal dengan tahap pendidikan, kemahiran dan pengalaman boleh dirunding dengan pihak majikan melalui kontrak perkhidmatan dan perundingan perjanjian kolektif bagi pekerjaan melalui kesatuan sekerja. Kadar gaji perlulah selaras dengan jenis pekerjaan dan bukan semata-mata taraf kelayakan supaya kadar gaji setimpal dengan kemahiran dan produktiviti.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam ucapan perasmian majlis menandatangani Memorandum Kerjasama Transformasi TVET pada 16 Mac telah menyarankan agar pemain industri dan majikan menawarkan gaji permulaan sekurang-kurangnya RM3,000 kepada graduan TVET. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab soalan ini gabungan tiga soalan, dibenarkan tambahan soalnya. Yang Berhormat Tuan Abun.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa majikan lebih cenderung untuk mengambil buruh asing. Apakah faktor-faktor kejadian ini dan bagaimanakah kerajaan mengatasinya?

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk mengatasi majikan daripada menggaji buruh asing ini, pihak kerajaan menerusi Kementerian Sumber Manusia telah menetapkan hanya beberapa sektor saja yang perlu tenaga buruh asing ini iaitu yang melibatkan kerja-kerja yang kita panggil 3D, yang tanpa memerlukan kemahiran. Kerja-kerja yang memerlukan kemahiran akan dibuka kepada tenaga mahir kita sendiri, di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Soalan tambahan.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Soalan tambahan.

**Tuan Musoddak bin Ahmad:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bagaimana Yang Berhormat Menteri, kita nak meyakinkan majikan-majikan ini untuk menyediakan gaji seperti yang dicadangkan, RM3,000 paling tidak dalam keadaan mereka baharu bermula. Adakah insentif-insentif pelepasan cukai kah atau apa-apa bantuan daripada pihak berkuasa untuk memastikan majikan ini dapat menyediakan gaji yang munasabah? Terima kasih.

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, soalan tambahan. Okey, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman di peringkat

kementerian di Majlis TVET Negara kita sedang memeterai beberapa memorandum kerjasama dengan pelbagai industri dan untuk memastikan bahawa gaji yang bersesuaian itu antarnya. Maknanya kita mahu supaya gaji yang ditawarkan oleh majikan ini sesuai dengan tenaga mahir yang kita ada. Jadi, usaha sama yang awal itu perlu dibuat melalui memorandum kerjasama ini. Sekian, terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Soalan tambahan.

**Tuan Musoddak bin Ahmad:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat Senator Rita.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berkaitan dengan gaji kehidupan wajar yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu bagi gaji permulaan seorang graduan RM2,300 kalau tidak silap saya. Ini sebenarnya kajian Bank Negara Malaysia lebih daripada 10 tahun, saya rasa 15 tahun yang lalu inilah gaji permulaan para graduan di sesetengah tempat badan-badan berkanun di Malaysia.

Adakah tidak mengambil kira inflasi yang telah berlaku beberapa tahun, *15 years ago*? Kalau kita lihat ini meletakkan graduan kita dalam kategori *urban poor*. Apa tindakan kerajaan untuk memastikan perkara ini, kita tidak terjerumus lagi ke dalam *low income trap* ini khasnya untuk GLC yang mampu untuk membayar gaji dengan lebih. Apakah tindakan kementerian ke atas perkara ini?

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman, kajian yang dibuat yang saya sebutkan tadi, itu adalah pada tahun 2018. Saya sebutkan sekali lagi bahawa gaji wajar untuk individu RM2,700, pasangan tanpa anak RM4,500, pasangan dua orang anak RM6,500. Itu kajian pada tahun 2018. Saya memang maklum bahawa saya juga bila saya mula bekerja dulu, gaji hanya sekitar RM1,800 dan peningkatan agak sedikit, setelah 30 tahun baru sekitar RM2,000.

Ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator bahawa kerajaan perlu buat kajian terperinci untuk memastikan bahawa anak-anak kita mendapat gaji yang setimpal. Kalau tidak akan berlaku yang kita panggil penghijrahan ke luar negara dan berlaku, dengan izin, *brain drain* ke atas negara ini.

Jadi, kita minta supaya kita bekerjasama untuk mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya meneliti secara terperinci tentang gaji yang tidak wajar kepada graduan kita terutamanya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi.

**2. Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apa status semasa pelaksanaan dasar- *Zero Reject Policy* oleh kementerian serta apakah inisiatif yang akan diperkenalkan oleh KPM tahun 2023 bagi meningkatkan kualiti pendidikan inklusif dan kesejahteraan Murid Berkeperluan Khas (MBK).

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Lim Hui Ying]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk (Dr) Ras Adiba. Dasar Sifar Penolakan atau dengan izin, *Zero Reject Policy* merujuk kepada penempatan persekolahan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan tanpa menafikan hak mereka untuk menerima pendidikan di sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*], semua murid termasuk MBPK berhak untuk menerima pendidikan yang relevan dengan keupayaan mereka.

#### ■1020

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) terdiri daripada enam kategori berdasarkan Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 iaitu ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan fizikal, ketidakupayaan pertuturan, masalah pembelajaran atau ketidakupayaan pelbagai.

Data pada 31 Januari 2023 menunjukkan terdapat seramai 107,020 orang MBPK berbanding 97,220 orang pada tahun 2021 dan 93,951 orang pada tahun 2020. Ia terdapat penambahan. Sehubungan dengan ini, KPM akan terus menyediakan akses pendidikan kepada MBPK, terutama sekolah dengan kesediaan keperluan pendidikan khas bergantung pada tahap kefungsi murid, intervensi serta sokongan yang diperlukan. Berdasarkan prinsip ini juga, KPM telah diberi sejumlah peruntukan pada setiap tahun bagi memperkasa pendidikan khas.

KPM turut menggiatkan lagi usaha untuk memantapkan program pendidikan khas di Malaysia selaras dengan tujuh teras nadi keunggulan KPM dengan memberi penekanan kepada enam teras strategik berikut:

- (i) penambahbaikan akses dan mobiliti terutamanya menyediakan sekurang-kurangnya empat kemudahan asas yang merangkumi susur landai, susur tangan, tandas mesra OKU, parkir OKU dan menaik taraf kelas pendidikan khas serta Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas;
- (ii) pemantapan sumber manusia dengan berfokus kepada peningkatan profesionalisme secara berterusan kepada guru dan Pembantu Pengurusan Murid (PPM);
- (iii) pemantapan pengajaran dan pembelajaran, kurikulum dan pengembangan potensi MBPK;

- (iv) penambahbaikan sistem sokongan dengan menyediakan pelbagai bentuk sokongan kepada MBPK bagi meminimumkan halangan mereka daripada mengikuti pendidikan berkualiti dan saksama;
- (v) pemantapan pengurusan data; dan
- (vi) pemantapan tadbir urus.

Semua usaha yang dilaksanakan ini adalah bagi memastikan setiap MBPK menerima pendidikan yang berkualiti. Sekian, terima kasih.

**Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Soalan tambahan ya. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Alhamdulillah*, saya dengar apa yang dicadangkan, namun yang realitinya, dengan izin, *we still have not reached there*. Namun begitu, saya berharap sekali Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberitahu berapakah peratusan MBPK lepasan sekolah menengah di Program Pendidikan Khas Integrasi dan sekolah bantuan kerajaan yang berjaya lanjutkan pelajaran atau program-program vokasional? Adakah kementerian ada laksanakan MBPK *exit survey* dalam pastikan pelajar OKU tidak tercicir dalam pendidikan yang seterusnya? Terima kasih.

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pada tahun 2020, sebanyak 38.21 peratus melanjutkan pelajaran ke lepasan menengah manakala pada tahun 2021, sebanyak 36.77 peratus menyambung pelajaran dan seterusnya pada tahun 2022, sebanyak 22.8 peratus yang melanjutkan pelajaran ke lepasan menengah.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah membangunkan portal Sistem e-Profil Kerjaya Murid (SePKM) di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Sistem ini digunakan untuk mengumpul data murid yang tamat persekolahan pada setiap tahun, termasuk murid berkeperluan pendidikan khas. Analisis data murid akan dijana melalui SePKM pada 31 Oktober setiap tahun bagi murid yang tamat persekolahan tahun sebelumnya. Berdasarkan analisis daripada sistem tersebut, KPM dapat mengenal pasti MBPK yang menyambung pelajaran ke peringkat lepasan menengah. Sekian, terima kasih.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Bagaimanakah KPM akan meningkatkan bilangan sekolah yang mempunyai sekurang-kurangnya satu kemudahan OKU?

**Puan Lim Hui Ying:** Kemudahan yang kita nyatakan tadi ada empat kemudahan. Terdapat empat kemudahan asas yang kita kenalkan daripada penyediaan kemudahan mesra OKU mula menjadi fokus khusus KPM pada tahun 2021 di bawah teras strategik penambahbaikan, *accessibility* dan mobiliti, terutama menyediakan sekurang-kurangnya

empat kemudahan asas yang merangkumi susur landai, susur tangan, parkir OKU dan tandas mesra OKU.

Sebelum tahun 2021, penyediaan kemudahan tersebut merupakan sebahagian daripada skop kerja penyelenggaraan. Bagi tahun 2021 dan 2022, KPM telah diperuntukkan sebanyak RM78 juta untuk penyediaan kemudahan mesra OKU melibatkan 737 buah sekolah yang mempunyai MBPK. Kita dalam proses memastikan sekurang-kurangnya ada satu kemudahan asas di setiap sekolah. Kita memang ada rancangan untuk memastikan...

**Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Lim Hui Ying:** ...Terutamanya sekolah yang mempunyai pendidikan khas ada semua kemudahan tersebut. Akan tetapi, buat sekarang belum capai tetapi kita dalam proses untuk mencapai empat kemudahan asas.

**Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencelah sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan. Berapakah jumlah bilangan projek pembangunan melibatkan Program Pendidikan Khas yang telah diluluskan dalam RMKe-12?

**Puan Lim Hui Ying:** Bagi *Rolling Plan* Pertama (RP1) tahun 2021, kita ada enam projek melibatkan lima buah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan sebuah sekolah pendidikan khas (SPK) iaitu SMK Pendidikan Khas Bandar Enstek telah diluluskan. Manakala dalam *Rolling Plan* Kedua, tahun 2022, sebanyak lapan projek melibatkan tujuh buah PPKI dan sebuah SPK iaitu SK Pendidikan Khas Taiping telah diluluskan.

Bagi *Rolling Plan* 3 tahun 2023, sebanyak 21 projek melibatkan 16 buah PPKI dan lima buah SPK telah diluluskan. SPK tersebut ialah SK Pendidikan Khas Sibu, SK Pendidikan Khas Seremban, SK Pendidikan Khas Jalan Peel, SK Pendidikan Khas Sungai Petani dan SM Pendidikan Khas Vokasional Merbok. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing.

**Dato Dr. Nuing Jeluing:** Selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 3.

**3. Dato Dr. Nuing Jeluing** minta Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah rancangan untuk membina rumah rakyat di seluruh negara dengan butiran setiap projek di setiap negeri di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah.

**Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan ada tiga kaedah untuk kita bina rumah.

Pertama adalah yang dipanggil projek perumahan rakyat (PPR). Kedua pula kita ada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan yang ketiga, kita ada PR1MA yang mana PR1MA ini tertumpu pada M40 manakala tanggungjawab kepada untuk memenuhi keperluan rumah bagi B40 itu tertumpu kepada PPR dan juga SPNB.

Mengambil kira soalan Yang Berhormat Senator ini tertumpu pada rumah rakyat, maka saya memperincikan dari sudut rumah PPR tadi. Untuk perancangan kita melalui Belanjawan Madani 2023, kita sememangnya telah menerima peruntukan sebanyak RM389.5 juta bagi tujuan untuk membina 13 projek rumah yang baru dan juga sambungan projek perumahan yang lain, yang mana *insya-Allah* akan memanfaatkan seramai 12,400 orang bakal penghuni yang baharu. Cuma, bezanya kali ini iaitu pertama projek PPR ini kita akan melalui proses tender.

Kedua juga, kerana kita cadang buat 13 buah rumah bermaksud setiap negeri akan terima satu projek PPR. Maka, sebab itu permintaan kita dengan setiap negeri adalah sebaiknya untuk kerajaan negeri memberi tanah secara percuma ataupun bayaran secara nominal. Oleh sebab ini akhirnya akan memanfaatkan warga ataupun penduduk dari negeri tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pula, kalau daripada segi keseluruhan, program PPR ini memang kita telah mulakan lama dan sehingga kini kita telah ada 159 projek yang merangkumi 99,296 unit rumah. Jadi, kalau secara keseluruhannya, kita juga ada tiga projek dalam perancangan yang diluluskan tahun lepas. Maka, untuk secara jumlah *total* yang kita ada sepatutnya 111,333 unit. Itu sahaja. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Doktor...

**Dato Dr. Nuing Jeluing:** Soalan tambahan.

■1030

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya, pohon penjelasan status Projek Perumahan Rakyat (PPR) Bukit Belah, Machang. Kenapakah ia masih belum dapat diduduki? Apakah masalahnya? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan spesifik boleh jawab?

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Saya tidak ada maklumat sebab sangat spesifik tetapi *insya-Allah* sebab soalan tambahan daripada yang pertama belum. Kalau saya sempat dapat jawapan saya cuba jawab. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Insya-Allah*. Baik. Di manakah tadi? Silakan.

**Dato Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada pembeli-pembeli rumah rakyat ini dan siapakah yang layak membeli? Terima kasih.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, daripada segi syarat itu sudah pasti ia termasuk kriteria daripada soal pendapatan yang mana sasarannya merupakan- mereka yang isi rumah di bawah RM3,000. Manakala, daripada segi syarat-syarat yang lain itu memang ditetapkan dengan secara teliti. Cuma bezanya untuk daripada segi permohonan itu, bagi mengelakkan pertikaian ataupun cara kita menguruskan itu ada ketirisan atau pun ketidaktelusan, kaedah kali ini sememangnya permohonan itu dibuat secara atas talian.

Di peringkat kementerian KPKT, kita buka *website* tersebut dan permohonan itu boleh melalui atas talian dan kemudiannya mengambil kira kerana apabila ada kerajaan negeri memberi tanah untuk tujuan kita bina, maka saringan itu juga akan dilakukan di peringkat negeri. Jadi, sebenarnya usaha sama antara negeri dan persekutuan itu amat penting dalam tujuan pengisian.

Apa yang kita pelajari, hasrat yang kita mahukan adalah supaya rumah PPR ini elok atau pun wajar diduduki dengan elok. Ini kerana kerisauannya apabila sekiranya bayaran itu tidak berlaku untuk kalau yang menyewa mahu pun yang pembelian itu tidak sampai kepada pihak yang sepatutnya, itu memberikan kerugian kepada kita- semua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

**4. Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apa tindakan kementerian bagi menghadapi penurunan kadar kelahiran yang kurang memuaskan kebelakangan ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hajah Raj Munni binti Sabu]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, kadar kelahiran kasar di Malaysia telah pun menunjukkan *trend* penurunan sejak lebih kurang 40 tahun yang lepas dan kadar kelahiran kasar ini juga berkait rapat dengan kadar kesuburan jumlah yang merujuk kepada purata bilangan anak yang dilahirkan oleh seorang wanita berkahwin dalam umur reproduktifnya iaitu umur 15 tahun sehingga 49 tahun.

Menurut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSEM), TFR negara turut menurun daripada 4.0 pada tahun 1980 kepada 2.1 pada tahun 2010 dan seterusnya menurun pada 1.7 orang anak bagi setiap wanita yang berkahwin pada tahun 2021. Berdasarkan kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia di peringkat nasional yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), setiap 10 tahun sejak tahun 1974, peratusan wanita yang berkahwin yang tidak mempunyai anak di negara ini telah meningkat hampir dua peratus dalam tempoh 10 tahun iaitu pada tahun 2004, 6.8 peratus dan

pada tahun 2014, 8.6 peratus dan akan dipantau dalam KPKM keenam yang akan dilaksanakan pada tahun 2024.

Dalam usaha membantu pasangan menangani masalah kesuburan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui agensinya LPPKN telah pun menawarkan perkhidmatan kesuburan sejak tahun 1979. Rawatan kesuburan di fasiliti LPPKN pada masa ini telah ditawarkan di tiga buah klinik- LPPKN mengikut zon iaitu di Zon Utara Klinik Subfertiiliti Pulau Pinang, di Zon Tengah Klinik Subfertiiliti Kuala Lumpur, dan di Zon Selatan Klinik Subfertiiliti Johor. Sehingga kini hampir 6,000 kehamilan telah direkodkan dan 4,000 kelahiran bayi dan kadar kejayaan LPPKN ini adalah setanding dengan peratus kejayaan pusat-pusat rawatan kesuburan di Malaysia mahu pun antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kesuburan dalam kalangan lelaki di negara ini juga telah didapati agak membimbangkan di mana data ujian analisis sperma dari makmal LPPKN mendapati 60 peratus keputusan yang telah dijalankan didapati abnormal dan ini turut menyumbang kepada peningkatan masalah kesuburan dalam pasangan berkahwin.

Mengambil pendekatan lebih proaktif, LPPKN juga telah mewujudkan Klinik Kesejahteraan Lelaki yang telah pun mula beroperasi pada Oktober 2022 di Klinik Subfertiiliti Kuala Lumpur dan pada tahun 2023 ini ia akan memperluaskan kepada enam lagi klinik LPPKN di seluruh Semenanjung Malaysia dan juga Sarawak. Klinik ini menawarkan ujian saringan kesihatan lelaki, khidmat nasihat masalah seksual, dan amalan gaya hidup sihat, serta rawatan ubat untuk membantu meningkatkan kesuburan lelaki, memandangkan pada masa ini masalah ketidaksuburan dalam kalangan lelaki semakin meningkat.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada masa ini juga telah meneruskan inisiatif kepada pasangan dalam mendapatkan rawatan kesuburan seperti berikut:

- (i) pengecualian cukai bagi rawatan kesuburan sehingga RM6,000 bermula melalui pengumuman bajet tahun 2020 sehinggalah sekarang masih dilaksanakan;
- (ii) program bantuan subsidi rawatan peranakan beradas yang disediakan oleh LPPKN kepada klien kesuburan; dan
- (iii) bagi penjawat awam, kemudahan tuntutan daripada majikan bagi perbelanjaan rawatan kesuburan masih berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 4 Tahun 2001.

Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan. Mesti harus tertumpu kepada masalah subur tidak subur ini. Jangan kepada perkara yang di luar kesuburan langsung...  
[Dewan ketawa] Sila.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan yang sebegitu cepat- sampai saya pun tidak tahu jawapan itu menjawab soalan saya atau tidak... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada jawab. Menjawab, ya.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan saya ialah memang di kalangan rakyat yang tidak melahirkan anak terutamanya di kalangan B40 ataupun M40 dengan alasan kewangan keluarga. Ini memang realiti yang kita hadapi selain daripada kesihatan.

Oleh itu, saya hendak tanya kepada kementerian, adakah usaha mengikut seperti Singapura yang memberikan pelbagai program termasuk pemberian wang tunai. Seperti contoh "*Baby Bonus Scheme*", dengan izin, bagi *first child*- SGD11,000 campur SGD3,000 maksudnya SGD14,000. Atau kita boleh ikut di Finland pula, mereka bagi "*Finnish Baby Box*", dengan izin, iaitu kit permulaan merangkumi keperluan daripada pakaian, mainan dan minuman bagi bayi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu mesti tepat.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** So, apakah usaha? Adakah kita akan mengikut negara-negara seperti Singapura dan Finland? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Singapura, dan satu lagi negara.

**Puan Hajah Raj Munni binti Sabu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menjawab soalan Yang Berhormat Senator, melalui pengumuman Bajet 2023, sebenarnya kerajaan telah mengumumkan dua inisiatif sokongan kepada keluarga berbentuk penjagaan anak di taska. Subsidi yuran pengasuhan taska RM180 seorang bagi anak berusia empat tahun dan juga RM15 juta disediakan bagi pinjaman mudah bagi membantu pengusaha taska.

Walau bagaimanapun, soalan tadi yang terkait dengan Singapura, ada beberapa inisiatif daripada kerajaan-kerajaan negeri- panjang. Beberapa inisiatif, setiap negeri ada inisiatif-inisiatifnya. Saya boleh memberikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Senator.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Baik. Bagi peluang kepada- Yang Berhormat Senator, silakan.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini berhubung dengan kesuburan juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ramai juga yang hendak bercakap pasal subur ini. Ringkaskan.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah faktor-faktor yang telah dikenal pasti oleh pihak kerajaan yang membawa kepada penurunan kadar kesuburan rakyat Malaysia kini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Raj Munni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, ada kurang lebih empat faktor kalau saya lihat daripada perbincangan kami di peringkat kementerian:

- (i) perubahan gaya hidup penduduk pada masa kini;
- (ii) peningkatan kos sara hidup yang tinggi;
- (iii) peningkatan bilangan wanita yang berpendidikan tinggi; dan
- (iv) penyertaan kaum wanita dalam tenaga buruh.

Itu antaranya. Selain daripada itu, lewat berkahwin atau memilih tidak berkahwin dan juga penangguhan dalam perkahwinan secara langsung juga akan memendekkan tempoh usia reproduktif mereka. Pada masa yang sama, benar, dari sudut perspektif ekonomi adalah keupayaan kewangan keluarga semakin mencabar pada masa kini menyebabkan majoriti memilih untuk mengehadkan anak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jika di Sarawak, LPPKN ini iaitu sinonim dengan *birth control*, ya. Kalau orang yang sudah melahirkan tiga atau empat orang anak, dinasihati untuk mengadakan *tubal ligation*. Begitulah keadaannya dengan *distribution of* pil perancang keluarga. Apakah kementerian akan *review* balik tumpuan LPPKN sekarang dengan keadaan *birth rate* kita sudah jatuh sekarang? Terima kasih.

**Puan Hajah Raj Munni binti Sabu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1040

**Puan Hajah Raj Munni binti Sabu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan maklumat yang ada pada saya di sini, bantuan untuk insentif bagi di negeri Sarawak, salah satunya ialah bantuan ibu bersalin. Bantuan ibu bersalin ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak dengan pemberian sebanyak RM450 dalam bentuk tunai kepada setiap ibu berstatus 'K' atau isteri kepada pemegang kad pengenalan berstatus 'K' Sarawak yang melahirkan anak. Jadi, apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Senator tadi perlu semakan kepada saya sebab berdasarkan di sini dia ada insentif khusus kepada ibu-ibu yang bersalin.

Keduanya, kita ada EFS merupakan pemberian RM1,000 kepada setiap kelahiran anak Sarawak dalam bentuk simpanan bermula pada tahun 2019 tanpa mengira bangsa, agama dan status sosioekonomi. *Details*, saya mungkin perlu semakan dan menjawab kepada Yang Berhormat Senator secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Aklan a/l Ehtook.

**5. Tuan Aknan a/l Ehtook** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apa kemajuan terkini *Multi Lane Free Flow* (MLFF) yang dikatakan bakal menyelesaikan semua masalah di plaza tol. Apa faedah lain MLFF dan adakah MLFF ini akan membolehkan pengguna lebuhraya menggunakan platform bayaran yang lain selain *Touch 'n Go*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hari ini semua Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab sebab saya dimaklumkan kabinet bersidang bermula hari Jumaat. Jadi, saya ambillah kesempatan ini, kita akan ingatkan balik kerajaan supaya semasa Dewan Negara bersidang, berilah sama perhatian seperti mana Dewan Rakyat beroleh yakni dari hari Jumaat itu dialih ke hari Rabu apabila selesai sahaja di Dewan Rakyat.

Akan tetapi apabila kita bersidang, balik-balik kepada persidangan lama, hari Rabu. Jadi, mengikut kuat kuasa Perkara 43(3), Kabinet adalah bertanggungjawab kolektif kepada Parlimen. Dewan Negara, sebahagian daripada Parlimen. Oleh itu, ia perlu diutuskan kepada Setiausaha Jemaah Menteri tentang hal ini oleh Setiausaha Dewan Negara. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Aknan A/L Ehtook. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pelaksanaan Aliran Pintas Pelbagai Lorong- *Multi Lane Fast Flow* merupakan hala tuju Kementerian Kerja Raya bagi masa depan sistem kutipan tol bagi semua lebuhraya di Malaysia dan ia adalah selaras juga dengan Pelan Pelaksanaan Pengangkutan Pintar Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan negara maju di dunia sudah beralih menggunakan kaedah MLFF sebagai sistem bagi kutipan tol di lebuhraya. Di rantau Asia Tenggara, negara seperti Thailand dan Indonesia juga telah mengorak langkah ke arah pelaksanaan sistem kutipan tol secara MLFF ini dan adalah amat penting untuk Malaysia turut mengaplikasikan MLFF supaya tidak ketinggalan daripada segi teknologi dan sistem kutipan tol.

Untuk makluman Yang Berhormat, sistem MLFF akan memberi impak positif terhadap isu kesesakan semasa yang semakin meruncing terutama di kawasan plaza tol dan sering kali melimpah sehingga ke jalan utama. Ini adalah kerana penggunaan tidak lagi perlu memberhentikan atau memperlahankan kenderaan bagi membuat bayaran tol.

Selain itu juga, MLFF akan memberi kemudahan dan meningkatkan pengalaman penggunaan melalui transaksi pembayaran tol yang cepat dan efisien serta dapat memelihara alam sekitar daripada pelepasan karbon yang berlebihan akibatkan daripada kesesakan trafik di dalam plaza tol. Dalam pelaksanaan MLFF kelak, akan ada satu atau platform pembayaran yang pelbagai akan disediakan bagi memberi pilihan kepada pengguna dalam memilih sumber kewangan bagi tujuan pembayaran tol dan sebagai persediaan peralihan kepada MLFF. Kementerian Kerja Raya akan memperkenalkan sistem pembayaran terbuka yang

membolehkan penggunaan menggunakan *e-wallet*, kad debit dan kad kredit untuk membayar tol.

Sebagai permulaan, sebanyak 11 buah lebuhraya akan menjalankan *open payment system* seperti yang telah diumumkan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya pada 28 Mac 2023. Sistem ini dijangka akan mula dilaksanakan pada September 2023. Lebuhraya berkenaan adalah Jambatan Pulau Pinang, Lebuhraya Butterworth-Kulim, Lebuhraya Sungai Besi, Lebuhraya Baru Pantai, Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur, Lebuhraya Koridor Guthrie, Lebuhraya Shah Alam, Lebuhraya Damansara-Puchong, Lebuhraya Sistem Penyeruaian Trafik KL Barat, Terowong SMART dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya.

Kementerian juga merancang untuk menjalankan bukti konsep di lebuhraya selewat-lewatnya pada Oktober 2023 untuk mengenal pasti keberkesanan sistem serta masalah dan isu yang mungkin timbul supaya dapat diatasi sebelum pelaksanaan MLFF secara sepenuhnya. Proses migrasi kepada MLFF ini merupakan sesuatu yang kompleks kerana ia melibatkan lebuhraya yang telah beroperasi. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian komited dalam memastikan MLFF ini dapat direalisasikan demi kemudahan dan keselesaan pengguna lebuhraya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Akmaz a/l Ehtook:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sambil kita menunggu MLFF ini, pada tahun ini raya sudah hendak dekat ini. Saya hendak tanya apakah kementerian buat untuk pastikan kita- semua dan rakyat semuanya boleh balik tanpa perlulah merungut di lebuhraya, termasuk merungut semasa di R-F-I-D- orang kata, "*Reverse-Forward-Insyaa-Allah-Detect*"... [Ketawa] So, harap boleh diluluskan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Reverse apa- reverse forward?*

**Tuan Akmaz a/l Ehtook:** "*Reverse-Forward-Insyaa-Allah-Detect.*"

**Tuan Yang di-Pertua:** Wah. Itu kena ambil berat Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia itu- tidak *radio frequency* lagi. Sila, sila.

**Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad:** Sememangnya KKR mengambil maklum bahawa setiap kali perayaan, bukan sahaja waktu hari raya puncak seperti Raya Puasa, Raya Haji, musim Perayaan Hari Raya Cina dan sebagainya, sudah pasti lebuhraya akan mengalami kesesakan yang amat sangat. Tidak terkecuali di Kementerian Kerja raya sendiri yang sentiasa membincangkan dalam perkara ini.

Langkah utama yang kita ambil adalah supaya kita dapat melakukan beberapa perkara iaitu mengeluarkan cadangan waktu perjalanan bagi pengguna Lebuhraya Utara-Selatan, Lebuhraya KL-Karak, Lebuhraya Pantai Timur dan Lebuhraya Pantai Timur 2 bagi membantu pengguna merancang perjalanan. Kita sudah rancang. Maknanya kalau semua pengguna mengikut perancangan kita, sudah pasti kita dapat melaksanakan perkara tersebut.

Kemudian, kita mengemas kini status trafik atau sebarang insiden di lebuh raya setiap 10-20 minit melalui *Facebook* atau *Twitter* dan sebagainya dalam sistem LLM secara rasmi di pihak kami. Kemudian, kita bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan Jalan supaya larangan kenderaan berat tidak boleh digunakan dua hari sebelum perayaan dan dua hari selepas cuti umum. Itu kita lakukan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri yang tidak lama lagi kunjung akan tiba ini.

Kemudian, kita akan pastikan sistem kutipan tol berfungsi dengan baik bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku seperti transaksi pelaksanaan ini. Kita gunakan lebih lorong digunakan tempat yang akan kita gunakan dan termasuk juga kita akan membuat lorong berlebihan iaitu maksud saya- kita tutup sebahagian dan kita gunakan sebahagian yang berlawanan arah. Sebenarnya banyak Tuan Yang di-Pertua yang kita cuba untuk lakukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad:** Akan tetapi masa agak singkat untuk jawapan ini. Jadi, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak perkara yang akan kita umumkan waktu menjelang pilihan raya ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Razali bin Idris:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Seri Razali.

**Datuk Razali bin Idris:** Okey. Terima kasih. Saya melihat masalah utama yang ada di lorong tol sekarang ini adalah palang yang menyebabkan kesakan lalu lintas terutamanya pada musim Hari Raya. Apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk mencari jalan untuk sementara waktu hari raya ini cabut dahulu palang itu dan dia *detect*? Jadi, tidak payah pakai palang. Kereta lalu sahaja, RFID terus- tangkap. Tidak perlu ada palang. Boleh tidak kerajaan buat begitu? Terima kasih.

■1050

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu pandangan yang konstruktif, membina. Sila.

**Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris yang membuat cadangan yang sememangnya amat baik. Cadangan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad:** Saya akan cuba bincangkan bersama dengan LLM sama ada penggunaan tersebut boleh digunakan. Oleh sebab kalau kita melihat, semua ini melalui di tol. Oleh sebab kalau kita lihat, kita berhenti saja di kamera itu, palang tersebut akan terbuka dan sekiranya palang tersebut tidak digunakan, adakah ia boleh digunakan? Satu pandangan yang saya tidak boleh memberi jawapan yang tepat tetapi boleh diusahakan kepada LLM supaya perkara itu boleh dijadikan kenyataan. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali, memberi pandangan yang begitu baik sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*. Ini satu cadangan yang baik. Selesai, maka diucap terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dan jangan lupa cadangan tersebut diberi maklum semula.

Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

**6. Tuan Robert Lau Hui Yew** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apa rancangan kerajaan dalam memperkasakan tenaga kerja negara kita, terutamanya untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang secukupnya demi menjamin daya saing pekerja dalam era kecerdasan buatan, terutamanya ChatGPT.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Robert Lau, Yang Berhormat Senator kita. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melancarkan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia pada tahun 2020 dan Dasar Industri 4.0 buah negara pada tahun 2021 bagi memacu pembangunan ekonomi digital negara dan teknologi Dasar Revolusi Perindustrian Keempat dengan mengambil kira pembangunan guna tenaga berkemahiran sedia ada dan keperluan industri digital masa hadapan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Kementerian Sumber Manusia telah dilantik sebagai Pengerusi Kluster Bakat Digital di bawah Majlis Ekonomi Digital dan Industri 4.0 Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kluster Bakat Digital bertanggungjawab untuk menyelaras pelaporan bagi program-program digital dengan kerjasama kementerian dan agensi berkaitan dalam usaha melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam bidang digital.

Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran telah membangunkan sebanyak 182 Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan berkaitan bidang digital. Contohnya, pengaturcaraan dan penyiaran dengan izin, *programming and broadcasting activities*. Aktiviti penerbitan dan telekomunikasi, dengan izin, *publishing activities and telecommunications*. Standard pekerjaan yang dibangunkan ini boleh dijadikan rujukan kepada semua penyedia latihan, terutamanya institusi-institusi latihan TVET untuk melahirkan bakat mahir negara berkaitan bidang digital.

Selain itu, bagi mempergiatkan usaha untuk meningkatkan penyertaan belia dalam bidang digital, Jabatan Pembangunan Kemahiran juga menganjurkan pertandingan kemahiran antarabangsa dan pertandingan kemahiran peringkat belia setiap tahun melibatkan lebih kurang 1,300 penyertaan belia.

Sebanyak tujuh bidang berkaitan teknologi digital dipertandingkan dalam era kecerdasan buatan. Selain itu, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Manusia dalam usaha memperkasakan pendidikan TVET yang turut menyumbang dalam melaksanakan penyediaan pekerja berkemahiran dalam bidang digital dengan kerja-kerja

penyelenggaraan fizikal dan infrastruktur makmal keselamatan siber, dengan izin, *cyber security* di Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat serta mengadakan program latihan untuk tenaga pengajar dan persijilan profesional kepada tenaga pengajar di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia dalam bidang keselamatan siber.

Di bawah inisiatif peningkatan kemahiran dalam latihan semula kemahiran berasaskan digital pula, Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) giat menggalakkan majikan untuk menghantar pekerja ke program berteraskan digital dan Industri 4.0. Hebahan telah dilakukan melalui pekeliling majikan yang menyenaraikan sembilan fokus utama latihan yang telah dikenal pasti, termasuk Industri 4.0 dan teknologi masa hadapan.

Secara kesimpulannya, penyediaan bakat negara dalam bidang digital memerlukan penyelarasan antara pelbagai program dan inisiatif oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Soalan tambahan. Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew, lagi?

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah kecerdasan buatan, dengan izin, *artificial intelligence* akan menggantikan berjuta-juta pekerja pada tahun-tahun yang akan datang. Sebaliknya, ia akan membantu orang ramai menyelesaikan lebih banyak kerja dengan lebih cepat, sekali gus meningkatkan produktiviti.

Soalan saya ialah, apa yang perlu kerajaan lakukan daripada segi dasar untuk memanfaatkan *artificial intelligence* dan pada masa yang sama, melindungi atau mengurangkan kesan kehilangan pekerjaan dan mengagihkan sosial dan ekonomi?

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Terima kasih soalan tambahan, Yang Berhormat Senator. Untuk makluman, kita sedang melahirkan tenaga mahir negara yang sebagai operator, pengoperasi yang mengoperasi *artificial intelligence* (AI) ini. Kita akan memastikan bahawa tidak akan berlaku kekurangan pekerjaan di negara ini. Oleh sebab *artificial intelligence* ini, kecerdasan buatan ini tidak akan menggantikan manusia sepenuhnya. Tidak akan menggantikan manusia sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan. Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Okey, sekarang ini alhamdulillah, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program di bawah Kementerian Sumber Manusia. Cuma daripada pemerhatian kerajaan, bila dipertimbang ataupun perbandingan dengan negara-negara ASEAN yang lain, di manakah kedudukan kita dalam aspek yang diharapkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew? Di manakah? Berbanding *Singapore*, berbanding Thailand. Supaya ini merupakan satu-pencetus kepada penarikan syarikat-syarikat global IT untuk datang ke negara kita.

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Terima kasih soalan tambahan, Yang Berhormat Senator. Daripada segi standard, secara *detail* nya saya tidak ada. Mungkin saya akan jawab secara bertulis. Akan tetapi daripada segi perbandingan kasar, seperti yang kita sedia maklum, *even* kita dengan negara jiran kita, Singapura agak ketinggalan. Itulah yang menyebabkan ramai tenaga mahir kita berhijrah ke Singapura.

Jadi, itu juga menunjukkan bahawa ada gap, ada kesenjangan antara kita dengan negara-negara lain yang sekitar ASEAN ini. Jadi, daripada segi kemahiran pula, memang itulah yang saya sebut tadi. Kita juga menggalakkan pelajar-pelajar kita, belia-belia kita untuk mewakili negara untuk bertanding di peringkat antarabangsa. Ini untuk memastikan bahawa standard kemahiran kita juga akan dapat mencapai peringkat antarabangsa dan juga sekali gus akan mengangkat negara ini supaya dapat melahirkan tenaga mahir yang berkualiti. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih.

Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan.

**7. Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan** minta Menteri Komunikasi dan Digital menyatakan, apakah perincian mengenai jalur lebar, kapasiti, redundansi dan titik terminasi atau *termination point*, bagi pautan rangkaian internet di antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, Sarawak telah dihubungkan dengan dua sistem kabel dasar laut sedia ada iaitu Sistem Kabel Rakyat 1 Malaysia (SKR1M) oleh Telekom Malaysia Berhad (TM) menghubungkan Mersing ke titik terminasi di Kuching, Bintulu dan Miri dengan kapasiti semasa sebanyak 7.4 terabit, dan sistem kabel *East-West* dari Mersing ke titik terminasi ke Kuching oleh Sacofa Sdn. Bhd. dengan kapasiti semasa 600 gigabit.

Sistem Kabel Internet Batam Sarawak (BaSICS) Irix Sdn. Bhd. pula yang dahulunya dikenali sebagai PP Telecommunication Sdn. Bhd. (PPTTEL) dengan kapasiti sehingga 40 terabit telah pun siap dan dilancarkan pada 9 September 2022. Dengan siapnya sistem kabel tersebut, ia bakal berfungsi sebagai not gerbang antarabangsa yang baharu di Sarawak. Daripada segi *redundancy* rangkaian dan dalam memastikan perkhidmatan Internet di Sarawak tidak terjejas sekiranya berlaku sebarang kerosakan pada mana-mana sistem kabel tersebut, SKR1M telah direka bentuk dengan rangkaian berbentuk gelung- *ring network*, dengan izin, yang mana rangkaian kabel SKR1M dari Sarawak ini turut disambungkan ke Tanjung Aru, Sabah, dan seterusnya kembali semula ke Semenanjung Malaysia melalui Cherating.

Dari Cherating pula, terdapat sambungan gentian optik sedia ada menghubungkan stesen kabel dasar laut Cherating dengan stesen kabel dasar laut Mersing.

■1100

Selain itu, jumlah penggunaan kapasiti lebar jalur SKR1M di Sarawak masih mempunyai lebih kapasiti yang mencukupi untuk menampung keperluan pada masa yang akan datang. Sekian sahaja jawapan saya. Terima kasih.

**Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Di Sabah, kadar kemasukan teknologi jalur lebar sememangnya masih kurang dan ada yang tidak sampai pedalaman ini. Sampai pun, kadang-kadang lemah. Jadi, adakah pihak kementerian memberi keutamaan untuk mempercepatkan pembinaan menara telekomunikasi bagi menyelesaikan isu Internet di kawasan, tempat-tempat ataupun kampung-kampung yang padat penduduknya? Sekian, terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. Pertamanya, kalau sampailah suku keempat 2022, memang *coverage* ataupun rangkaian 4G untuk kawasan di Sarawak yang berpenduduk setinggi 87.12 peratus tetapi kami memang rasa bahawa ada ruang lagi untuk kita tambah baik. Oleh sebab itu, setakat ini masih ada 684 buah menara yang sedang dilaksanakan. Kita percaya bahawa apabila jumlah ini, 684 kesemuanya telah siap, kami bolehlah mencapai lebih daripada 90 peratus punya *coverage* untuk Sarawak.

Selain daripada itu, di bawah JENDELA, kami ada satu projek lagi yang kita panggil *point of presence* (POP). Setakat ini kami memang telah *identify*, mengenal pasti 60 buah kawasan pedalaman yang kami akan melaksanakan program POP ini dengan satu peruntukan sebanyak RM80 juta. Kami harap bahawa dengan JENDELA dan juga kerjasama dengan syarikat-syarikat telco, kita boleh meningkatkan lagi perkhidmatan rangkaian di kawasan pedalaman di Sarawak. Terima kasih.

**Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan:** Di Sabah macam mana?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Umumnya, di negara kita, *coverage* walaupun di Lembah Klang, setengah okey, setengah tidak okey. Secara umum. Oleh sebab itu, Menteri Telekomunikasi yang lepas sebelum PRU-15 mencadangkan satu program besar-besaran.

Soalan saya, daripada apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, dari Cherating ke Mersing ke Tanjung Aru dan sebagainya, daripada rekod kementerian, berapa bilion yang terlibat? Fokus kepada pembinaan baharu, kerajaan lebih tertumpu kepada sistem kabel ataupun lebih tertumpu kepada sistem satelit? Sekian, terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pertamanya, untuk sistem kabel dasar laut ini, memang itu merupakan pelaburan daripada pihak swasta. Kebanyakan kabel yang saya sebut tadi tidak melibatkan dana daripada kerajaan kerana syarikat-syarikat tertentu yang saya sebut tadi, mereka nampak bahawa ini adalah satu- benda yang boleh *commercialized*. Oleh sebab itu, mereka bina kabel dasar laut ini dengan dana mereka kecuali TM, SKR1M memang dibina menggunakan dana daripada TM sendiri dan mereka juga ada guna pakai sedikit dana daripada SKMM iaitu dana USP.

Untuk yang lain, kedua, yang kabel laut yang saya sebut seperti *basic* ataupun kabel *East-West* yang dibina oleh Sacofa itu ada lah dana mereka sendiri. Untuk hala tuju kementerian, kami hendak pastikan bahawa dana kerajaan ada lah diguna pakai untuk menjaga kawasan pedalaman di mana tidak ada *commercial value*. Oleh sebab itu, syarikat *telco* tidak berminat untuk membina menara baharu guna pakai dana sendiri.

Oleh sebab itu, kita mengguna pakai dana daripada kerajaan ataupun dana USP daripada SKMM untuk membina menara baharu di kawasan tersebut untuk pastikan bahawa seluruh Malaysia bolehlah dijaga. Untuk soalan daripada Yang Berhormat tentang Sabah, saya ada statistik di sini. Akan tetapi, mungkin saya boleh bagi dalam bentuk bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

**8. Datin Hajah Ros Suryati binti Alang** minta Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyatakan, sejauh mana keberkesanan Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA) dalam membantu kelangsungan perniagaan golongan wanita.

**Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Rubiah binti Haji Wang]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Datin Ros Suryati. Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui MARA telah melaksanakan Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA) yang memfokuskan penyertaan wanita dalam aktiviti keusahawanan serta memperkasakan usahawan wanita sedia ada bagi meningkatkan pendapatan isi rumah. Skim DanaNITA ini telah mendapat kelulusan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas berjumlah RM35 juta dengan pecahan pada tahun 2021 sebanyak RM10 juta, 2022 sebanyak RM10 juta dan 2023 sebanyak RM15 juta.

Semenjak tahun 2021 hingga Februari 2023, seramai 690 orang usahawan wanita telah menerima manfaat daripada kemudahan ini dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM26.39 juta. Daripada keseluruhan penerima manfaat di bawah kategori ini, seramai 173

orang usahawan merupakan usahawan baharu iaitu usahawan yang baru memulakan perniagaan sama ada perniagaan secara atas talian atau di premis perniagaan fizikal.

Manakala sebahagiannya lagi penerima kemudahan ini iaitu 517 orang usahawan merupakan usahawan sedia ada yang telah pun berniaga dan memerlukan kemudahan sokongan perniagaan bagi mengembangkan perniagaan mereka serta meningkatkan produktiviti pengeluaran melalui penambahan mesin dan sebagainya.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan dapatan daripada sampel kajian keberkesanan program DanaNITA yang telah dilaksanakan pada tahun 2022, kajian menunjukkan sebanyak 72 peratus usahawan wanita berjaya meningkatkan nilai jualan melebihi 10 peratus melalui kemudahan pembiayaan perniagaan yang mereka menerima. Kebanyakan pembiayaan DanaNITA yang dilaksanakan adalah dalam bidang gaya hidup, makanan dan minuman, fesyen dan jahitan, spa dan produk-produk kesihatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datin Hajah Ros Suryati binti Alang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, nasib wanita dalam perniagaan sering diketepikan. Sejauh mana keberkesanan skim pembiayaan khas DanaNITA dalam membantu kelangsungan perniagaan terutamanya dalam era ketidaktentuan ekonomi pada tahun ini? Adakah langkah jangka panjang kerajaan dalam mempromosikan lagi skim ini terutamanya kepada wanita di luar bandar? Saya juga ingin tahu, sejauh manakah skim ini berjaya membantu usahawan wanita di luar bandar khususnya?

**Datuk Rubiah binti Haji Wang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, cara memohon pembiayaan ini melalui dua sistem. Satu secara *online* iaitu melalui *www.mara.gov.my* dan satu lagi cara melalui borang secara fizikal di pejabat-pejabat- yang boleh didapati di Pejabat MARA di setiap daerah.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan keberkesanan pembiayaan DanaNITA ini, MARA telah mengambil beberapa inisiatif. Bukan sahaja kita memberi peruntukan dari sudut modal, contohnya pinjaman antara RM50,000 ke RM150,000. Kita juga, MARA juga memberi khidmat kaunseling, khidmat nasihat kepada usahawan-usahawan wanita.

#### ■1110

Begitu juga, kita juga membantu dari sudut promosi perniagaan yang mereka memperoleh. Begitu juga, MARA juga memberi latihan yang berkaitan dengan perniagaan termasuk latihan dari sudut motivasi untuk meningkatkan semangat dan kekuatan usahawan-usahawan wanita. MARA juga membuat pemantauan pencapaian usahawan-usahawan di bawah pembiayaan ini.

Selain daripada itu, usahawan-usahawan yang diberi peruntukan pembiayaan ini juga diberi keutamaan untuk menyewa premis-premis MARA yang ada di seluruh negara. Jadi, untuk memastikan pembiayaan ini diketahui oleh semua pihak khasnya usahawan-usahawan terutama di luar bandar, kita telah mempromosikannya melalui pejabat-pejabat daerah MARA di setiap daerah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagaimanakah peratusan penglibatan wanita kampung atau rumah panjang di Sarawak dalam DanaNITA ini? Terima kasih.

**Datuk Rubiah binti Haji Wang:** Untuk makluman Yang Berhormat Senator, penglibatan wanita khasnya luar bandar khususnya di rumah-rumah panjang dan kampung pedalaman masih kecil lagi memandangkan satu pembiayaan ini masih baru, bermula tahun 2020 sehingga kini.

Kedua, oleh sebab itulah kita di pejabat MARA daerah kita mempromosikan program ini melalui pejabat-pejabat daerah juga dan juga dimaklumkan melalui *online* kita, laman web kita. Setakat ini untuk makluman Yang Berhormat, usahawan Sarawak di bawah pembiayaan ini adalah seramai 61 orang tetapi kurang di peringkat pedalaman. Cabaran ini yang orang kata kita akan buat lebih hebat lagilah untuk masa-masa akan datang. Terima kasih.

**9. Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta Menteri Pertahanan menyatakan, apa perkembangan terbaru bagi projek pembinaan Kapal Tempur Pesisir Pantai (LCS) dan apakah tindakan mahkamah yang telah atau akan diambil dalam projek LCS ini di mana projek belum siap sepenuhnya tetapi bayaran dibuat tanpa pengetahuan pihak kementerian.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Haji Adly bin Zahari]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang dikemukakan. Pendirian Kementerian Pertahanan bagi meneruskan perolehan kapal tempur pesisir pantai atau LCS ini adalah untuk memperkasakan keupayaan operasi TLDM dalam memelihara kedaulatan perairan negara, selari dengan objektif pertahanan negara yang terkandung dalam Kertas Putih Pertahanan Negara.

Oleh yang demikian, Kementerian Pertahanan memberi tumpuan sepenuhnya dalam melangkah ke hadapan bagi memastikan projek LCS ini dapat diteruskan semula. Selain itu, Kementerian Pertahanan bersama dengan Angkatan Tentera Malaysia khususnya Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) khususnya pihak Boustead telah melihat semula perancangan perolehan LCS ini bersama dengan Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Peguam Negara bagi mencari penyelesaian terbaik bagi meneruskan pembangunan projek ini.

Mengenai perkembangan terbaru bagi pembinaan Kapal Tempur Pesisir Pantai ini, kementerian sedang dalam fasa akhir untuk memuktamadkan cadangan penerusan projek melalui penyediaan memorandum Jemaah Menteri yang dirancang akan dibentangkan dalam masa terdekat.

Sekiranya Jemaah Menteri memuktamadkan hala tuju bagi perolehan LCS ini, pihak kementerian akan bersedia untuk memaklumkan kepada sidang Dewan yang mulia ini. Berhubung tindakan mahkamah sama ada telah diambil ataupun tidak, kementerian menyerahkan sepenuhnya kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan jika terdapat salah laku dan pihak yang bertanggungjawab menyebabkan kelewatan terhadap penyiapan kapal tempur pesisir pantai ini dan kementerian tidak akan sesekali mempertahankan serta berkompromi dengan mana-mana pihak yang melakukan tindakan tidak bertanggungjawab dalam perihal perolehan dan pembangunan LCS ini.

Berkenaan pembayaran kepada pihak syarikat pembina pula, kementerian ingin menjelaskan bahawa pembayaran ini adalah berdasarkan kontrak yang telah termaktub secara ringkas kemajuan pembayaran tidak dirangkaikan dengan peratusan kemajuan kerja tetapi sebaliknya pembayaran adalah berdasarkan aktiviti dan kontrak untuk kesemua kapal dapat dilaksanakan.

Justeru, kemajuan setiap kapal perlu dibayar kerana kerja telah bermula dan peralatan perlu dibeli untuk dipasang di kapal tersebut. Sebagai makluman, inventori dalam ruang penyimpanan bagi peralatan LCS ini sudah pun bernilai RM1.7 bilion dan ia telah dibuktikan dan dilaporkan dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat Datuk Teo Eng Tee.

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, selepas siap membina kapal LCS, berapa kos yang akan ditanggung bagi pembayaran penyelarasan dan kos operasi untuk setiap kapal LCS? Kedua, kakitangan penyelarasan kalangan warganegara atau kakitangan teknikal asing?

**Tuan Haji Adly bin Zahari:** Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya dua persoalan. Pertama tentang kos. Kita tahu bahawa daripada pembangunan LCS ini secara keseluruhan RM9 bilion yang diperuntukkan, kita telah membelanjakan sekitar RM6 bilion. So, kita ada berbaki sekitar RM3 bilion. So, daripada RM3 bilion itu cabaran kepada kita adalah bagaimana kita ingin menyiapkan jumlah keseluruhan daripada perancangan kontrak kita.

Oleh sebab itu, kita mempunyai satu tanggungjawab di mana kita harus *revise* balik kaedah kita membangunkan LCS, itu yang pertama. Kedua, kita harus melihat kembali bagaimana kontrak itu dilaksanakan. Oleh sebab itu apabila kita mahu membentangkan kembali kepada Jemaah Menteri, kita memang ada berbaki RM3 bilion dan sedaya upaya kita

akan cuba menggunakan RM3 bilion bagi menyiapkan kapal yang pertama yang kita jangka boleh disiapkan pada tahun hadapan.

Begitulah juga dengan kapal kedua dan kapal seterusnya. Adapun jumlah tambahan kos kepada pembinaan ini banyak bergantung kepada bagaimana kita mahu menyiapkan kapal pertama, kedua dan seterusnya. Ini antara kos-kos yang terlibat.

Adapun persoalan tentang teknikal kemampuan, keupayaan kita. Memang kita sebenarnya kalau kita lihat antara tujuan dan matlamat asal bagi kita membangunkan LCS ini adalah sesuai dengan keperluan kita yang telah kita gariskan dalam Kertas Putih Pertahanan di mana kita mahu membangunkan teknologi pertahanan negara.

Kita tahu hasrat itu murni kerana kalau kita lihat dengan apa yang kita usahakan melalui Boustead ini, memang kita tahu bahawa kepakaran tempatan itu kita gunakan kecuali dalam bidang-bidang yang mempunyai teknologi yang tinggi. Contohnya macam enjin, kita sudah daripada enam buah kapal itu, setiap kapal itu kita menggunakan empat -enjin, dan kalau kita tengok dalam gudang kita itu, kita ada 12 -enjin untuk tiga buah kapal, sudah ada di situ.

Itu mungkin kita perlukan kepakaran luar tetapi bagi saya model yang digunakan itu memang boleh membangunkan kemampuan, kepakaran ataupun kemampuan teknologi pertahanan negara itu sendiri. Mungkin ada kelemahannya tetapi untuk ke hadapan, saya fikir kita mesti memastikan bahawa apa yang telah kita belanjakan itu tidak hilang.

Jadi, matlamat kita di Kementerian Pertahanan, kita mesti menyiapkan kapal ini sedaya upaya kita, dengan kemampuan, kepakaran kita di samping kerjasama kita dengan pihak luar. Itu sahaja.

**Datuk Lim Pay Hen:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2023 lalu Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa kementerian komited akan melangsaikan projek LCS pada tahun 2024. Sejauh mana komitmen kerajaan bagi memastikan tiada peruntukan tambahan yang akan terlibat sepanjang tempoh berkenaan berikutan laporan PAC ada menyebut bahawa pemegang kontrak Boustead Naval Shipyard Sendirian Berhad (BNS) tidak mampu membayar vendor, pembekal dan kontraktor biarpun kerajaan telah membayar RM6 bilion untuk projek tersebut. Sekian, terima kasih.

■1120

**Tuan Haji Adly bin Zahari:** Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya. Memang kita tahu bahawa antara perancangan dan komitmen kita, kalau kita lihat daripada segi pembangunan yang sedia ada, model kontrak kita ialah kita berusaha, ini model kontrak lama kita. Di mana kita berusaha untuk memastikan bahawa enam biji ini kita boleh selesaikan dalam tempoh yang tertentu. Kalau ikut kontrak asal,

sepatutnya kita *deliver* kapal yang pertama pada tahun 2019 dan 2020 itu kapal-kapal seterusnya tetapi ia tidak berlaku begitu.

Itu sebab kalau kita lihat kemampuan dengan pembangunan yang sedia ada, kita telah membangunkan sebahagiannya ada yang 70 peratus, ada yang 50 peratus, 40 peratus dan seumpamanya sebab model kita begitu. Kita buat *by block*. Kita hendak kalau boleh semuanya *progress* begitu. Kita tidak buat sebiji-sebiji begitu sebab kita melihat kepada kos itu. Jadi model itu memang kita tahu ada kelemahannya. Itu yang menyebabkan kalau kita tengok dalam gudang kita penuh dengan barang-barang ini kerana sebahagiannya kita *order* untuk enam buah kapal dan sebahagiannya kita order untuk tiga buah kapal.

Jadi ini antara- tetapi kalau kita lihat pembangunan ini dengan baki wang yang kita ada sekitar RM3 bilion keseluruhan kontrak itu *then* bila kita *revise*, contohnya *revision* yang kita buat dalam kontrak yang baharu iaitu kita memansuhkan peranan orang tengah ini. Ada sebahagiannya memang kalau kita lihat bila kita hendak pergi kepada *original equipment manufacturer* (OEM) itu, ada orang tengahnya. Jadi dalam kontrak yang baharu ini ada peranan yang kita buat iaitu kita membatalkan OEM ini supaya kita boleh membayar terus kepada pengeluar itu sendiri.

Saya rasa proses ini boleh membantu kita bagi memastikan bahawa kita boleh menjadualkan mengikut jadual kita di mana dalam jadual baharu kita, kita menganggarkan pada tahun hadapan 2024, kita sudah boleh menyiapkan satu buah kapal. Kita harus faham bahawa bila kita menyiapkan kapal ini daripada segi pembinaannya, ia harus melalui proses 22 bulan bagi pengujian sama ada di pelabuhan mahupun ujian di laut. Itu sahaja.

**Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik banyak sangat cerita kapal, saya tutup.

Yang Berhormat Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris.

**10. Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris** minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, sejauh mana tahap kemapanan bekalan beras tempatan menjelang tahun 2025 bagi menampung keperluan di seluruh negara dengan mengambil kira kebarangkalian berlakunya kegawatan ekonomi global yang boleh mengundang kepada sekatan eksport beras oleh negara-negara luar ke negara ini.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Tuan Chan Foong Hin]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan beras dalam negara pada masa ini dipenuhi melalui 70 peratus pengeluaran tempatan, manakala selebihnya iaitu sebanyak 30 peratus lagi ditampung melalui kemasukan beras import.

Dalam mendepani cabaran masa akan datang termasuk kegawatan ekonomi global serta sekatan eksport beras oleh negara-negara luar, antara usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan keterjaminan bekalan makanan adalah:

- (i) memperluas pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB). Program SMART SBB merupakan hala tuju baru bagi industri padi dan beras yang dilaksanakan melalui kerjasama antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan pihak swasta. Program ini dilaksanakan melalui penyatuan tanah sawah secara pertanian kontrak atau sewaan menerusi satu sistem pengurusan bagi mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil lepas tuai melalui pengurusan tanam padi yang cekap dan sistematik;
- (ii) penggantian varieti biji benih padi tiga atau empat tahun sekali supaya ciri kerintangan kepada penyakit dan perosak sentiasa optimum;
- (iii) penguatkuasaan Prosedur Tetap Operasi (SOP) khusus kepada pengendali jentera atau penyedia perkhidmatan bagi meningkatkan kualiti penyediaan tanah dan juga membantu mengurangkan kehilangan lepas tuai yang seterusnya boleh meningkatkan pendapatan petani;
- (iv) meningkatkan kesuburan tanah melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berterusan;
- (v) meningkatkan kecekapan pengurusan input bagi memastikan peningkatan produktiviti tanaman padi dengan menggalakkan penggunaan benih sah dan juga kecekapan penyaluran bantuan subsidi kerajaan;
- (vi) pemodenan mekanisasi dan automasi serta adaptasi teknologi baru tanaman padi melalui penggunaan jentera yang moden, berkeupayaan tinggi dan dapat mengoptimumkan hasil seperti penggunaan dron dan jentuai mini; dan
- (vii) pemantapan sistem pengembangan pertanian dan pengairan seperti pakej teknologi peningkatan hasil, pengurusan perosak bersepadu, penggunaan sistem teknologi maklumat (ICT) dan aplikasi mudah alih dalam pemantauan aktiviti pertanian.

Pada masa ini, status kedudukan stok beras negara adalah stabil dan mencukupi. Diharap melalui pelaksanaan usaha atau inisiatif tersebut di atas, pengeluaran padi dapat ditingkatkan dan seterusnya menjamin bekalan makanan berterusan. Ini terbukti pada tahun 2020 semasa berhadapan dengan penularan wabak COVID-19 serta sekatan eksport oleh

negara pengeksport, bekalan negara tetap berterusan dan tidak pernah terputus disebabkan oleh pendekatan dan dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris:** Soalan tambahan. Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut mengenai subsidi serta insentif yang telah disediakan oleh pihak kementerian. Bagaimanakah subsidi serta insentif yang telah disediakan tersebut berupaya merangsang produktiviti padi di negara ini dengan mengambil kira masalah cuaca yang tidak menentu di samping kenaikan kos baja yang sering kali membebankan golongan pesawah desa? Terima kasih.

**Tuan Chan Foong Hin:** Ya, untuk makluman Yang Berhormat Senator, secara umumnya, kementerian kita ada menyediakan lima jenis program input dan output pertanian bersubsidi yang sedang dilaksanakan. Kalau tengok peruntukan untuk tahun ini, peruntukan untuk tahun 2023 belanjawan yang baru-baru ini, daripada RM5.2 bilion keseluruhannya untuk Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, sebanyak RM1.6 bilion khusus untuk pembangunan industri padi dan beras. So, ini menunjukkan satu seksyen yang amat besar kita pakai untuk membangunkan industri ini.

Daripada ini, kita boleh buat satu rumusan, sebanyak 60 peratus daripada kos input untuk penanaman padi dan sawah memang di subsidi oleh kerajaan. So, daripada jumlah yang besar begitu, kita menyumbang kepada untuk penambahan kerintangan terhadap perubahan cuaca serta perosak-perosak yang lain. Sekian, terima kasih.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** [Bangun]

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapakah yang dulu?

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Saya dulu, saya dulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini rakyat hendak dengar bila agak-agaknya kita tidak perlu bergantung pada import. Kalau hendak bergantung pada import pun, lebih kepada sebagai *stockpile*. Bilakah rancangan kerajaan kita boleh mencapai guna penuh hasil dalam negara padi? 100 peratuslah, kita tidak mahu 70 peratus semua, tidak mahulah.

**Tuan Chan Foong Hin:** Okey, untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa sekarang tahap sara diri beras negara iaitu 65 peratuslah kalau pada tahun 2021. Negara kita menyasarkan tahap SSL ini sebanyak 75 peratus menjelang tahun 2025 dan 80 peratus menjelang tahun 2030. So, kita masih belum menyasarkan 100 peratus, hanya setakat 80 peratus. Cuma macam mana pun, untuk memastikan kecukupan bekalan beras di negara ini, kita ada menyediakan *stockpile* negara termasuk *trading stock* yang berjumlah 1.1 juta metrik tan yang dapat menampung 5.5 bulan keperluan negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Soalan tambahan.

**Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Dato' Samsudin. Siapakah hendak jawab tadi? Silakan, silakan.

**Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya demi keterjaminan makanan, kadang-kadang tanah-tanah sawah di kawasan strategik terutamanya kawasan-kawasan yang baik untuk kita tukar kepada tanah industri tetapi kita masih kekalkan sebagai tanah sawah demi keterjaminan makanan. Jadi apa insentif mungkin Kerajaan Pusat boleh fikir untuk bayaran kos melepas bagi negeri-negeri yang mempertahankan tanah-tanah sawah yang patut dikekalkan untuk menjamin makanan rakyat tetap kekal. Mohon penjelasan.

**Tuan Chan Foong Hin:** Setakat ini kementerian dan kerajaan tidak menyediakan sebarang insentif yang khusus untuk pihak kerajaan negeri untuk mempertahankan tanah untuk penanaman sawah. Kita senantiasa terbuka untuk perbincangan. Terima kasih.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim.

**11. Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan, tindakan dan usaha kerajaan untuk menguar-uarkan konsep Malaysia Madani sepertimana konsep-konsep sebelumnya supaya ada kesinambungan keterbukaan antara kerajaan dan rakyat dalam membina masyarakat yang berilmiah dan bertamadun.

#### ■1130

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) [Datuk Ugak anak Kumbong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad. Pada asalnya Tuan Yang di-Pertua, pengenalan Malaysia Madani sebagai langkah mengangkat semula martabat negara bangsa Malaysia Madani yang tertegak berteraskan prinsip kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, khidmat, keyakinan dan insan menuju Malaysia baharu yang megah di persada dunia.

Konsep Malaysia Madani ini amat penting didalami dan difahami oleh semua peringkat penjawat awam. Ia tidak boleh dilihat sebagai satu fahaman politik dan slogan semata-mata, tetapi perlu diterjemahkan kepada usaha murni gagasan Malaysia Madani yang perlu dicapai dan rakyat turut sama berperanan dan berganding bahu dalam mencapai apa yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas pada tahun 2022, Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan Perdana Menteri telah luluskan peruntukan sebanyak RM4.6 juta untuk melaksanakan pelan komunikasi dan promosi agenda Malaysia Madani untuk menyebar luaskan maksud sebenar Malaysia Madani kepada rakyat melalui pelbagai medium seperti TV, radio, pencetak, papan iklan, penerbitan ilmiah, pembikinan video, promosi di media sosial dan sebagainya. Beberapa kementerian lain

contohnya seperti Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) turut aktif menjalankan fungsinya untuk memperluaskan penyebaran maklumat ke negara khususnya Malaysia Madani bagi meningkatkan jati diri dan semangat patriotik rakyat.

Manakala, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) turut terlibat dalam mengadakan program-program mempromosikan perpaduan dan agenda Malaysia Madani melalui penyiaran dan Kembara Perpaduan Malaysia yang akan kita adakan nanti.

Melalui usaha-usaha ini Tuan Yang di-Pertua, yang dinyatakan konsep Malaysia Madani pula bukan sahaja difahami, malah ia memudahkan kerajaan dan rakyat bersamasamalah dalam membina masyarakat yang berilmiah dan bertamadun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad.

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim:** Terima kasih. Bagaimanakah Yang Berhormat Timbalan Menteri konsep Malaysia Madani ini akan memberikan impak yang besar khusus untuk masyarakat di Sabah dan Sarawak? Saya melihat usaha madani ini lebih tertumpu di kawasan Semenanjung sahaja, kurang di Sarawak dan Sabah. Adakah sebarang usaha bagi memberikan pemahaman kepada masyarakat mengenai konsep Madani ini sepenuhnya? Mohon penjelasan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan yang penting.

**Datuk Ugak anak Kumbong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad- ini harus dijawab dengan jelas...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Ugak anak Kumbong:** ...Dan terang.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan melalui perbelanjaan 2023 yang telah dibentangkan pada 24 Februari 2023, kerajaan telah menggariskan tiga tekad Tuan Yang di-Pertua:

- (i) pemacuan ekonomi yang terangkum dan mampan;
- (ii) reformasi institusi dan tatakelola bagi memulihkan keyakinan rakyat;  
dan
- (iii) keadilan sosial yang menyederhanakan kesenjangan.

Antara perkara yang diberi tumpuan oleh Kerajaan Malaysia Madani dalam Belanjawan 2023 juga iaitu pembangunan Sabah, Sarawak dan beberapa inisiatif telah direncanakan. Satu daripadanya iaitu menyegerakan pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo, *Sabah Sarawak Link Road* dengan peruntukan sebanyak RM20 bilion telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kedua, melaksanakan projek-projek melibatkan prasarana awam yang melibatkan projek jalan dan lampu jalan serta bekalan air dan elektrik sebanyak RM26 bilion...

**Tuan Yang di-Pertua:** Menepati tak soalan itu? Tadi disoal tentang madani di Sabah Sarawak, bukan jalan raya.

**Datuk Ugak anak Kumbong:** Ini merangkumi kesemua pembangunan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tanya, adakah itu berkaitan dengan soalan itu. Jadi, harus pada hemat saya, soalan itu dikaitkan dengan madani, *civil society* di kedua-dua wilayah kita. Itu pandangan saya. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh terima. Kalau tidak, buat langkah panjat pokok. Sila, sila.

**Datuk Ugak anak Kumbong:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kalau soalan atau pun jawapan saya tidak menyenangkan hati. Akan tetapi, kerangka Malaysia Madani untuk rakyat Sabah dan Sarawak- tidak pilih agama, bangsa dan warna kulit. Kita meliputi semua pembangunan itu harus diberikan perhatian yang sama, dan kesamarataan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Ahmad hendak...

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim:** Penjelasan kerana...

**Tuan Yang di-Pertua:** Diberi suntikan lagi? Boleh, boleh.

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim:** Patutnya konsepnya dihebohkan lebih lagi ke Sarawak dan Sabah. Apakah rancangan kerajaan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ugak anak Kumbong:** Kita punyai peruntukan lebih kurang RM50 juta dan kita akan memberi agensi Kementerian Perpaduan untuk membuat aktiviti seluruh Malaysia, bukan Sabah sahaja supaya rakyat-rakyat di pedalaman, di pelosok kampung di luar sana akan mengetahui mendalam lagi anjuran dan juga aktiviti-aktiviti dan inisiatif-inisiatif dasar-dasar madani ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya ia akan memberikan impak dan supaya rakyat akan mengetahuinya dengan lebih jelas kelak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya soalan tambahan, silakan.

**Seorang Ahli:** Siapa...?

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Dr. Dominic dahulu, kan?

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah apakah inisiatif oleh kerajaan sehingga hari ini memperkasakan agenda Malaysia Madani. Inisiatif itu akan termasuk juga membetulkan kesalahan, kelemahan yang telah diadakan. Seperti contoh, Malaysia Madani tidak akan melantik ahli-ahli politik di syarikat berkaitan kerajaan GLC. Oleh itu, apakah inisiatif usaha yang diadakan untuk memperkuat Malaysia Madani ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan terakhir, silakan.

**Datuk Ugak anak Kumbong:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau yang salah dahulu, kita akan mempelajari apa kesalahan.

Malaysia Madani akan mengubah akan sikap, tulus dan ikhlas. Inisiatif banyak Tuan Yang di-Pertua. Satu, kepada rakyat memang satu daripada agenda kita.

Seperti saya akan memberikan- kerana di bawah sana, madani dan rakyat kita mereka iaitu B40 dan sebagainya. Satu daripadanya untuk mengangkat kesusahan dan juga memberi segala faedah kepada rakyat miskin- inisiatif pertama saya ingat yang telah diuar-uarkan untuk penaja dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua. Inisiatif Payung Rahmah, Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap Malaysia Madani. Ini disasarkan kepada golongan B40, veteran, orang kurang upaya, serta warga emas, Tuan Yang di-Pertua. Penjimatan sebanyak 22 peratus pada harga hanya RM69 sebulan- kelajuan internet sehingga 36Mbps tanpa had, bermula 2023 ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Boleh saya mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita ada banyak urusan lain, bagi satu lagi soalan tetapi harus tumpu kepada nilai, sebab soal madani, soal nilai sama ada ia merupakan kita sama-sama mengamalkan budi bahasa budaya kita- *Tirukkural* menerusi Tamil, Confucius menerusi masyarakat Tionghoa. Bab itu saya fikir kita tidak pernah sentuh- selalu duit, selalu pemberian. Sila Yang Berhormat Puan Rita.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah dia bersetuju pelantikan ahli politik untuk menerajui syarikat GLC sebagai pengerusi dan sebagainya juga merupakan salah satu pelaksanaan nilai madani.

■1140

Kalau dia layak, kalau dia memang betul dapat menerajui syarikat tersebut, mengapakah kita bezakan di antara orang politik dengan orang yang bukan politik? *Because* Madani adalah “saksama”, Madani adalah “belas ihsan”. Setuju tak Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Berat sikit hari ini. Tak apa Yang Berhormat. Cuba, cuba...  
[Ketawa] [Tepuk]

**Datuk Ugak anak Kumbong:** Ini agak susah dan payah untuk saya sebagai ahli politik dan Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, kalau kita mengingat dahulu, Kerajaan Barisan Nasional banyak juga GLC, Perikatan Nasional banyak juga GLC, PH banyak juga GLC, Keluarga Malaysia juga banyak ahli politik GLC. Apakah salahnya? Kalau kemampuan seorang itu dapat menerajui sebuah GLC untuk memberi, membangun dan meningkatkan kemakmuran dan juga pembangunan serta memberikan keuntungan kepada satu GLC itu, apakah salahnya? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dijemput Setiausaha. Soal jawab berakhir. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan semua yang menyoal.

**[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2023**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

*Aturan Urusan Mesyuarat* dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Giliran kementerian-kementerian menjawab.” **[4 April 2023]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dan saya maklumkan, dijemput Yang Berhormat Menteri- Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk mula menjawab. Masa diberikan ialah 20 minit bagi setiap kementerian.

**11.41 pg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan salam Malaysia Madani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana diberikan kesempatan untuk menggulung Rang Undang-undang Perbekalan 2023 di Dewan yang mulia ini pada pagi ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana atas sokongan kepada perbahasan dan juga kepada semua Ahli Dewan, Ahli-ahli Senator yang telah menunjukkan keprihatinan di dalam membahaskan perihal Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Ramadhan Mubarak. Kita berada pada hari yang ke-14 menjalani ibadah puasa. Semoga kita sentiasa memperbaiki ibadah kita dalam bulan tarbiah ini, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ucap terima kasih kepada enam orang Yang Berhormat Senator kesemuanya yang telah berbahas iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair,

Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim; Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad; Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abdul Aziz; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail; dan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

Empat isu utama telah pun dibangkitkan iaitu yang melibatkan berkenaan dengan Inisiatif Rahmah, Menu Rahmah, Jualan Rahmah, inflasi dan kos sara hidup. Peranan KPDN, bantuan sewaktu banjir, bagaimana kita mengawal keadaan bekalan sewaktu banjir dan kos barangan. Begitu juga berkenaan dengan barang tiruan dalam jualan atas talian. Jadi, ada empat isu utama yang telah dibangkitkan dalam perbahasan.

Saya ingin menegaskan di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa KPDN telah dan akan *commit* kepada tiga fokus utama dan peruntukan sebanyak RM1.25 bilion bagi tahun 2023 telah pun diperuntukkan. Jadi, tiga fokus utama itu ialah:

- (i) untuk memastikan bahawa KPDN memberi tumpuan kepada memulihkan ekonomi negara. Selepas kita bangkit daripada COVID-19, kita perlu memacu sektor perdagangan dalam negeri supaya berdaya maju, berdaya saing, mampan dan juga beretika;
- (ii) kita juga ditambahkan peranan pada kali ini diletakkan amanah untuk menjaga kos sara hidup dalam tema rujukan kementerian. Itu merupakan fokus kita juga; dan
- (iii) berkenaan dengan kepenggunaan, bagaimana KPDN memberi fokus kepada mendaya upayakan segmen pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bermula dengan menyatakan berkenaan satu perbahasan Yang Berhormat Senator Juhanis binti Abdul Aziz. Ini kerana pada saya, pengamatan Yang Berhormat Senator merupakan pengamatan yang tepat. Oleh sebab dalam pasaran terbuka ini, sukar bagi kita mengawal kesemuanya dan bagaimana kita nak menangani kos sara hidup itu harus kita menggembeleng segala tenaga.

Akan tetapi sebelum saya bermula dengan huraian dan jawapan, saya ingin menegaskan bahawa kos sara hidup ini ada multi dimensi. Kos sara hidup ini bukan setakat makan dan minum. Kos sara hidup ini melibatkan kos utiliti. Kos sara hidup ini melibatkan kos tempat tinggal, ia melibatkan berkenaan dengan kos pengangkutan. Kos kesihatan, merawat diri kalau sakit. Kos pendidikan dan tentu sekali kos makan dan minum.

Jadi, apabila kita bercakap tentang kos sara hidup dari sudut multi dimensi ini, tentu sekali kita melihat kepada kadar inflasi tetapi kadar inflasi itu tidak sebenarnya mencerminkan bagaimana keadaan individu itu. Ini kerana, keadaan individu itu apabila dia dikatakan mampu menangani kos sara hidup ialah apabila pendapatannya melebihi daripada keperluannya.

Tak kiralah apa yang berlaku di luar sana, tak kiralah kadar inflasi kita meningkat atau menurun tetapi kalau sekiranya pendapatan dia tidak melebihi daripada keperluan dia yang disebutkan multi dimensi tadi, maka dia gagal menangani kos sara hidup bagi diri dia. Ukuran B40, ukuran M40 dan ukuran T20 itu juga akademik kerana di mana tempat tinggalnya. Kalau seseorang itu hidup di luar bandar, dia daripada kalangan orang miskin, pendapatan yang sama dengan golongan yang duduk di bandar, keadaan menangani kos sara hidup itu tidak sama.

Sekiranya dia mempunyai keluarga yang besar, itu juga tidak sama kerana pendapatan dan keperluan itu lebih daripada pendapatan yang dia ada. Kalaulah dia menjaga orang tua yang sakit ataupun dia sendiri tidak sihat, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ini semua merupakan kos yang perlu ditangani. Kalau sekiranya dia tidak ada lebihan perbelanjaan- *disposable income*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di situlah dia akan merasa kesempitan dalam menangani kos sara hidup ini.

Jadi, apakah yang kementerian boleh buat untuk memastikan individu ataupun ketua keluarga itu mampu menangani kos sara hidup? Kita perlu ada dua strategi atau strategi serampang dua- mata. Satu, kita perlu tingkatkan pendapatan, dan kedua, kita perlu kawal harga barang. Tingkatkan pendapatan itu *insya-Allah* akan diterajui oleh kementerian yang lain seperti Kementerian Ekonomi. Kita ada Inisiatif Pendapatan Rakyat dan sebagainya. Di KPDR pun kita ada beberapa inisiatif seperti DAYA dan sebagainya di mana kita nak dayakan, memberi daya kepada keusahawanan dan sebagainya. Meningkatkan pendapatan. Itu satu agenda.

Kemudian, mengawal harga barang. Itu yang di dalam apa yang dilakukan oleh KPDR. Ini merupakan satu langkah jangka masa pendek, dia bukan langkah jangka masa panjang. Akan tetapi buat sementara waktu, ia diperlukan Tuan Yang di-Pertua kerana selagi pendapatan rakyat itu tidak meningkat, selagi itu mereka akan tidak mampu untuk menangani kos sara hidup yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai beberapa langkah atau cara untuk mengawal harga barang. Pertama ialah dengan kawalan harga siling, kedua ialah dengan subsidi dan ketiga ialah dengan kawalan harga musim perayaan dan sebagainya. Saya dengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Juhanis berkenaan dengan jumlah subsidi yang diperuntukkan untuk tahun 2023 ialah RM64 bilion berbanding dengan jumlah sebenar subsidi pada tahun 2022 ialah RM80 bilion.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ini satu pengamatan yang amat baik kerana sebenarnya kita khuatir dengan jumlah subsidi yang begini besar.

#### ■1150

Oleh sebab itu kementerian sekarang, pihak kerajaan pada hari ini sedang beralih daripada subsidi pukal kepada subsidi bersasar. Ya, sebab sekarang ini kalau kita subsidikan

minyak masak dalam paket, minyak masak dalam paket yang satu kilogram itu, harganya RM2.50. Subsidiya RM4.40 kerana harga jualan satu kilogram dalam botol ialah RM6.90. Jadi, RM4.40 ini subsidi dan kita keluarkan 60 juta paket sebulan. Diperuntukkan RM400 juta pada tahun 2022, tetapi dibelanjakan sebanyak RM2 bilion. Ini kerana kos harga CPO itu turun naik.

Jadi, itu subsidi pukal. Jadi siapa-siapa boleh beli walaupun kita kata B40 yang harus beli ataupun yang memerlukan harus beli, tetapi kita tak tahu. Seperti saya katakan tadi, kalau M40 pun duduk di bandar, anak ramai, keadaan kesihatan tidak baik dan kos sara hidup dia tinggi, mungkin dia juga akan membeli minyak masak tersebut. Peniaga-peniaga mikro yang sentiasa meniaga keropok lekor, karipap, ayam gunting dan sebagainya, banyak menggunakan minyak masak yang bersubsidi ini. Jadi, kita sekarang sedang dan telah mengadakan bengkel, sedang berunding, sedang merancang strategi bagaimana nak beralih kepada subsidi bersasar. Daripada subsidi pukal kepada subsidi bersasar.

Berkenaan dengan nilai subsidi itu, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Kewangan akan sentiasa membantu. Walaupun diperuntukkan sekian-sekian, tetapi sekiranya perlu, Kementerian Kewangan akan terus memberi peruntukan tersebut. Seperti saya katakan tahun 2022, RM400 juta untuk minyak masak, tetapi keperluan yang sebenarnya digunakan sebanyak RM2.02 bilion. Jadi, Kementerian Kewangan memberikan kelulusan untuk menggunakan subsidi tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengawal harga barang seperti telur gred A, B dan C, disubsidi dan dikawal. Ada harga silingnya. Ayam standard bulat ada harga silingnya dan ada subsidi. LPG, RON95 dan diesel dan minyak masak dalam paket yang saya katakan tadi. Bermula pada bulan ini, April, kita juga telah memulakan subsidi kepada minyak masak dalam botol Tuan Yang di-Pertua. Ini sebab sebelum ini, kita tidak ada subsidi minyak masak dalam botol kerana harga CPO itu rendah, di bawah RM4,000. Akan tetapi sekarang ini dia dah meningkat, maka perlu disubsidi. Pada bulan April sahaja, RM7 juta disubsidikan untuk minyak masak dalam botol.

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Boleh tak mencelah sedikit Yang Berhormat...  
[Ketawa] Boleh?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Yang Berhormat Senator, hari itu tak bahas, tetapi saya bagi sedikit sahaja.

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja. Ini mengenai minyak masak tadi ya.

Sekarang ini harga minyak masak adalah bergantung kepada harga pasaran dunia sebenarnya ataupun lebih tepat lagi ikut harga eksport. Boleh atau tak kerajaan mengadakan perbincangan dengan pengilang-pengilang ini supaya mereka boleh bekalkan minyak masak

dengan harga yang berpatutan? Contohnya, jumlah kos sedia, tambah mungkin 20 atau 30 peratus keuntungan dia. Jadi, itulah harga yang dijual.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Ya, okey. Saya dapat poin itu Yang Berhormat Senator.

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Sebab kita boleh buat ayam dengan telur, kenapakah kita tak buat dengan minyak masak? Terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Ya, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Azam. Ini lah peranan NACCOL sebab tadi dia multidimensi, dia bukan hanya di bawah KPDN. Jadi kita ada Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang bermesyuarat dua kali setahun. Kemudian kita ada Jawatankuasa Pemantau Pelaksana yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri yang bermesyuarat setiap bulan dan kita ada dua lagi peringkat jawatankuasa. Di peringkat ini, kita sudah pun mencadangkan satu mekanisme untuk mengadakan *two-tiered pricing* Yang Berhormat Senator.

Sebenarnya minyak masak kegunaan domestik ini, hanya enam peratus daripada pengeluaran minyak masak kita. Selebihnya kita eksport Yang Berhormat Senator Dr. Azam. Jadi, kita sudah pun membawa satu- kertas yang belum diluluskan lagi. Harap Yang Berhormat Senator sokong untuk kita mengadakan *two-tiered pricing*. Maksudnya untuk domestik itu lain harganya dan untuk eksport itu lain harganya. Kita tak boleh gunakan harga untuk eksport itu untuk kita jual minyak masak domestik kerana lagipun enam peratus sahaja. Oleh sebab itu libat urus, rundingan sedang diadakan dan sedang kita siapkan semuanya untuk dibawa ke peringkat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL). Terima kasih Yang Berhormat Senator atas poin tersebut.

Itu berkenaan dengan subsidi Tuan Yang di-Pertua, juga berkenaan dengan kawalan harga. Pada musim perayaan juga kita mengadakan kawalan harga. Setiap kali musim perayaan, kita mengadakan kawalan harga. *Insyaa-Allah*, untuk Hari Raya Aidilfitri ini kita akan umumkan minggu depan, kita akan kawal 30 item. Kita kawal harga silingnya supaya tidak ada bila *demand* itu tinggi, kita takut nanti harga itu naik. Maka, kita kawal harga dan kita akan umumkan minggu depan. Setiap kali ada musim perayaan, kita ada Skim Harga Maksimum Musim Perayaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga ada Jualan Rahmah. Ini kita sedang bahas dan saya harap sokongan daripada Yang Berhormat Senator sekalian untuk meluluskan RM100 juta untuk Jualan Rahmah untuk dilaksanakan di seluruh negara, 222 Parlimen. Sebanyak RM100 juta di dalam Belanjawan 2023.

Menjawab kepada Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, kita telah pun mengadakan setakat ini Jualan Rahmah sehingga 30 Mac di 3,223 buah lokasi, 118 Parlimen dan melibatkan jualan kasar RM54 juta, lebih kurang. *Insyaa-Allah*, sekiranya lulus

pada hari ini kita punya Belanjawan 2023, kita boleh selepas ini menyebarluaskan lagi program Jualan Rahmah ini supaya apabila ada Jualan Rahmah, ia boleh membantu dalam menangani kos sara hidup.

Seperti yang saya katakan tadi, ia merupakan langkah sementara, tetapi ia perlu Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang ini apabila pendapatan kita masih belum lagi sampai di mana kita ada *disposable income*, dengan izin, yang boleh memampukan kita untuk menangani keadaan di dalam menangani kos sara hidup ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya ialah berkenaan dengan banjir tadi. Saya ingin maklumkan bahawa apabila banjir, memang kita ada masalah. Kita ada masalah logistik, kita ada masalah hasil tanaman yang rosak dan apabila hasil tanaman itu rosak, ia akan meningkatkan kos harga barang. Jadi, memang pihak kementerian sentiasa melihat kepada perkara ini dan sentiasa cuba membantu dengan program *food bank* kita sebab dalam kementerian, kita ada Sekretariat *Food Bank Malaysia* di mana *food bank* inilah yang akan memainkan peranan.

Saya ingin berkongsi sedikit dengan Yang Berhormat Senator. Kita sudah ada program *food bank* dari tahun 2018 dan pada 2019, kita mengadakan *food bank* untuk siswa. Baru-baru ini kita melancarkan *Food Bank Wakaf Rahmah* yang bersifat melibatkan elemen wakaf di mana kita mewakafkan mesin *retort* kepada hotel.

**Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris:** Mohon pencerahan, boleh?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Ya, okey.

**Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyentuh mengenai pelaksanaan Jualan Rahmah di semua 222 Parlimen. Jadi, pertanyaan saya ialah, siapakah yang akan melaksanakan sama ada, ada syarikat ataupun ada jawatankuasa yang akan dilantik untuk melaksanakan jualan ini? Terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Noraini. Tuan Yang di-Pertua, saya balik ke belakang sedikit ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Berkenaan dengan Jualan Rahmah itu, apabila lulus kita punya bajet pada hari ini, kita akan menggariskan ia punya mekanisme bagaimana nak dilaksanakan pada masa hadapan. Apa yang kita dah laksanakan dari Januari sehingga sekarang, menggunakan bajet tahun lepas Yang Berhormat Senator. Apa yang lebih-lebihan itu, kita gunakan juga sebab kita tahu itu keperluan rakyat dan bajet belum lulus. Jadi kita korek sana, korek sini dan kita buat juga. *Alhamdulillah*, yang banyaknya Jualan Rahmah ini Tuan Yang di-Pertua ialah inisiatif industri. Ada yang kita tak keluarkan duit langsung.

Saya beri contoh, *Econsave* ya. Yang Berhormat Senator, *Econsave* mengumumkan ada 1,000 item yang dijual di semua Pasaraya *Econsave* dengan diskaun sehingga 30 peratus Jualan Rahmah. Sehingga 30 peratus, tidak melibatkan satu sen pun bajet daripada

kementerian. Kita ada ramai rakan strategik yang bersama dengan kita, *Econsave, Mydin, KK Mart, Speedmart, TMG, AEON Big*.

#### ■1200

Ini semua rakan strategik kita yang sentiasa membantu kita bila kita kata kita perlu hendak buat *Jualan Rahmah*. Kita tengok keadaan ini agak sukar untuk orang ramai, untuk rakyat. Mereka akan adakan *Jualan Rahmah*. *Alhamdulillah*. Apabila *Econsave* melaksanakan *Jualan Rahmah* mereka juga mengumumkan bahawa jualan mereka meningkat 30 peratus. Itulah orang kata mungkin berkat daripada apa yang dilakukan.

*Insyah-Allah* apabila ada peruntukan ini lebih banyak lagi kita boleh buat *Jualan Rahmah*. Kita boleh buat dalam dua bentuk. Satu bentuk kita boleh bagi subsidi ke atas diskaun yang telah diberikan oleh *supermarket*. Kita tambah lagi. Contoh kalau *supermarket* harga jualan ayam RM9.40 -siling, *supermarket* bagi RM8.50 contoh. Maksudnya satu ekor ayam dalam RM15, RM16. Kita boleh subsidikan lagi RM5 ataupun RM6 menjadikan harga ayam itu RM10. Dengan lulusnya bajet ini kita boleh buat yang itu.

Satu inisiatif dari pasar raya. Kedua, tambahan daripada peruntukan belanjawan. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tadi.

Saya tadi bercakap berkenaan dengan fasal banjir. *Food bank*. Di mana kita baru melancarkan *Food Bank Rahmah* Tuan Yang di-Pertua. Kita wakafkan kita kumpulkan *crowd funding* ataupun daripada GLC, CSR dan sebagainya. Kita hadiahkan kita letakkan *retort machine* di hotel. Hotel ini dahulu, hotel tidak berani hendak bagi makanan. Akan tetapi sekarang hotel boleh sebab kita ada Akta Perlindungan orang yang menderma makanan ini. Mereka boleh masukkan makanan itu di dalam mesin retort, dan ia boleh dijadikan bank makanan untuk bencana, untuk banjir dan sebagainya. Itu yang sedang kita lakukan.

Kita telah pun mengagihkan lebih kurang 21 buah mesin retort kepada hotel-hotel untuk mereka gunakan. Tambahan pula pada bulan Ramadan ini banyak makanan yang berlebihan. Kalau tidak ia membazir di retort. Saya sendiri rasa Tuan Yang di-Pertua. Dia boleh bertahan satu tahun di atas rak biasa. Tidak perlu simpan dalam peti sejuk. Rasanya memang rasa sama sahaja walaupun sudah simpan dua tiga bulan. Itulah yang kita sedang usahakan untuk membina bank makanan melalui proses retort.

Akhir sekali kalau diizinkan secara cepat untuk membasmi jualan barangan palsu oleh peniaga atas talian. Saya ingin maklumkan dalam hal ini ada tiga perkara ataupun tiga elemen yang perlu memainkan peranan. Pertama undang-undang. Akta Cap Dagangan 2019 ialah akta untuk melindungi barang-barang original daripada ditipu. Barang tiruan ini kalau ditiru, akta inilah yang melindungi *the brand owner*.

Kedua, peranan *platform provider* untuk memastikan bahawa barangan peniaga-peniaga atas talian itu memberi maklumat yang sahih. Kalau *platform provider* tidak *check* mungkin, maklumat yang diberikan atas talian itu nombor syarikat, nama syarikat, alamat

syarikat itu mungkin tidak benar. *Platform provider*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, memainkan peranan.

Ketiga, pengguna juga harus memainkan peranan. Periksa, teliti, tengok *review*, tengok apa maklumat yang diberikan oleh syarikat yang menjual barangan tersebut. Dengan ketiga-tiga pihak ini memainkan peranan, barulah kita boleh melaksanakan atau banteras penjualan barangan palsu atas talian.

Saya kira masa pun habis. Saya harap saya telah menepati semua perbincangan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan-teruslah kita melaksanakan ibadah dengan baik di akhir dua minggu Ramadan ini. Selamat mengejar *Lailatul Qadar*, dan semoga kita meraikan kemenangan dengan merayakan Aidilfitri dalam kesederhanaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumuussalam*. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Silakan Yang Berhormat Menteri.

## 12.05 tgh.

**Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Dato' Sri Huang Tiong Sii]:** Tuan Yang di-Pertua salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan yang telah memperuntukkan sejumlah RM6.53 bilion kepada Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC). Jumlah ini merangkumi peruntukan belanjawan mengurus sejumlah RM1.67 bilion dan peruntukan pembangunan sejumlah RM4.86 bilion.

Kementerian juga merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan 14 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu-isu di bawah NRECC. Sepanjang perbincangan rang undang-undang Perbekalan 2023 saya akan menjawab ke atas perbincangan belanjawan hari ini mengikut lapan isu utama seperti sungai, bekalan air, bekalan elektrik, biodiversiti dan perhutanan, tanah, sempadan, perubahan iklim, dan banjir.

Tuan Yang di-Pertua saya akan menjelaskan isu pertama yang dibahaskan iaitu isu sungai.

Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad mohon kerajaan untuk meneliti isu muara sungai yang cetek di negeri Kedah sehingga menjejaskan pendapatan para nelayan.

Kementerian melalui JPS telah mengenal pasti muara-muara yang cetek di negeri Kedah untuk menangani masalah tersebut menggunakan peruntukan Persekutuan berjumlah RM3.7 juta. JPS telah melaksanakan lapan buah projek pemuliharaan muara sungai pelbagai negeri. Semua projek pemuliharaan muara sungai telah siap pada tahun 2022 meliputi sungai berikut:

- (i) Sungai 'Pohomera' Daerah Langkawi;
- (ii) Sungai Kubang Badak Daerah Langkawi;
- (iii) Sungai Kuala Ketengau Daerah Kota Setar;
- (iv) Sungai Menghulu Daerah Langkawi;
- (v) Sungai Kilim Daerah Langkawi;
- (vi) Sungai Teriang Daerah Langkawi;
- (vii) Sungai Kerpan Daerah Kubang Pasu; dan
- (viii) Sungai Kuala Sala, Mukim Sala Kechik Daerah Kota Setar.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya mengenai isu bekalan air. Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad mohon penjelasan daripada kerajaan berhubung bajet yang diperuntukkan untuk negeri Kedah bagi memastikan peratusan NRW dapat dikurangkan. Kerajaan juga dimohon untuk mengemukakan status terkini. Projek naik taraf lima buah loji rawatan air di negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi membantu mengurangkan kadar air tidak berhasil NRW di negeri Kedah, kementerian telah melaksanakan Program Pengurangan NRW Kebangsaan bermula daripada RMKe-11 melibatkan peruntukan geran keseluruhan berjumlah RM104.7 juta yang dijangka siap pada akhir tahun 2023. Manakala Projek Menaik Taraf dan Membaik Pulih Lima Buah Loji Rawatan Air (LRA) di daerah itu di Pendang, Pelubang, Bukit Selambau, Sungai Limau dan Lubuk Buntar Lama dijangka dapat disiapkan secara berperingkat mula tahun 2023 hingga tahun 2025. Pelaksanaan projek ini melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM931.6 juta.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad mohon kerajaan mengambil tindakan segera untuk menggantikan paip air yang pecah yang menjejaskan 70,000 orang rakyat di Daerah Manjung, Perak.

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat insiden gangguan bekalan air di daerah Manjong dan Perak Tengah melibatkan lebih 79,000 -akaun adalah disebabkan oleh paip air meter bersaiz 1,200 milimeter dari muka sauk ke Loji Kepayang putus yang berlaku pada 31 Mac 2023 kerana pergerakan tanah akibat hujan lebat. Paip ini telah dibaiki dan pemulihan bekalan air kepada pengguna telah bermula secara berperingkat mula 3 April 2023.

Bagi penggantian paip-paip lama terdapat 4,770 kilometer paip jenis AC yang sudah melebihi 30 tahun dan perlu diganti secara berperingkat. Lembaga Air Perak telah merancang untuk melaksanakan penggantian paip-paip lama termasuk di daerah Manjong dalam pelan perniagaan mereka bagi tempoh tahun 2021 hingga 2024 dengan anggaran kos sebanyak RM95 juta.

Yang Berhormat Senator Datuk Hussin bin Awang mencadangkan kerajaan untuk memperkasakan agensi penguatkuasaan bagi meningkatkan lagi pemantauan dan kepatuhan terhadap Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 bagi memastikan isu pencemaran bekalan air dalam negara dapat di atasi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sedang melaksanakan projek pindaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*] melibatkan tiga perkara utama.

Pertama, bertujuan meningkatkan tempoh hukuman dan kadar denda ke atas tindakan yang berisiko menyebabkan pencemaran kepada mana-mana alur air atau sistem bekalan air dalam hal ini. Pindaan melibatkan peningkatan denda daripada RM100,000 kepada RM10 juta. Manakala hukuman penjara dinaikkan daripada setahun kepada 15 tahun atau kedua-duanya sekali.

Kedua, melibatkan penyenaian kesalahan-kesalahan baharu seperti apa-apa perbuatan yang menyebabkan atau yang mungkin menyebabkan penutupan sistem bekalan air atau gangguan bekalan air kepada pengguna serta melepaskan apa-apa kumbahan, *effluent* bahan ke dalam mana-mana lurang dan ketiga membolehkan pemegang lesen perkhidmatan air menutup semula kos bagi memulihkan sistem bekalan air yang telah dicemari daripada pihak yang didapati bersalah menyebabkan pencemaran air.

Pindaan Akta 655 kini dalam peringkat semakan dan penelitian kementerian perlu diangkat untuk kelulusan Jabatan Peguam Negara. Pindaan tersebut dijangka dapat dibentangkan dalam Mesyuarat Parlimen pada tahun 2024.

Tuan Yang di-Pertua, diharapkan dengan pindaan Akta 655 ini, aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan agensi berkenaan dapat diperkasakan agar mampu membanteras insiden pencemaran air daripada terus membelenggu kita. Malah, pada masa yang sama juga, langkah pencegahan insiden pencemaran air bukan terletak dibahu kementerian ini dan agensi pelaksana semata-mata.

Penglibatan daripada pihak-pihak berkepentingan lain seperti kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) amatlah diharap untuk terus sama melaksanakan tanggungjawab ini secara kolektif. Ini kerana sumber air terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh itu adalah penting bagi kerajaan negeri mengawal pembangunan kawasan berhampiran sumber air, melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan yang berkesan.

Selain itu PBT juga hendaklah memainkan peranan mencegah pencemaran ke atas sumber air yang berpunca daripada air basuhan dari medan selera, rumah penyembelihan, pakej cucian kereta dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjelaskan berkenaan isu berkaitan bekalan elektrik yang dibangkitkan semasa perbahasan.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Sedikit mencelah, Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Ada tidak perancangan yang lebih besar dalam mendapatkan ataupun membuat pengumpulan sumber air hujan sebagai satu daripada sumber yang besar negara. Oleh sebab negara kita ini hujan sepanjang tahun dan *rainwater harvesting system* itu sekarang menjadi satu alternatif yang besar di banyak negara. Terima kasih.

**Dato' Sri Huang Tiong Sii:** Sekarang dalam saya punya dekat ini saya tidak ada dalam tangan ini. Saya nanti saya boleh pinjam sama saya punya pegawai di pejabat, saya berunding ini hujah punya, ini *planning* kajian saya akan dikaji.. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjelaskan isu berkaitan bekalan air elektrik yang dibangkitkan semasa perbahasan. Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff mohon kerajaan mempertimbangkan semula pelaksanaan mekanisme pelepasan kos-kos tidak seimbang kerana dikhuatiri mengakibatkan pengenaan surcay tenaga elektrik yang tinggi ke atas loji rawatan air.

Tuan Yang di-Pertua, pelarasan tarif elektrik Semenanjung Malaysia, *Kulim High Technology Park* dan Sabah serta Wilayah Persekutuan Labuan iaitu menggunakan mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT). Melalui kaedah ini kos sebenar bahan api dan penjanaan lain bagi tempoh enam bulan ke belakang akan diselaraskan dalam bentuk surcay sekiranya berlaku kenaikan harga bahan api atau rebat jika berlakunya penurunan harga berbanding unjuran yang ditetapkan.

Dalam hal ini, kenaikan kos sebenar bahan api bagi tempoh Julai hingga Disember 2022 untuk Semenanjung Malaysia adalah sebanyak RM16.16 bilion berdasarkan mekanisme ICPT yang berkuat kuasa. Semua pengguna elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Semenanjung Malaysia sepatutnya dikenakan surcay 27 sen per kilowatt jam terhadap bil elektrik masing-masing bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2023.

Namun begitu, kerajaan telah bersetuju supaya pengguna bukan domestik dalam kategori voltan sederhana, *medium voltage* (MV) dan voltan tinggi- *high voltage* (HV) termasuk loji-loji rawatan air dikenakan surcay pada kadar 20 sen per kilowatt jam. Ini bermakna pengguna bukan domestik dalam kategori MV dan HV menikmati subsidi tujuh sen per kilowatt jam bersamaan RM1.93 bilion daripada keseluruhan subsidi RM10.76 bilion yang diperuntukkan oleh kerajaan bagi tempoh Januari sehingga Jun 2023. Pelepasan surcay ICPT yang tinggi ini tidak dapat dielakkan kerana berlakunya peningkatan mendadak kos bahan api di pasaran tenaga karbon.

Sepanjang bulan Julai hingga Disember 2022, harga arang batu telah meningkat sebanyak 151 peratus bersamaan RM8,655 juta. Manakala harga gas asli juga telah meningkat sebanyak 105 peratus adalah bersamaan dengan RM3,266 juta berbanding unjuran yang ditetapkan dalam tempoh kawal selia ketika atau *regulatory period*.

#### ■1220

Impak krisis tenaga karbo yang antaranya disebabkan oleh kenaikan harga bahan api dunia bukan sahaja dihadapi oleh Malaysia tetapi juga di seluruh dunia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, operator air telah diberikan tarif kategori industri sejak tahun 2006 lagi. Berdasarkan aktiviti perniagaan, sepatutnya operator air dikenakan tarif kategori komersial iaitu kadar yang lebih tinggi berbanding kadar kategori industri yang sedang dinikmati pada ketika ini. Seterusnya, sebarang pengecualian atau penangguhan surcay ICPT kepada operator air akan memberi kesan kepada keseimbangan struktur tarif elektrik sedia ada dan menjejaskan pengguna elektrik dalam sektor-sektor lain. Ini seterusnya akan menyebabkan pengguna-pengguna lain terpaksa membayar kadar tarif elektrik lebih tinggi atau kos tersebut perlu ditampung oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian kerajaan telah membuat keputusan yang sewajarnya untuk melepaskan sebahagian kos surcay ICPT kepada pengguna MV dan HV termasuk loji-loji rawatan air bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2023. Namun begitu, kementerian sedia maklum akan isu-isu yang dihadapi serta implikasi surcay elektrik terhadap operator-operator air ini.

Semua perkara ini sedang diperhalusi secara dalaman memandangkan sektor air dan sektor tenaga kini telah digabungkan di bawah satu kementerian yang sama iaitu NRECC. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian juga sedang mengkaji dan mempertimbangkan cadangan pelarasan tarif elektrik secara bersasar di bawah mekanisme ICPT bagi tempoh Julai hingga Disember 2023. Ini termasuklah pelepasan kadar surcay yang sesuai kepada semua pengguna elektrik di Semenanjung termasuk loji-loji rawatan air.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjelaskan berkenaan isu biodiversiti dan perhutanan. Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin memohon kerajaan melalui Jabatan Perhilitan memindahkan hidupan liar yang telah mengganggu penempatan orang asli seperti gajah dan harimau belang ke tempat yang lebih selamat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengambil perhatian keselamatan komuniti Orang Asli. Antara tindakan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhilitan adalah seperti:

- (i) melaksanakan program pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan di lokasi aduan konflik dalam tempoh tertentu sehingga keadaan konflik jadi stabil;
- (ii) memasang perangkap berdasarkan tahap keseriusan aduan dan kekerapan haiwan berkeliaran di kawasan konflik berkaitan;

- (iii) melaksanakan program kesedaran awam untuk memberi pendedahan dan khidmat nasihat kepada masyarakat Orang Asli terhadap kepentingan melindungi Harimau Malaya dan teknik melindungi diri mereka daripada berlakunya konflik manusia-harimau; dan
- (iv) melaksanakan tindakan akhir dengan menembak mati harimau yang mendatangkan kecederaan atau kematian terhadap orang awam.

Jabatan Perhilitan telah menjalankan aktiviti pemindahan gajah sejak tahun 1974 yang merekodkan sebanyak 1,095 ekor gajah telah dipindahkan dari kawasan konflik sehingga tahun 2022. Pada tahun 2023, sebanyak dua ekor gajah liar telah dipindahkan dari kampung...

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, minta celah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang begitu komited bagi menjawab semua persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator. Cuma saya hendak membawa- saya ingin bertanya dan mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri soal air.

Air ini saya tanya dua buah tempat. Pertama, saya bawa usul air Manjung. Sebanyak 79,000 kependudukan yang masih lagi sampai hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, mereka masih lagi membawa timba keluar untuk mendapatkan bekalan air dari Lembaga Air Perak yang- air dengan elektrik dua- benda yang berbeza. Kalau tiada air lagi bermasalah daripada tiada elektrik. Akan tetapi, masih berlaku di Bandar Maritim di Manjung yang mana bekalan air sekejap ada, sekejap tidak ada. Sekejap ada, sekejap tidak ada.

Jadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri agar benda ini dikejangkan supaya dalam bulan Ramadan yang mulia ini, semua penduduk, orang Melayu, orang Cina, orang India dan orang apa pun mendapat air, kesempurnaan air. Oleh sebab ini adalah Bandar Maritim, bandar antara yang terbaik negeri Perak. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Manjung ini adalah sedikit kecil sahaja dari negeri Perlis.

Nombor satu, jadi saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri mengarahkan supaya dapat disegerakanlah. Ini tidak boleh buat sedikit, air ini. Ini soal air, orang boleh marah. Kedua, kerajaan ini Kerajaan Madani. Jadi, kita madani kan air tersebut.

Perkara yang kedua, saya ingin bertanyakan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bercakap dalam perbahasan belanjawan ialah Sungai Beruas. Sungai Beruas menjadi punca banjir kepada beberapa buah kampung dalam Parlimen Beruas. Benda ini tidak ada jawapan, saya tengok. Ia bukan berlaku sehari, dua hari. Telah berlaku hampir 10 tahun. Masalahnya, satu buah kampung itu, saya spesifik. Satu buah kampung itu namanya Kampung Padang Serai. Apabila hujan dua jam sahaja, air naik. Apabila air naik, air itu jadi air termenung Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Air termenung ini bahaya. Apabila lori jalan, air ini akan masuk rumah mereka. Setiap kali itulah berlaku. Selama 10 tahun sudah. JPS *mari* tengok, tidak jadi. Tengok, tidak jadi. Jadi, kali ini kebetulan saya ada di Dewan yang mulia ini, saya berharap kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengambil tindakan yang sangat-sangat segera kepada rakyat yang memerlukan perhatian daripada Kerajaan Madani ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Huang Tiong Sii:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tadi soalan satu, tadi itu yang ini nanti belakang sini pun ada, ini ada isu ini akan dibentangkan. Saya nanti akan menjelaskan tetapi tidak dapat sampai juga. Masa sudah tidak cukup. Kalau yang ini, masa yang tidak cukup, minta Tuan Yang di-Pertua saya nanti beri jawapan bertulis. Bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Dato' Sri Huang Tiong Sii:** Saya tidak dapat habis, saya ada lagi 14 helai kertas tidak habis. Mahu minta sama Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Sebanyak dua ekor gajah liar telah dipindahkan dari Kampung Simoi Lama dan Kampung Simpang Kening ke Taman Negara Terengganu. Program pemindahan gajah dilaksanakan mengikut keperluan semasa dan pemantauan serta pengurusan konflik dijalankan dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad mohon kerajaan untuk menilai semula jumlah pampasan kepada kerajaan negeri bagi pengekalan Hutan Simpan Ulu Muda. Kedah supaya nilai pampasan pengekalan hutan ini ditingkatkan kepada RM100 juta. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tiada dasar berhubung pampasan kepada kerajaan negeri bagi mengekalkan hutan simpanan kekal (HSK), pemberian pampasan yang bersifat ganti rugi perlu mengambil kira banyak aspek termasuk keupayaan fiskal negara.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad, isu air di Manjung. Status pemuliharaan bekalan air di Manjung dijangka pulih sepenuhnya pada Sabtu ini, 8 April 2023. Setakat jam 12.30 tengah hari ini, pemulihan di Manjung ialah 70 peratus untuk sejumlah 66,251 akaun pengguna. Yang Berhormat Timbalan.

■1230

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya rasa penyelesaian itu bagus, air di Manjung itu. Akan tetapi, rumah pam itu lama sangat.

**Dato' Sri Huang Tiong Sii:** *[Ketawa]*

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Kita tidak boleh harap yang itu, kalau ia *collapse*, bukan bangunan yang *collapse*, tanah tepi pun *collapse* yang ini yang menyebabkan masalah hari ini akan berulang. Jadi, minta tolong masukkan di dalam mana-mana perancangan segera untuk membuat rumah pam baharu. Terima kasih.

**Dato' Sri Huang Tiong Sii:** Baik. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya nanti akan berbincang bagi mengatasi hal ini. Banyak-banyak terima kasih kepada Yang

Berhormat. Saya akan berbincang dengan pegawai-pegawai jabatan saya bagi mengatasi hal ini. Terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, NRECC telah menyediakan insentif.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Dato' Sri Huang Tiong Sii:** Boleh gulung? Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan. Saya berharap daripada penjelasan tersebut ia telah dapat menjawab persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan NRECC. Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Saya memberi jaminan bahawa mana-mana pertanyaan yang tidak dapat saya jawab pada kali ini, akan diambil catatan untuk tindakan susulan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri Sumber Asli Alam Sekitar dan Perubahan Iklim atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Dipersilakan.

**12.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Puan Saraswathy A/P Kandasamy]:** Salam sejahtera. Salam Malaysia Madani. Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini telah diperuntukkan sebanyak RM732 juta di dalam Belanjawan 2023 iaitu sebanyak RM520 juta bagi perbelanjaan pembangunan dan RM212 juta bagi perbelanjaan mengurus.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas peruntukan ini kerana ia merekodkan pertambahan RM182 juta berbanding belanjawan tahun lalu khususnya perbelanjaan pembangunan yang ditambah sebanyak RM164 juta. Seterusnya, saya ingin menzahirkan penghargaan kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan Rang Undang-undang (RUU) Perbekalan Belanjawan 2023 yang berkaitan dengan kementerian pada sesi kali ini.

**Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator** Dato' Juhanis binti Abd Aziz dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin telah membangkitkan isu peruntukan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi telah diaudit oleh Ketua Audit Negara

bagi tahun 2021 dan dibentangkan di Parlimen menurut seksyen 39 [Akta 665]. Ia dikawal selia oleh suatu Jawatankuasa yang diwujudkan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat oleh menteri yang bertanggungjawab ke atas koperasi dan diwartakan.

Sehingga 31 Disember 2021, baki terkumpul dalam Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi adalah sebanyak RM226.59 juta manakala baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi pula sebanyak RM162.32 juta. Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi memberi fokus kepada tujuh skop utama program iaitu:

- (i) pembangunan gerakan koperasi nasional;
- (ii) pembangunan perniagaan koperasi dan APEX;
- (iii) pemantauan audit koperasi;
- (iv) penyelenggaraan aset Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi;
- (v) pembangunan dan penyelenggaraan ICT;
- (vi) penyeliaan koperasi; dan
- (vii) pengurusan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

Manakala Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi memberi fokus kepada sebelas skop utama program seperti berikut:

- (i) mempromosikan koperasi;
- (ii) pemerkasaan akaun koperasi;
- (iii) geran belanja mengurus IKMa;
- (iv) pembangunan kapasiti dan biasiswa IPTA atau IPTS;
- (v) perhubungan awam gerakan koperasi;
- (vi) mesyuarat dan jawatankuasa khas koperasi;
- (vii) program penyiasatan dan tadbir urus koperasi;
- (viii) penyelenggaraan aset Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi;
- (ix) pembangunan modal insan koperasi;
- (x) penyeliaan koperasi; dan
- (xi) pengurusan Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Juhani binti Abd Aziz juga telah membangkitkan cadangan supaya peruntukan yang lebih besar diberikan kepada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Sejak tahun 2020 hingga tahun 2022, ANGKASA telah diperuntukkan dana Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi sebanyak RM6 juta secara purata setiap tahun bagi merangsang dan memudah cara pembangunan perniagaan koperasi.

Pada tahun 2023 ini, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah menyalurkan peruntukan kepada ANGKASA sebanyak RM1 juta untuk agihan kali pertama. Peruntukan tambahan akan dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah SKM tertakluk kepada keperluan ketersediaan dana prestasi perbelanjaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli telah membangkitkan isu pembiayaan TEKUN Nasional secara berfokus tanpa campur tangan politik. Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan pembiayaan TEKUN disalurkan kepada usahawan yang memerlukan bantuan pembiayaan yang layak tanpa ada campur tangan daripada mana-mana pihak termasuk kecenderungan politik. Usahawan yang berkecenderungan dan memenuhi syarat pembiayaan yang ditetapkan TEKUN boleh mendapatkan kemudahan bantuan yang disediakan kerajaan dengan mengunjungi pejabat-pejabat cawangan TEKUN yang beroperasi di 170 buah kawasan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini ada pandangan bahawa TEKUN lebih memihak kepada ahli-ahli politik. Kelulusan adalah lebih cenderung kepada mereka yang terlibat dalam sesuatu parti politik. Akan tetapi, pada peringkat ini kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya seperti sebelum ini ada keperluan untuk mendapatkan tandatangan pemimpin kawasan, kebanyakan masanya ia adalah sama ada ADUN ataupun Ahli Parlimen.

■1240

Akan tetapi keperluan itu tiada lagi. Jadi, sesiapa yang ingin memohon, tidak perlu mendapat sebarang sokongan daripada pemimpin-pemimpin tempatan atau pun ahli-ahli tempatan. Dengan itu, pembiayaan tidak boleh lagi dikatakan dikongkong oleh atau pun dikuasai oleh sesuatu parti politik...

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Menteri?

**Puan Saraswathy a/p Kandasami:** Ya.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Terima kasih atas penjelasan. Itu sahaja, hendak ucap terima kasih lah. Kalau boleh, luaskan lagi. Memang ada pinjaman TEKUN ini diberikan kepada kaum India. Tolong pastikan ia berlaku. Oleh sebab semasa saya berkhidmat dahulu, memang ada tetapi tidak selancar di tempat-tempat atau pun untuk yang kaum-kaum lain. Jadi, kaum India juga memang memerlukan. Terima kasih.

**Puan Saraswathy a/p Kandasami:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kaum India diberi pinjaman TEKUN di bawah Program SPUMI. Seperti yang saya katakan tadi, sebelum ini pengagihan telah dilakukan di premis parti politik dan juga terpaksa mendapat sokongan daripada anak syarikat di bawah satu- parti politik. Akan tetapi kehendak ini telah diberhentikan. Bukan sahaja untuk kaum India, bagi kesemua. Jadi, dalam pendekatan ini kita berharap tiada sebarang penglibatan politik tetapi pengagihan dana akan dilakukan dengan lebih lancar dan kepada mereka yang sebenar-benarnya perlukan bantuan ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli juga membangkitkan cadangan penyediaan pusat latihan keusahawanan, terutama di negeri Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) pada tahun 2022 telah melatih seramai 3,312 orang peserta dari Sabah dan Sarawak. Sehingga Februari 2023, seramai 100 orang usahawan dari Sabah dan Sarawak telah menyertai Program Latihan dan Bimbingan INSKEN tetapi cadangan yang diberikan adalah untuk menyediakan pusat latihan.

Setakat ini, INSKEN sedang menggunakan hotel yang berhampiran dengan tempat keperluan latihan kerana ia berdasarkan kepada peserta. Sekiranya peserta itu adalah daripada satu- kawasan, kalau pusat latihan itu jauh dari kawasan itu, ini menyulitkan mereka untuk menyertai program-program yang disediakan.

Jadi, sehingga sekarang INSKEN hanya menggunakan hotel-hotel atau pusat latihan yang berhampiran dengan kawasan yang memerlukan latihan. Pada tahun 2023 ini, INSKEN akan membuka pejabat di cawangan Sabah dan Sarawak bagi memudahkan proses penyampaian perkhidmatan merangkumi bimbingan dan latihan keusahawanan kepada usahawan negeri-negeri tersebut. Kita berharap ia akan bersedia untuk beroperasi dalam enam bulan di Kota Kinabalu di Sabah dan Kuching di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi telah membangkitkan isu sokongan perniagaan merangkumi program dan inisiatif yang disediakan oleh kerajaan dalam menggalakkan dalam komuniti OKU untuk memulakan perniagaan. Kementerian ini melalui agensi di bawahnya komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dan program bagi meningkatkan penglibatan komuniti OKU dalam bidang keusahawanan.

Oleh yang demikian, kementerian ini dan agensinya iaitu TEKUN Nasional telah melaksanakan Program Usahawan Berkebolehan dan Berkeyakinan (CARE) sejak tahun 2021. Di bawah program ini, sebanyak RM790,000 telah diperuntukkan untuk memberi latihan, bimbingan dan geran. Geran yang diberikan adalah sebanyak RM3,000 kepada perniagaan untuk golongan OKU yang melibatkan seramai 91 orang peserta.

Seramai 19 orang peserta daripada jumlah tersebut telah memulakan perniagaan selepas menyertai Program CARE ini. Inilah pencapaiannya. 91 orang telah menyertai program tersebut dan 19 orang daripada itu telah mulakan perniagaan sendiri.

Selain itu, TEKUN Nasional juga telah menyediakan kemudahan Skim Pembiayaan Orang Kurang Upaya kepada seramai 1,417 orang usahawan OKU dengan nilai pembiayaan sebanyak RM15.8 juta bagi tempoh 2012 hingga 2022. Pembiayaan yang disediakan adalah sebanyak RM1,000 sehingga RM100,000 dengan tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun dan kadar keuntungan dikenakan sebanyak empat peratus setahun untuk kesemua orang.

Akan tetapi bulan Ogos 2022, program ini telah ditambah baik di mana usahawan hanya dikenakan kadar keuntungan sebanyak dua peratus setahun iaitu dua peratus dikurangkan kepada usahawan OKU dengan moratorium selama 12 bulan diberi bagi pembiayaan sehingga RM10,000. Dalam aspek bimbingan keusahawanan... Ya.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan angka-angka yang diberi, jumlah peratusan yang telah berjaya mencapai tahap kepada mendapat pinjaman sehingga RM10,000?

Oleh sebab asalnya dimulakan dengan RM1,000 tetapi akhirnya ada yang berjaya di-*graduate*. Maknanya, berjaya melepasi tahap tertentu sehingga dapat diberi kepercayaan sehingga RM10,000. Dalam kajian kementerian, jumlah peratusan yang boleh sampai daripada tahap RM1,000 permulaan dan akhirnya mendapat pinjaman RM10,000?

**Puan Saraswathy a/p Kandasami:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pertamanya, mereka yang mendapat pembiayaan di bawah TEKUN Nasional ialah mereka yang telah mempunyai suatu perniagaan. Pembiayaan, betul bermula daripada RM1,000 hingga RM10,000 dan sehingga RM100,000. Itu ialah tahap paling tinggi bagi TEKUN Nasional meluluskan.

Persoalan tadi adalah berapa ramai yang telah berjaya, mula dengan RM1,000 tetapi mencapai tahap RM10,000 atau pun ke atasnya. Itu ialah perincian berkenaan dengan data yang saya perlu dapatkan daripada agensi berkenaan yang mana akan dimaklumkan kepada Yang Berhormat Senator secara bertulis. Saya akan teruskan. Dalam aspek bimbingan dan keusahawanan, INSKEN turut menyediakan kursus asas keusahawanan yang memfokuskan kepada modul asas untuk memulakan perniagaan kepada warga OKU.

Pada tahun 2022, seramai 139 orang usahawan OKU telah menyertai program anjuran INSKEN. SME Corp juga menyediakan Program Pembangunan PMKS yang terbuka kepada usahawan OKU yang layak. Di bawah Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE), SME Corp telah bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk menyelaras penyertaan seramai 37 orang usahawan OKU dalam Program TUBE ini dengan melibatkan geran peruntukan sebanyak RM765,000. Selain itu, seramai 36 orang usahawan OKU telah menyertai Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (BizME) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM92,430.

#### ■1250

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi turut telah membangkitkan cadangan penyediaan kuota khas untuk komuniti OKU bagi program *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTEGE). Untuk makluman Yang Berhormat, program *PROTEGE Ready-to-Work* (PROTEGE-RTW), dengan izin, terbuka kepada graduan termasuk juga komuniti OKU.

Komuniti OKU yang berkelayakan boleh memohon dengan syarikat yang bersesuaian berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pemilihan peserta ditentukan oleh pihak syarikat pelaksana berkenaan berdasarkan keperluan syarikat memandangkan kos pelaksanaan program PROTEGE-RTW ditanggung oleh pihak syarikat.

Kementerian ini melalui PROTEGE mengambil maklum akan cadangan kuota khas untuk komuniti OKU di bawah program PROTEGE. Namun, cadangan ini memerlukan penelitian bersama pihak-pihak terlibat seperti Kementerian Kewangan Malaysia untuk penyelarasan selanjutnya.

Untuk makluman Yang di-Pertua, selain daripada ini, juga ada satu cadangan yang telah diberikan bukan semasa perbahasan tetapi telah dimajukan oleh Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi kepada kementerian supaya adakan satu-pelan tindakan untuk OKU dan kuota khas untuk peniaga kecil di kios.

Ini juga perkara yang sedang dipertimbangkan oleh kementerian di mana Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Wanita, telah ditambah dengan Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Wanita dan OKU dan jawatankuasa ini yang terakhir kali bersidang pada tahun 2023 telah diperkasakan lagi. Di bawah pimpinan saya, akan menggubal satu-pelan tindakan bagi warga OKU dan juga akan meneliti cara-cara bagaimana kita boleh menambah baik kemudahan-kemudahan yang ditawarkan kepada warga OKU.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa telah membangkitkan isu berkaitan pembangunan keusahawanan wanita terutamanya kepada golongan wanita yang telah berkeluarga bagi membantu meringankan kos sara hidup keluarga yang semakin meningkat. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa prihatin dalam melaksanakan inisiatif dan perancangan yang lebih efektif dan bersifat inklusif melibatkan golongan wanita termasuklah bagi wanita yang berkeluarga agar dapat menjana pendapatan yang stabil.

Melalui program dan inisiatif yang telah dirangka dan dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah KUSKOP, khusus bagi usahawan wanita, ia mampu mewujudkan peluang yang luas untuk kaum wanita terus produktif dan menyumbang kepada ekonomi negara tanpa menghalang mereka memainkan peranan aktif dalam institusi kekeluargaan.

Selain daripada program yang terbuka kepada semua golongan usahawan, KUSKOP juga menyediakan program dan inisiatif khusus kepada golongan wanita termasuklah bagi wanita yang berkeluarga seperti INSKEN yang melaksanakan Program Pemerkasaan Usahawan Wanita, Amanah Ikhtiar Malaysia menyediakan skim pembiayaan kepada usahawan wanita melalui Skim Pembiayaan Ekonomi dan Skim Pembiayaan Sosial, TEKUN Nasional menawarkan Program TekunNita, UDA Holdings menawarkan Program UDA Bizznita, Bank Rakyat menawarkan program pembiayaan dan latihan, serta PERNAS, Program SWEET.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding telah membangkitkan isu bantuan kerajaan kepada perniagaan supaya mereka dapat memberikan kemahiran semula- *reskill*, dan peningkatan kemahiran pekerja- *upskill*. Saya ingin memberi satu penjelasan di sini Tuan Yang di-Pertua, *reskilling* dan *upskilling* ataupun memberikan kemahiran semula ataupun peningkatan kemahiran dalam bidang industri yang mereka terlibat adalah di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, SME Bank melalui anak syarikatnya, *Centre for Entrepreneurship and Development Research* (CEDR), dengan izin, menyediakan latihan keusahawanan bagi mempertingkatkan kemahiran dalam menguruskan perniagaan kepada usahawan PKS di semua peringkat. Sehingga kini, CEDR telah menjalankan pelbagai modul latihan dan bimbingan yang melibatkan 75,570 orang peserta di seluruh negara.

PERNAS juga telah melaksanakan program *Business in Transformation* yang bertujuan mentransformasikan perniagaan kecil kepada konsep yang lebih moden dan bersistematik serta dapat mengadaptasi penggunaan teknologi supaya ia dapat berdaya saing di pasaran. Di bawah program-program ini, usahawan akan dibimbing dan diberi latihan bagi memperkukuhkan perniagaan yang lebih berdaya saing dalam pasaran.

Selain itu, kementerian melalui Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) komited dalam melahirkan kontraktor bumiputera yang kompeten dan berdaya saing dalam industri binaan negara. Sebanyak 101 kursus dan program telah dirancang bagi tahun 2023 yang dijangka akan memanfaatkan 5,130 orang kontraktor bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew telah membangkitkan mengenai isu pencapaian pelaksanaan pembiayaan Skim Kredit Mikro di bawah TEKUN Nasional termasuk bilangan perniagaan yang telah mendapat manfaat dalam tempoh 10 tahun. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak penubuhan TEKUN Nasional bermula tahun 1998 sehingga Februari 2023, seramai 548,473 orang usahawan mikro telah menerima bantuan pembiayaan dengan peruntukan sebanyak RM8.1 bilion. Manakala bagi tempoh 10 tahun itu iaitu dari tahun 2012 hingga Februari 2023, TEKUN Nasional telah menyalurkan bantuan pembiayaan sebanyak RM5.7 bilion kepada 11,300 orang usahawan mikro.

Saya akur Tuan Yang di-Pertua, perincian yang diberikan merupakan sasaran dan juga angka berapa ramai yang telah bermanfaat dan jumlah pembiayaan yang telah diberikan. Akan tetapi pada tahun ini, kementerian juga akan mengambil pendekatan untuk mendapat, membuat kajian dan juga mendapat maklumat berkenaan dengan pencapaian. *The outcome* daripada program-program yang dijalankan.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh

perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2023 yang berkaitan dengan kementerian pada Mesyuarat kali ini. Saya berharap penjelasan tersebut dapat menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Saraswathy, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat daripada Kementerian Ekonomi. Dipersilakan.

**12.59 tgh.**

**Timbalan Menteri Ekonomi [Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyertai **perbahasan** Rang Undang-undang Perbekalan 2023 pada sesi Parlimen kali ini.

■1300

Berdasarkan sesi perbahasan yang telah berlangsung sejak 29 Mac hingga 3 April yang lepas, seramai 20 Ahli Yang Berhormat Senator telah berbahas mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Ekonomi yang boleh disimpulkan kepada tiga isu utama berikut:

- (i) pertumbuhan ekonomi;
- (ii) program pembasmian kemiskinan; dan
- (iii) keseimbangan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menjawab persoalan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris; Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah; dan Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong yang telah memberikan pandangan dan membangkitkan mengenai kedudukan ekonomi negara termasuk peningkatan kadar inflasi serta kesan konflik Rusia dan Ukraine ke atas perdagangan negara.

Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 8.7 peratus pada tahun 2022. Prestasi ekonomi yang baik ini menunjukkan pemulihan ekonomi yang berterusan dan mencerminkan daya tahan ekonomi negara. KDNK negara dijangka berkembang antara 4 hingga 5 peratus pada tahun 2023 dengan mengambil kos risiko persekitaran keluar yang lebih mencabar.

Bagi memastikan Malaysia dapat mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat, kerajaan akan memberi tumpuan kepada tiga perkara utama iaitu melaksanakan reformasi struktur ekonomi, mengenal pasti sumber pertumbuhan baharu dan mengukuhkan kedudukan fiskal negara. Merujuk kepada tumpuan pertama, kerajaan komited untuk melaksanakan usaha mereformasi struktur ekonomi ke arah rantai nilai yang lebih tinggi bagi mengukuhkan pertumbuhan dan meningkatkan produktiviti dalam semua sektor.

Bagi tumpuan kedua pula, penekanan akan diberi kepada sumber pertumbuhan baharu daripada sektor strategik yang berimpak tinggi antaranya industri elektrik dan elektronik, perkhidmatan global, aeroangkasa, industri kreatif, pelancongan dan biojisim. Sektor swasta juga akan terus dipacu sebagai rakan pembangunan dan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan pelaburan yang berkualiti dan berteknologi tinggi. Majlis Pelaburan Negara (MPN) dan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) akan menerajui usaha mempercepatkan kelulusan projek yang berpotensi tinggi.

Perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) pula akan diperkasa sebagai pemacu pertumbuhan melalui pendigitalan bagi meningkatkan produktiviti dan mengembangkan operasi perniagaan. Bagi tujuan ini, kerajaan juga telah memperuntukkan dana pembiayaan sebanyak RM40 bilion dalam bentuk pinjaman langsung, pembiayaan alternatif dan jaminan pembiayaan untuk manfaat PMKS di bawah Belanjawan 2023. Manakala bagi tumpuan ketiga dan terakhir, kerajaan akan meningkatkan usaha bagi mengukuhkan kedudukan fiskal negara melalui peningkatan hasil dan menyasarkan semula subsidi kepada kumpulan yang lebih memerlukan.

Berkenaan pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris mengenai impak konflik Russia-Ukraine terhadap perdagangan negara. Situasi persekitaran global yang tidak menentu termasuklah konflik Russia-Ukraine terus menjadi cabaran kepada pengukuhan daya tahan ekonomi negara. Berdasarkan nilai perdagangan import Malaysia dari Russia hanya sebanyak 0.8 peratus daripada jumlah import Malaysia atau RM10.2 bilion dengan produk utama seperti keluaran petroleum, produk kimia dan petroleum mentah. Import dari Ukraine pula sebanyak 0.04 peratus atau RM500 juta. Produk yang diimport antaranya produk kayu, gergaji, barangan makanan diproses dan gandum.

Berdasarkan jumlah import Malaysia sebanyak RM1.3 trilion pada tahun lepas, nilai perdagangan di antara Malaysia dengan Russia dan Ukraine adalah kecil. Walau bagaimanapun, konflik Russia-Ukraine ini telah mengakibatkan gangguan rantai bekalan global dan meningkatkan kos perdagangan. Sebagai contoh, kos pengangkutan logistik dan tenaga yang telah mendorong kepada kenaikan inflasi dunia termasuk Malaysia.

Bagi memastikan konflik Russia dan Ukraine tidak terlalu memberi kesan kepada inflasi di Malaysia, kerajaan telah mengenal pasti sumber alternatif daripada negara lain. Contohnya bagi gandum Malaysia telah meningkatkan import gandum dari Australia kepada

74 peratus daripada keseluruhan import gandum dan Kanada sebanyak 18 peratus. Sri Lanka dan India turut dikenal pasti sebagai sumber import gandum yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah berkaitan inflasi dan kos sara hidup yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail, Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong dan Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

Kadar inflasi yang diukur oleh Indeks Harga Penggunaan dilihat semakin mereda kepada 3.7 peratus pada Februari 2023 dan menunjukkan trend penurunan selepas mencatat kadar tertinggi 4.7 peratus pada Ogos 2022. Namun salah satu- komponen dalam IHP iaitu makanan dan minuman bukan alkohol kekal sebagai penyumbang utama kepada kenaikan kadar inflasi negara.

Sehubungan ini dalam meminimumkan impak peningkatan kos sara hidup ini, kerajaan memperuntukkan hampir RM64 bilion untuk bantuan dan insentif termasuk subsidi kepada rakyat seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2023. Kerajaan akan terus memberi tumpuan dan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu mengurangkan beban rakyat terutamanya golongan miskin tegar dan B40.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah berkaitan isu kemiskinan yang telah dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat Senator antaranya Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli; Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail; Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad; Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing; dan Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemera Anding.

Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan agenda menangani kemiskinan dan pembangunan inklusif dilaksanakan tanpa mengira etnik status ekonomi dan lokasi. Dalam hal ini, kerajaan akan sentiasa melaksanakan pelbagai strategi dan inisiatif bagi meningkatkan pendapatan rakyat. Oleh itu, kerajaan akan terus mengimbangi tumpuan terhadap menstrukturkan ekonomi negara dengan keperluan ekonomi rakyat berhubung pendapatan yang lebih baik bagi kesejahteraan rakyat.

Antaranya adalah dengan pertama meningkatkan dan mempelbagaikan sumber pendapatan isi rumah miskin melalui pekerjaan dalam aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dan keusahawanan.

Kedua, membangun modal insan melalui pendidikan dan kemahiran dan ketiga, menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan asas seperti jalan, bekalan air terawat dan elektrik serta ketersambungan jalur lebar juga sedang ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang telah dilancarkan pada 26 Februari 2023 bagi membantu meningkatkan pendapatan isi rumah

kumpulan miskin tegar dan B40 telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada rakyat dan juga Ahli Dewan yang mulia ini.

Seramai enam Ahli Dewan Negara telah memberikan pandangan, saranan serta pertanyaan berkaitan pelaksanaan IPR iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris; Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff; Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim; Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad; Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding; dan Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran.

#### ■1310

Pelaksanaan IPR merupakan strategi serampang dua- mata yang menumpukan kepada peningkatan pendapatan keluarga B40 dan miskin tegar yang mana pada masa yang sama membantu mengatasi isu kos sara hidup serta memperbaiki struktur ekonomi di peringkat akar umbi.

Pelaksanaan IPR ini juga melibatkan kerjasama antara kementerian dan rakan-rakan strategik yang terdiri daripada sektor swasta, syarikat berkaitan kerajaan dan institusi pengajian tinggi melalui pendekatan keseluruhan negara dalam usaha menangani kemiskinan dan ketidaksamaan.

Program IPR melibatkan semua golongan miskin tegar dan B40 tanpa mengira kaum, etnik dan negeri. Pada masa ini, Kementerian Ekonomi sedang giat melaksanakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak termasuk Ahli-ahli Parlimen, pegawai-pegawai daerah, pihak berkuasa tempatan dan pihak berkepentingan yang lain untuk memastikan inisiatif ini dapat dilaksanakan dengan segera di seluruh negara.

Selain itu, Kementerian Ekonomi juga telah mengadakan sesi libat urus bersama Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah berkaitan Program IPR INTAN pada 30 Mac 2023 dan bentuk kerjasama akan ditentukan, antara lain berkaitan ketersediaan tanah di pihak KKDW. Bagi menyertai program IPR ini, ketua isi rumah daripada golongan B40 khususnya miskin tegar yang berminat perlu memohon melalui laman sesawang IPR dan boleh memilih untuk menyertai inisiatif yang diminati sama ada Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) ataupun Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN). Peserta akan dipadankan dengan inisiatif yang diminati, lokaliti dan ketersediaan inisiatif di lokaliti berkenaan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff...

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri penjelasan yang telah diberikan.

Saya hendak memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah tadi ada mengatakan banyak usaha dan inisiatif telah diadakan oleh kementerian untuk menangani inflasi, kemiskinan tetapi pada hakikat itu rakyat memang berasa beban, rakyat memang berasa susah. Adakah usaha-usaha dan inisiatif yang diadakan itu tidak berkesan atau secara kita kata *only for table discussion only*, tidak dapat untuk menyelesaikan masalah-masalah rakyat. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan. Terima kasih.

**Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ini merupakan satu inisiatif yang masih dalam permulaan, okey. Ia telah dilancarkan di Selangor dan mendapat sambutan yang agak baik, okey. Inisiatif yang lain kita akan juga mengikuti ke negeri-negeri lain. Banyaklah daripada segi sambutan telah ingin untuk melaksanakan tetapi kami masih perlu seperti yang dimaklumkan tadi daripada segi berbincang dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah untuk kesesuaian tempat lokasi yang harus dilaksanakan di negeri masing-masing. Jadi, *insya-Allah* kita doakan dan usahakan yang terbaik untuk melaksanakan semampu yang kita boleh.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit penjelasan diminta. Kita ada mendengar kementerian ada menyebut bahawa sambutan terhadap pendaftaran IPR ini sangat memberangsangkan. Semasa membenteng bajet di Dewan ini, Perdana Menteri ada menyebut tentang 130,000 orang- keluarga miskin yang mesti dikeluarkan daripada status itu dalam masa setahun. Ini seolah-olah memang kita sudah ada daftar itu. Adakah kedua-dua senarai ini di konsolidasi di bawah IPR? Berapa sebenarnya jumlah yang sudah didaftarkan untuk menyertai IPR ini yang ada pada kementerian? Terima kasih.

**Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pendaftaran melalui Kementerian Ekonomi dan ia adalah disemak dengan sistem eKasih supaya memastikan bahawa mereka yang di dalam golongan yang layak dapat dilaksanakan akan dihubungi untuk melaksanakan yang terbaik, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Sedikit celahan Tuan Yang di-Pertua. Mohon izin Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak yang hendak celah. Masa tidak banyak ya. Akhir sekali, cepat.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Tahniah dengan *target* untuk 130,000 dalam tempoh setahun, masanya singkat. Apakah sudah ada susun atur jadual gerak kerja yang bakal disempurnakan bagi mencapai matlamat noktah 130,000? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada jadual? Sila.

**Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib:** *Insyah-Allah*, ini adalah antara inisiatif yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri dan beliau ingin hendak melaksanakan secepat yang mungkin dan *insyah-Allah* kita doakan ia dapat diselesaikan secepat mungkin. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Patut Ahli-ahli Yang Berhormat mula senaraikan janji-janji tempoh hari, kemudian baru soal. Janji itu, janji ini, janji itu. Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh cuba jawab. Kalau tidak boleh jawab, bawa balik. Sila, sila.

**Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr. Hajjah Wan Martina binti Wan Yusoff berkaitan pemantauan program ini, Kementerian Ekonomi bekerjasama dengan pejabat daerah, pihak berkuasa tempatan, universiti awam serta agensi pelaksana yang lain bagi memastikan peserta IPR mendapat bimbingan sewajarnya dan mencapai sasaran peningkatan pendapatan yang mampan seperti dihasratkan.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan seterusnya adalah berkaitan dengan isu keseimbangan pembangunan bagi negeri-negeri kurang membangun seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit, Yang Berhormat Senator Dr. Hajjah Wan Martina binti Wan Yusoff, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin dan Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing.

Dalam RMKe-12, kerajaan telah memberi tumpuan kepada usaha menangani ketidakseimbangan sosioekonomi dan menggalakkan pertumbuhan yang saksama antara wilayah dan negeri termasuk Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Kerajaan komited untuk mengagihkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keseluruhan Peruntukan Pembangunan Asas ataupun DE Asas kepada enam buah negeri kurang pembangunan.

Selain itu, usaha untuk diteruskan untuk memantapkan penyediaan infrastruktur, mengoptimumkan potensi ekonomi, menambah baik akses kepada perkhidmatan sosial, mempertingkatkan pembangunan inklusif dan memperkukuhkan kerjasama antara agensi persekutuan dan kerajaan negeri. Dalam hal ini, pelaksanaan projek-projek di seluruh negara akan diteruskan dan tiada projek yang akan ditangguhkan.

Berhubungan dengan peruntukan pembangunan tahun 2023 bagi negeri Kelantan, peruntukan sebanyak RM2.494 bilion merupakan peruntukan bagi DE Asas. Jumlah keseluruhan projek sebanyak 425 iaitu 112 projek baru dan 313 projek sambungan. Sebanyak 383 projek kategori fizikal dengan peruntukan RM2.359 bilion dan 42 projek kategori bukan fizikal dengan peruntukan RM135 juta. Manakala Sarawak telah diluluskan DE Asas berjumlah RM5.42 bilion bagi melaksanakan sebanyak 979 projek iaitu 164 projek baru dan 815 projek sambungan di bawah pelbagai kementerian.

Ini termasuk perancangan untuk membangunkan bandar-bandar yang bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia seperti Ba'kelalan dan Tebedu di Sarawak. Kerajaan sentiasa

membincangkan perkara melibatkan kerjasama dua hala dan pelbagai hala dengan negara-negara jiran berkenaan pembangunan wilayah sempadan negara dalam pelbagai platform. Antaranya termasuklah Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur-Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina ataupun lebih dikenali sebagai BIMP-EAGA.

#### ■1320

Selain itu, bagi menjawab pertanyaan dari Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin, kerajaan melalui Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) meneruskan pembangunan dua projek berimpak tinggi di negeri Perlis iaitu Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA) dan Pelabuhan Darat Perlis (PIP) dalam usaha menggalakkan pertumbuhan negeri Perlis dengan kos projek masing-masing ialah RM723.7 juta serta RM327.4 juta. Kerajaan yakin bahawa usaha-usaha yang dilaksanakan ini dijangka dapat meningkatkan taraf hidup rakyat yang seterusnya mengurangkan jurang pembangunan sosioekonomi antara wilayah dan negeri di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan saya terhadap isu-isu utama yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Namun, terdapat beberapa perkara yang ditanyakan secara terperinci oleh Senator, akan dikemukakan jawapan secara bertulis iaitu berkaitan pelaksanaan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) daripada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa dan- pemerkasaan masyarakat digital yang inklusif bagi merapatkan jurang digital yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair.

Akhir sekali, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*. Tahniah dan terima kasih. Menjurus kepada Kementerian Belia dan Sukan.

#### 1.21 tgh.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Adam Adli Abd Halim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada dua Ahli Yang Berhormat yang sangat prihatin dalam memberikan cadangan, pandangan dan pertanyaan kepada kementerian ini sepanjang tempoh perbahasan Belanjawan 2023 yang berlangsung iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dan Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya.

Secara keseluruhannya, terdapat tiga perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai kementerian ini. Daripada tiga perkara tersebut, dua daripadanya adalah berkenaan dengan isu kemudahan sukan dan satu merupakan perkara yang berkait dengan isu sukan.

Dalam isu kemudahan sukan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris semasa giliran perbahasannya ada membangkitkan permohonan peruntukan untuk menyelenggarakan atau menaik taraf trek olahraga sebuah sekolah rendah di Marang. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan menaik taraf di bawah kementerian tidak meliputi kemudahan sukan di dalam kawasan sekolah. Urusan menaik taraf kemudahan sukan dalam kawasan sekolah adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan, bukan Kementerian Belia dan Sukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagaimana sekali pun semasa lawatan saya ke negeri Terengganu baru-baru ini bersama dengan Jabatan Belia dan Sukan Negeri, saya turut membincangkan perkara berkaitan dengan pembangunan kemudahan sukan dengan pihak Yang Berhormat Exco Belia dan Sukan Negeri Terengganu ketika itu. Di mana pihak Yang Berhormat Exco bersetuju untuk mengadakan perbincangan lanjut berkaitan dengan perkara yang disebut bagi mengenal pasti tindakan seterusnya terutama yang berkait dengan daerah Marang.

Sehubungan itu, sekiranya Yang Berhormat berhasrat untuk membina sebuah trek olahraga di daerah Marang, pihak Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan berkenaan kepada kementerian ini untuk dibuat penelitian lanjut. Permohonan hendaklah memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi iaitu:

- (i) pastikan tanah atau tapak tersebut perlu didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dengan memperoleh pengesahan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian; dan
- (ii) tapak adalah bebas bebanan dan sedia untuk dimasuki serta tiada isu tapak atau tanah projek seperti setinggan, bantahan penduduk dan lokasi yang tidak sesuai apabila membuat permohonan projek fizikal binaan baharu.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya semasa giliran perbahasannya pada 30 Mac 2023 ada bertanyakan Kementerian Belia dan Sukan mengenai status pembinaan Pusat Latihan Kebangsaan atau *National Training Centre*, dengan izin, di Presint 15, Putrajaya.

Untuk makluman Yang Berhormat, status Pusat Latihan Kebangsaan- *National Training Centre* ini masih berada dalam peringkat perancangan. Pihak kementerian akan memohon peruntukan bagi projek ini dalam *Rolling Plan* Keempat (RP4) 2024.

Kita beralih kepada isu sukan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya turut membangkitkan cadangan berkenaan permohonan dana sokongan sebanyak RM10 juta setiap tahun kepada khususnya Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) sebagai dana tambahan untuk pembangunan sukan bola sepak negara.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan ini, FAM menerima peruntukan khusus dan bantuan program-program pembangunan bola sepak di peringkat akar umbi. Selain itu, peruntukan sebanyak RM2.5 juta setahun turut disediakan bagi Program Skuad Projek Bola Sepak FAM-MSN bagi memastikan kesinambungan pembangunan bakat bola sepak yang telah dihasilkan menerusi program PPBN dan Akademi Mokhtar Dahari dapat diteruskan. PPBN iaitu Program Pembangunan Bola Sepak Negara, program ini menyediakan latihan dan pendedahan pertandingan yang lebih kompetitif.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, PPBN atau NFDP ini membuktikan keseriusan kerajaan dalam aspek pembangunan sukan bola sepak di mana sebanyak RM110 juta telah diperuntukkan kepada MSN menerusi perbelanjaan pembangunan (DE) Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi tempoh lima tahun bermula dari tahun 2021 hingga 2025. Selain itu, pasukan kebangsaan juga turut diberikan bantuan bagi kos penyertaan pasukan ke temasya, program latihan, tempat latihan dan perkhidmatan sains serta perubatan sukan bagi persiapan ke temasya sukan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kementerian saya telah pun menjawab soalan-soalan...

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Mohon mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa, hendak celah lagi..? Sudah hendak habis.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Fasal apa?

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Fasal agihan peruntukan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik. Atas peruntukan yang mana?

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang ada banyak sektor sukan agihan peruntukan akan diberikan. Apakah syarat-syarat yang mempertimbangkan kemenangan pingat emas atau ahli-ahli itu boleh menang atau apa? Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan. Terima kasih.

**Tuan Adam Adli Abd Halim:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, ada banyak program sukan yang diberi perhatian khusus. Contohnya di peringkat MSN kita ada Program Podium dan juga Program Pelapis di mana kedua-dua ini disasarkan sebagai sukan yang boleh membawa pulang pingat. Kemudian, di peringkat pertandingan temasya-temasya sukan tempatan misalan SUKMA.

Tumpuan diberikan kepada sukan-sukan teras. Ini ialah sukan yang diberi tumpuan, bantuan, peruntukan dan latihan. Sukan-sukan ini sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa. Cuma kita juga tidak mengabaikan sukan-sukan yang tidak dianggap sebagai sukan teras. Semua persatuan sukan selagi mana berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan, di kendali

dengan baik, permohonannya dikemukakan mengikut prosedur, kita sentiasa beri tumpuan dan kita sentiasa beri bantuan yang sepatutnya.

Malah kalau diikuti dalam belanjawan kali ini juga, kita sudah pun mencari mekanisme di mana kita dapat kembangkan lagi bantuan supaya banyak persatuan sukan yang selama ini mungkin dilihat tidak tergolong dalam sukan-sukan teras, sukan-sukan utama atau sukan-sukan tumpuan yang boleh membawa balik pingat dan juga boleh mengharumkan nama negara ini.

■1330

Kita juga beri ruang di mana ada geran-geran padanan yang boleh diusahakan. Kita juga usahakan pengecualian cukai bagi bidang sukan untuk menggalakkan lebih ramai pihak terlibat dan bergiat aktif dalam kegiatan sukan. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah bidang sukan tadi ini. Status NTC tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah dua dapat pun nak mencelah lagi. Tadi dah jawab beliau kan?

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Bukan. Saya baru terfikir satu- benda. NTC tadi, Timbalan Menteri cakap masih dalam perancangan. Menteri sebelum ini cakap akan dibina pada tahun lepas, 31 Disember. Jadi, kita di Putrajaya ini nak tahu dalam perancangan kah atau akan dibina kah? Masa Menteri Belia dan Sukan dulu datang, dia beritahu akan dibina pada tahun tersebut. Maknanya, sehingga 31 Disember tahun 2022. Ini tahun 2023. Kelibat padang itu pun tak nampak. Hari ini Timbalan Menteri datang, cakap dalam perancangan. Ini macam mana punya cerita ini, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Timbalan Menteri...

**Tuan Adam Adli Abd Halim:** Saya jawab, boleh? Saya jawab sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh.

**Tuan Adam Adli Abd Halim:** Ertinya, saya tak pasti. Kita tidak ada maklumat lanjut tentang apa kenyataan atau jawapan yang dikeluarkan oleh Menteri terdahulu. Akan tetapi mewakili kementerian hari ini, kita telah pun meletakkan ia dalam permohonan untuk peruntukan bagi projek *Rolling Plan* Keempat. Ini akan dilaksanakan sesegera yang mungkin. Itu maksudnya telah dinyatakan 2024, tahun hadapan, *insya-Allah*. Peruntukannya akan dimohon segera.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa Yang Berhormat Senator Hisamudin bertanya itu, Menteri dahulu kah atau Menteri sekarang?

**Tuan Adam Adli Abd Halim:** Ini adalah yang terbaharu. Jadi, saya akan rujuk kembali sama ada ia- akan tetapi kalau ikutkan kementerian sekaranglah sebab ini akan diminta tahun depan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya fikir terbaik, *query* yang beliau kemukakan itu segera dijawab. Oleh sebab nampak macam ada variasi yang tidak menepati komitmen menjawab soalan asal kepada Yang Berhormat Senator itu. Jadi, itulah pesanan Dewan, tolong bawa kepada kementerian.

**Tuan Adam Adli Abd Halim:** Kementerian akan segera keluaran jawapan yang tuntas supaya boleh meletakkan titik noktah kepada persoalan oleh Yang Berhormat Senator yang saya percaya jaga bola sepak selama ini dengan cukup baik. Terima kasih Yang Berhormat... *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik, baik.

**Tuan Adam Adli Abd Halim:** Saya ingat saya boleh menyatakan terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas persoalan, cadangan dan juga soalan tambahan yang dikemukakan. Saya berharap semua jawapan yang telah pun diberikan dapat sedikit sebanyak menjawab pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian ini sentiasa terbuka dalam menjalinkan kerjasama dan berganding bahu dengan semua pihak bagi memastikan martabat belia dan sukan di negara ini terus diperkukuh.

Sekian, *wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita beredar kepada Kementerian Komunikasi dan Digital. Silakan.

### 1.33 tgh.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Komunikasi dan Digital, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada enam orang Ahli Yang Berhormat Senator yang prihatin dan telah mengambil bahagian dalam memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas kementerian saya sepanjang sesi perbincangan Belanjawan 2023 yang bermula pada 29 Mac hingga 3 April.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Akmaz a/l Ehtook membangkitkan isu berkaitan perkhidmatan Internet ataupun komunikasi. Kerajaan memahami keperluan kesalinghubungan Internet untuk semua rakyat dan ini telah mendorong kerajaan untuk membuat penaiktarafan pelan jalur lebar, termasuklah di kawasan luar bandar dan pedalaman yang sedang diperluaskan secara berperingkat melalui pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1 sejak tahun 2020 hingga 2022 dan juga Fasa 2 sejak tahun 2023 hingga 2025.

KKD melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama pemberi perkhidmatan dan mengarahkan mereka untuk mengambil serius berkenaan aduan yang dikemukakan oleh rakyat serta bertindak segera memperbaiki tahap capaian liputan di semua kawasan yang bermasalah. Selain daripada usaha untuk membaiki tahap capaian liputan, SKMM juga telah mengeluarkan arahan Suruhanjaya kepada pemberi perkhidmatan yang gagal menepati kualiti perkhidmatan standard mandatori seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 109, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ataupun Akta 588.

Jadi, SKMM telah menetapkan beberapa kriteria asas seperti jumlah bilangan penduduk di sesuatu kawasan, kadar penembusan langganan Internet dan juga status sosioekonomi dalam menentukan sama ada kawasan tersebut sesuai untuk dibina menara baharu dengan menggunakan dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) ataupun ia perlu diusahakan secara komersial oleh pemberi perkhidmatan. SKMM juga telah mensyaratkan di kesemua kawasan menara di bawah inisiatif USP supaya sekurang-kurangnya terdapat empat- pemberi perkhidmatan di setiap menara yang menggunakan konsep *multiple operator core network* (MOCN), dengan izin, bagi menambah baik mutu perkhidmatan jalur lebar mudah alih.

Satu bentuk rangka kerja perkongsian rangkaian dengan konsep MOCN bagi menara-menara komersial juga sedang dirangka untuk memudahkan perkongsian rangkaian sesama pemberi perkhidmatan. Untuk makluman, perkongsian secara konsep MOCN bagi menara-menara komersial telah pun dilaksanakan di beberapa buah lokasi seperti di Luban Ulu, Bukit Tangga dan Projek Pertanian Moden Kluang.

Rangka kerja yang dibangunkan dapat memberi pendekatan perkongsian secara lebih holistik bagi memudahcarakan perkongsian rangkaian secara meluas. Dalam hal ini, KKD juga mengalu-alukan maklum balas daripada Yang Berhormat Senator dan juga orang awam bagi kawasan yang mempunyai masalah perkhidmatan, bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil. Sebarang aduan boleh disalurkan terus ke portal SKMM menerusi pautan laman web <https://aduan.skmm.gov.my>.

Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew membangkitkan tentang peruntukan RM725 juta di bawah JENDELA. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Jun 2021 telah meluluskan pelaksanaan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara atau *National Fiberisation Connectivity Plan* (NFCP), dengan izin, bagi tempoh 2019 hingga 2023 yang telah dijenamakan semula sebagai Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

Peruntukan sebanyak RM725 juta dalam Belanjawan 2023 merupakan peruntukan khusus Kerajaan Persekutuan bagi pelaksanaan projek *Point of Presence* (PoP), dengan izin, di bawah JENDELA yang dikendalikan oleh kementerian. PoP ialah penyediaan infrastruktur

jalur lebar hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman di seluruh negara dengan lebih baik.

Pelaksanaan ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar sebagai hab untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya dengan radius 2.5 kilometer hingga 3.0 kilometer. Secara keseluruhannya, Fasa 1 bagi Projek PoP ini akan melibatkan 630 buah lokasi dan Fasa 2 pula akan melibatkan 3,693 buah lokasi berhampiran sekolah di kawasan luar bandar di seluruh negara.

#### ■1340

Sekurang-kurangnya sebanyak 432,300 buah premis akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi apabila projek ini siap kelak pada tahun 2025.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pemilihan 4,323 buah sekolah dan 47 buah kawasan industri ini dibuat setelah melalui proses *value management lab* (VML), dengan izin, dan telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Keempat pada tahun 2020. Sehingga 31 Mac 2023, sebanyak 213 buah kawasan PoP telah berjaya disiapkan di seluruh negara dengan menyediakan sebanyak 32,448 buah premis sedia untuk dilanggan dan menikmati perkhidmatan Internet berkelajuan tinggi.

Yang Berhormat Senator Tuan Aklan a/l Ehtook juga membangkitkan isu kontrak kad SIM selama dua tahun yang lama. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pelbagai plan telah ditawarkan oleh syarikat komunikasi di pasaran untuk pilihan pengguna. Pengupayaan kesedaran pengguna dalam mengkaji perbandingan dan memilih produk yang bersesuaian menjadi faktor utama untuk menangani isu ini. Antara variasi plan yang tersedia di pasaran termasuklah plan pascabayar tanpa kontrak. Majoriti plan tanpa peranti ataupun perkhidmatan tambahan- *add-on services*. Plan macam ini kebanyakannya adalah tanpa kontrak.

Pelan pascabayar bersama peranti dengan kontrak 24 bulan ataupun 36 bulan dan juga ada plan pascabayar dengan tempoh kontrak yang pelbagai berdasarkan keperluan dan kemampuan pengguna. Jadi, majoriti plan-plan berkontrak adalah yang melibatkan plan bersama peranti ataupun perkhidmatan tambahan untuk talian pascabayar. Jadi, sekiranya seseorang pengguna rasa beliau tidak mahu terikat dengan kontrak selama dua tahun, beliau sepatutnya memilih kontrak pascabayar tanpa peranti dan juga perkhidmatan tambahan ini.

Selain daripada itu, mengenai kemudahan agihan nombor mudah alih atau *mobile number portability* (MNP) dengan izin, dimaklumkan bahawa pengurusan MNP bagi talian pascabayar dan prabayar dikawal selia oleh SKMM melalui Peraturan 25, Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia 2016 dan subseksyen (5), Rancangan Penomboran

dan Pengalamatan Elektronik- *Numbering and Electronic Addressing Plan 2016*, dengan izin, yang dibangunkan berdasarkan seksyen 180 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Penyedia perkhidmatan rangkaian yang menyediakan perkhidmatan selular di Malaysia mempunyai kewajiban untuk melaksanakan dan memudah cara perkhidmatan MNP serta dikehendaki mematuhi peraturan peniaga industri MNP. Sekiranya terdapat kegagalan permohonan atau transaksi MNP, SKMM akan membuat penelitian lanjut untuk memastikan ia tidak melanggar apa-apa peruntukan di bawah NEAP 2016. Sekiranya terdapat pelanggaran dan didapati bersalah, pihak penyedia perkhidmatan rangkaian berkenaan boleh diambil tindakan di bawah seksyen 242, Akta Komunikasi dan Multimedia.

Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim mencadangkan supaya Inisiatif PerantiSiswa ditambah baik. Inisiatif PerantiSiswa yang dilaksanakan oleh KKD bermula tahun 2022 telah membekalkan pelajar daripada kelompok keluarga B40 dengan sebuah tablet Galaxy A8 LTE berspesifikasi 4GB RAM dan juga 46GB ROM bagi memudah cara pelajar dalam pembelajaran dalam kuliah. KKD mengambil maklum akan pandangan Yang Berhormat Senator, namun dimaklumkan bahawa pada ketika ini, tiada peruntukan disediakan di bawah Belanjawan 2023 untuk inisiatif tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris telah membangkitkan isu sekatan bersuara di media sosial terutamanya *TikTok*. Kerajaan melalui SKMM sentiasa cakna akan isu-isu terkini yang berlaku di platform-platform media sosial. Tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh kerajaan terhadap individu yang menyalahgunakan media sosial adalah berpandukan undang-undang sedia ada selaras dengan prinsip Rukun Negara keempat iaitu "*Kedaulatan undang-undang.*"

Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa setiap warganegara dijamin hak kebebasan bersuara, namun harus difahami bahawa hak yang dimiliki adalah bukan bersifat mutlak dan masih tertakluk kepada undang-undang yang ada demi kepentingan keselamatan negara, hubungan baik dengan negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral menurut Perkara 10(2), dan juga Perkara 4, Perlembagaan Persekutuan.

Dengan mendukung prinsip, dengan izin, *no one is above the law*, tindakan-tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh kerajaan adalah berpaksikan peruntukan undang-undang sedia ada serta berdasarkan aduan daripada masyarakat awam atau pihak yang terkesan tanpa ada unsur, dengan izin, *double standard*. Tiada sekatan ke atas mana-mana individu yang meluahkan perasaan atau pendapat, tetapi perlu ada usaha daripada pihak-pihak kerajaan dalam lingkungan dan batasan undang-undang bagi memastikan rakyat dalam menggunakan media sosial, tidak melampaui batas norma masyarakat, menghasut ke arah kebencian atau mengancam keamanan dan kestabilan negara.

Seperti yang dinyatakan oleh pihak *TikTok*, saya nak merujuk kepada kenyataan media yang dibuat oleh pihak *TikTok*. Mereka menyebut dalam satu kenyataan media bahawa sebarang keputusan yang diambil oleh pihak *TikTok* terhadap pengguna-pengguna *TikTok* adalah berdasarkan kepada garis panduan komuniti mereka dan bukan atas arahan mana-mana kerajaan. Jadi, dalam ucapan Yang Berhormat Senator sebut bahawa ada seorang pengguna yang disekat sepanjang 10 tahun. Saya nak jelaskan di sini bahawa SKMM ataupun KKD, kita memang tidak ada apa-apa maklumat tentang insiden yang disebut oleh Yang Berhormat Senator semasa perbahasan beliau.

Isu terakhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff membangkitkan isu iklan yang mencolok mata di portal berita dalam talian. Untuk makluman, setakat ini pihak SKMM tidak pernah menerima sebarang aduan berkenaan iklan-iklan mencolok mata di portal-portal berita dalam talian. Kebiasaannya, laman-laman sesawang Internet termasuk portal-portal berita akan memaparkan iklan-iklan berdasarkan kepada profil dan subjek pilihan pengguna-pengguna.

Bagi portal berita, iklan merupakan salah satu daripada punca pendapatan yang memastikan bahawa perkhidmatan mereka kekal dapat ditawarkan kepada pengguna secara percuma atau dengan yuran yang amat rendah. Memang terdapat pelbagai jenis iklan yang tertera di alam maya dan ada di antaranya yang mungkin tidak sesuai atau tidak ingin dilihat oleh sesetengah orang.

Oleh yang demikian, masyarakat disarankan untuk menjaga informasi peribadi mereka dan menghindari diri daripada mengklik iklan yang mencurigakan. Lebih kerap klik iklan yang tidak senonoh, lebih tinggi risiko akan ditawarkan jenis iklan yang kandungannya sama. Orang awam turut dinasihatkan untuk membuat aduan kepada SKMM ataupun Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) sekiranya terdapat iklan-iklan sedemikian yang dipaparkan di mana-mana sesawang yang dilayari.

Saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2023 yang menyentuh mengenai peranan Kementerian Komunikasi dan Digital. Kementerian mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan bagi menambah baik perkhidmatan di bawah bidang kuasa kementerian. Sekian ucapan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

■1350

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kembali dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Terus kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**1.50 tgh.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Liew Chin Tong]:** Tuan Yang di-Pertua, salam Malaysia Madani. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2023 peringkat dasar Dewan yang mulia ini dan memberikan pandangan mengenai isu-isu yang melibatkan hal-hal berkaitan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Saya dan kementerian ini amat menghargai dan dalam masa yang sama prihatin terhadap semua pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan untuk diintegrasikan dengan pelbagai inisiatif kerajaan dalam usaha untuk terus memulihkan ekonomi negara agar terus maju dan kekal mampan demi kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan membangkitkan agar Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 perlu libat urus bersama dengan dewan perniagaan dan perindustrian untuk mempertingkatkan hubungan rangkaian industri antara perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan pelaburan langsung asing (FDI) serta merangka program-program pembangunan industri 4.0.

MITI telah merangka Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030- *New Industrial Master Plan 2030* bagi menggantikan Pelan Perindustrian Ketiga- *Third Industrial Master Plan* yang telah tamat tempoh pada tahun 2020.

Satu pasukan khas iaitu Pasukan Petugas Kajian Semula Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz. Pasukan petugas ini dianggotai oleh pakar-pakar ekonomi yang berpengalaman dengan mandat untuk membuat draf semula NIMP baharu. Satu mesyuarat telah dilakukan 23 Februari 2023 dan mesyuarat kedua akan diadakan pada 10 April 2023.

NIMP ini akan dirangka berlandaskan dasar pelaburan baharu negara berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional- *National Investment Aspirations* yang fokus kepada pelaburan yang berimpak tinggi yang dapat meningkatkan kompleksiti ekonomi. Mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, memperluaskan rangkaian domestik, membangunkan kluster baharu dan sedia ada serta mempertingkatkan keterangkuman dalam menyasarkan pelaburan berkualiti tinggi, berintensifikasikan modal dan teknologi. Dasar ini juga memberi tumpuan kepada keterangkuman dan kemapanan yang diselarikan dengan matlamat alam sekitar sosial dan tadbir urus- ESG.

MITI akan melaksanakan sesi libat urus dengan semua pemegang taruh- *all stakeholders* termasuk sektor perusahaan kecil dan industri serta dewan-dewan perniagaan bagi memastikan sinergi di peringkat dasar dan industri terutamanya dalam mewujudkan

ekosistem yang menyokong serta memangkinkan Malaysia dalam pembangunan perindustrian pada masa hadapan.

Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding, memohon kerajaan menyatakan jenis pelaburan berimpak tinggi atau berkualiti tinggi telah masuk ke Malaysia yang dapat mengembangkan lagi dan menyediakan peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia.

Pelaburan berimpak tinggi merupakan projek-projek pelaburan yang berteknologi tinggi bernilai tambah tinggi, berintensifikasikan pengetahuan, kemahiran, eksport dan modal penyelidikan dan pembangunan serta projek-projek yang melengkapkan ekosistem industri tempatan. Berdasarkan laporan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), bagi tempoh Januari 2022 hingga Disember 2022, Malaysia telah merekodkan sebanyak RM264.6 bilion pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan, sektor perkilangan dan sektor utama termasuk perladangan dan komoditi, perlombongan dan pertanian.

FDI kekal sebagai penyumbang utama bagi jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM163.3 bilion atau 61.7 peratus. Sementara itu, pelaburan langsung domestik (DDI) menyumbangkan sebanyak RM101.3 bilion ataupun 38.3 peratus bagi tempoh yang sama. Pelaburan yang diluluskan pada tempoh ini melibatkan 4,454 projek yang akan menjana sebanyak 140,370 peluang pekerjaan. Bagi sektor perkilangan, sebanyak 27,894 atau 36.7 peratus peluang pekerjaan adalah dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan daripada sejumlah 76,093 peluang pekerjaan baharu dalam sektor tersebut. Ini menunjukkan bahawa pelaburan dalam sektor perkilangan menjanakan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada negara.

Antara pelaburan berimpak tinggi yang telah masuk ke Malaysia bagi tahun 2022, adalah seperti berikut.

Pertama, *Samsung SDI Energy* Malaysia yang telah membuka kemudahan pembuatan sel bateri EV fasa 2 di Seremban, gergasi semikonduktor dari Korea tersebut telah melaksanakan pelaburan terkumpul sebanyak RM7 bilion dengan memilih Malaysia sebagai lokasi pengeluaran pertama di Asia Tenggara. Pelaburan ini dijangka akan menjanakan sebanyak 1,303 peluang pekerjaan baharu.

Kedua, *TFEMD Micro Electronics Sdn. Bhd.* telah mengumumkan rancangan untuk mengembangkan kemudahan perkilangannya di Pulau Pinang dengan pelaburan modal hampir RM2 bilion. Kemudahan pembuatan baharu ini dijangka mewujudkan lebih 3,000 pekerjaan baharu dalam bidang kejuruteraan semi konduktor termaju, reka bentuk dan teknologi proses untuk penyelesaian pengkomputeran berpotensi tinggi.

Ketiga, *Ferrotec Holdings Corporation* pembekal global bahan komponen dan sistem ketetapan penyelesaian- *precision system solutions* telah mengumumkan pembinaan kemudahan pembuatan baharu di *Kulim Hi-Tech Park*, Kedah dengan jumlah pelaburan diluluskan sebanyak RM766 juta dan akan menjana sebanyak 821 peluang pekerjaan. Kilang

yang bakal menjalankan kerja pemasangan elektronik, mekanik dan fabrikasi bahan termaju bagi peralatan semi konduktor ini berhasrat untuk memenuhi keperluan pelanggan sambil mengembangkan perniagaan kumpulan syarikat di serata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff memohon kerajaan menyatakan langkah segera bagi meningkatkan kemudahan fasiliti dan infrastruktur bagi menyokong kelangsungan pelaburan di Kelantan.

Kerajaan telah menyediakan peruntukan kepada MITI di bawah program menaik taraf infrastruktur asas kawasan perindustrian berintegrasi sedia ada berjumlah RM255.55 juta dalam tempoh RMKe-10 dan sebanyak RM87.56 juta dalam tempoh RMKe-11. Manakala sebanyak RM81.64 juta diperuntukkan bagi RP1 dan RP2 di bawah RMKe-12 dan Kumpulan Wang Amanah COVID-19.

Daripada keseluruhan jumlah peruntukan ini, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM19.88 juta untuk menaik taraf infrastruktur asas kawasan perindustrian di negeri Kelantan. Jumlah yang telah dibelanjakan setakat ini adalah sebanyak RM14 juta ataupun 70 peratus. Peruntukan tersebut adalah untuk menaik taraf infrastruktur asas yang merangkumi jalan raya sistem perparitan dan saliran, lampu jalan dan papan tanda dan sebagainya.

#### ■1400

Sebanyak tujuh buah kawasan perindustrian di negeri Kelantan telah menerima faedah di bawah peruntukan ini. Antaranya ialah Kawasan Perindustrian Kuala Krai, Kawasan Perindustrian Bandar Tanah Merah, Kawasan Perindustrian Gua Musang, Kawasan Perindustrian Jeli, Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa I, Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II dan Kawasan Perindustrian MIEL Lundang.

Kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan PBT adalah amat penting untuk menentukan kejayaan sesebuah negeri untuk menaik pelaburan. Dengan kerjasama ini akan dapat mewujudkan satu ekosistem pelaburan yang kondusif termasuk penyediaan kemudahan infrastruktur yang menyokong pembangunan industri dan kelangsungan pelaburan.

Bagi meningkatkan kemudahan fasiliti dan infrastruktur bagi menyokong kelangsungan pelaburan dan memastikan infrastruktur di kawasan perindustrian dalam keadaan yang kondusif. Antara inisiatif yang digalakkan oleh kerajaan ialah pertama menubuhkan operasi pengurusan kawasan perindustrian iaitu Unit Penyelarasan Perindustrian dalam PBT bagi mengurus dan menyelenggarakan serta mengadaptasikan elemen *Industry4WRD* seperti *cloud computing remote monitoring* dan *predictive maintenance*.

Dimaklumkan bahawa kawasan perindustrian diuruskan oleh PBT di bawah seliaan kerajaan negeri. Kerajaan Pusat hanya boleh memberikan cadangan dan juga panduan tetapi akhirnya keputusan di bawah kerajaan negeri.

Cadangan kedua adalah untuk membangunkan kawasan perindustrian berkonsepkan moden lestari mesra pelabur dan berimpak tinggi dengan menyediakan kemudahan seperti akses internet berkelajuan tinggi, asrama, kawasan rekreasi, auditorium dan hotel.

Ketiga menawarkan semua plot industri lama pajakan tamat ataupun penamatan pajakan oleh penyewa terdahulu untuk penyewa baharu. Selain itu unit khas *Industrial Asset Unit* telah ditubuhkan pada 2 Februari 2023 di bawah MIDA yang bekerjasama dengan semua pemilik tanah perindustrian bagi memantau dan membangun taman perindustrian untuk menarik pelaburan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad telah menekankan mengenai perkembangan kenderaan EV atau kenderaan elektrik di Indonesia sebagai perbandingan dan seterusnya mencadangkan supaya kerajaan turut memberi fokus yang sama di Malaysia dengan menjemput pelabur-pelabur asing berkaitan.

Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 17 Februari Pasukan Petugas EV Kebangsaan ataupun *National EV Task Force* (NEVTF) bertanggungjawab untuk menilai dasar semasa, memantau pelaksanaan program dan inisiatif serta merangka dasar dan inisiatif baharu berkaitan pembangunan industri kenderaan EV atau kenderaan elektrik dalam negara secara menyeluruh. NEVTF ini diketuai oleh MITI dan diwakili oleh pelbagai kementerian agensi kerajaan dan pihak industri berkaitan sebagai pendekatan menyeluruh jentera negara ataupun *whole of government approach*.

Berbeza dengan Indonesia yang mempunyai rizab sumber alam yang besar seperti nikel, industri di Malaysia pula mempunyai kelebihan daripada segi pembekalan produk elektronik terutamanya produk semikonduktor, sensor dan lain-lain komponen elektronik automatik. Selain itu syarikat tempatan dalam negara berupaya untuk mengeluarkan komponen bagi pembuatan bateri EV seperti wayar tembaga- *copper wire*. Syarikat tempatan dalam industri mesin dan jentera pula mempunyai keupayaan terutamanya dalam pengeluaran mesin yang berintegrasi dan pintar bagi menyokong proses pembuatan bateri EV untuk syarikat OEM Global bagi EV.

Pelaburan dari tahun 2018 sehingga tahun 2022 untuk komponen kenderaan EV telah mencatat RM18.71 bilion. Sebagai contoh seperti yang saya sebut tadi *Samsung SDI Energy* Malaysia telah memilih Malaysia sebagai lokasi pengeluaran sel bateri BEV pertama di Asia Tenggara dengan jumlah pelaburan sebanyak RM7 bilion. Selain itu Malaysia juga merupakan pasaran terpilih oleh syarikat OEM pengeluar BEV seperti *Tesla* disebabkan potensi kuasa pembeli yang tinggi dan lokasinya yang strategik di rantau ASEAN.

Beberapa buah syarikat OEM jenama mewah dan terkenal yang sedang dan akan menjalani aktiviti pengeluaran BEV di Malaysia merangkumi syarikat *Volvo, BMW, Mercedes, Chery, Volkswagen* dan *Porsche*. Kementerian ini juga akan merancang untuk menarik pelaburan dan juga pembinaan kenderaan-kenderaan EV dengan harga yang berpatutan. Bagi merancakkan pasaran dan menarik pelaburan kerajaan telah menawarkan pelbagai insentif cukai termasuk cukai langsung dan tidak langsung.

Bagi insentif cukai langsung kerajaan menawarkan pengecualian cukai pendapatan melalui galakan taraf perintis ataupun elaun cukai pelaburan sehingga 100 peratus bagi tempoh 10 tahun untuk menggalakkan pelaburan dan pengeluaran EV dan komponen kritikal berkaitan seperti bateri, motor dan lain-lain.

Manakala bagi insentif cukai tidak langsung kerajaan telah menawarkan pengecualian sepenuhnya duti import, duti eksais dan cukai jalan untuk BEV yang akan dipasang secara tempatan. NEVTF telah menggariskan beberapa langkah bagi menggalakkan penggunaan EV untuk menyokong pembangunan industri EV secara berlipat ganda ataupun *exponential growth*.

Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding tanya langkah-langkah kerajaan dalam membantu PKS dalam transformasi ke Industri 4.0- *Industry 4.0*. Kerajaan telah melancarkan dasar negara mengenai Industry4WRD pada 31 Oktober 2018 bagi menggalakkan syarikat-syarikat tempatan khususnya PKS untuk mengaplikasikan teknologi Industri 4.0 dalam proses pembuatan serta sistem pengurusan syarikat.

Di bawah dasar Industry4WRD yang diterajui oleh MITI, terdapat tiga buah program khusus telah diperkenalkan untuk membantu PKS dalam transformasi kepada Industri 4.0 iaitu *readiness assessment*, penilaian kesediaan, *Industry4WRD Intervention Fund*- Dana Intervensi Industry4WRD, dan program peningkatan kemahiran dan latihan semula bertemakan RiSE4WRD.

Ketiga-tiga program khusus ditawarkan kepada PKS secara berperingkat dan bersasar yang merangkumi aspek latihan kemahiran, penambahbaikan proses dan aplikasi teknologi. Ini adalah bagi memastikan PKS dapat beralih ke Industri 4.0 secara berperingkat, menambah baik operasi sedia ada ataupun mampu mengaplikasikan proses perbuatan dan sistem pengurusan syarikat berteraskan Industri 4.0 secara mampan.

Secara permulaan untuk beralih ke Industri 4.0, program *Readiness Assessment* (RA) bertujuan untuk mengenal pasti jurang keupayaan syarikat dalam aspek modal insan, proses serta teknologi untuk mengaplikasikan teknologi Industri 4.0. Sejak pelaksanaannya pada tahun 2019 sehingga 31 Mac 2023, sebanyak 1,358 buah syarikat telah diluluskan untuk menyertai program RA. Daripada jumlah ini 1,115 buah syarikat telah selesai menjalani program ini.

Setelah selesai melalui proses RA, syarikat-syarikat penerima RA yang dibiayai kerajaan adalah layak untuk memohon Dana Intervensi Industry4WRD bagi tujuan menanggung perbelanjaan berkaitan dengan latihan kemahiran, penambahbaikan proses dan aplikasi teknologi. Dana ini menyediakan geran padanan kepada syarikat yang layak dengan nisbah 70 peratus ditanggung oleh kerajaan tertakluk kepada hak maksimum RM500,000.

#### ■1410

Manakala, baki 30 peratus lagi perlu ditanggung oleh pihak syarikat. Sejak pelaksanaan pada tahun 2019 sehingga 31 Mac 2023, sebanyak 317 buah syarikat telah diluluskan untuk menyertai program IF dengan jumlah geran padanan sebanyak RM115.9 juta. Pada masa ini, kementerian MITI sedang meneliti mekanisme baharu bersama Bank Negara Malaysia, institusi-institusi kewangan dan agensi kerajaan bagi memberi peluang kepada lebih banyak PKS untuk mendapatkan akses kewangan bagi mengatasi industri teknologi 4.0, automasi dan pendigitalan. Langkah ini perlu mengambil kira peruntukan semasa adalah terhad bagi memberikan manfaat yang lebih meluas kepada industri tempatan.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, sokongan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan sentiasa kami alu-alukan dalam usaha sama, sama-sama menggembleng tenaga dan idea-idea bernas, di samping iltizam mengukuhkan ekonomi negara agar ia bertambah cerdas, mampan dan makmur demi mencapai hasrat Malaysia Madani. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah.* Tahniah Yang Berhormat Timbalan Menteri selamat membentangkan jawapan dan gulungan. Kementerian Perpaduan Negara.

#### 2.11 ptg.

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Aaron Ago Dagang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam perpaduan Malaysia Madani. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada tiga Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2023 yang menyentuh isu-isu di bawah peranan Kementerian Perpaduan Negara iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Aklan a/l Ehtook, Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara menghargai dan menyambut baik Belanjawan 2023 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pada 24 Februari 2023. Belanjawan ini jelas menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan keharmonian dan kemakmuran rakyat terus dipelihara. Yang Amat Berhormat Senator Tuan Aklan a/l Ehtook telah membangkitkan cadangan supaya Kementerian Perpaduan Negara memberikan pengiktirifan kepada Wat Siam untuk mendapatkan bantuan kewangan penyelenggaraan rumah ibadat bukan Islam (RIBI).

Untuk makluman Yang Berhormat pada tahun ini, peranan pengurusan bantuan kewangan penyelenggaraan rumah ibadat bukan Islam (RIBI) ini telah dipindahkan kepada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Sehubungan dengan itu, KPKT adalah lebih sesuai untuk memberikan pandangan berhubung dengan cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, Kementerian Perpaduan Negara telah menyalurkan sebanyak RM194,000 peruntukan kepada tiga Wat Siam di Kedah pada tahun 2022. Wat Siam ini merupakan Wat Chaidee Yaram, Alor Setar, Kedah; Wat Jitraram, Jitra, Kedah; dan Wat Thai Chareon, Kampung Begia, Sik, Kedah.

Untuk makluman Dewan, pada tahun 2021 dan tahun 2022 sebanyak 857 buah rumah ibadat bukan Islam telah menerima bantuan RIBI dengan peruntukan RM48.5 juta.

Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan telah...

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah sedikit.

**Datuk Aaron Ago Dagang:** *Alright Sir.*

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih. Tentang bantuan kepada Wat-wat Siam itu tadi. Saya pernah mencadangkan kepada kementerian pada suatu ketika dahulu, oleh sebab Wat-wat ini tidak ada badan berdaftar, jadi syarat kementerian merupakan badan itu mesti berdaftar dengan ROS barulah ia boleh salurkan bantuan.

Jadi, saya pernah mencadangkan alternatif yang memudahkan semua pihak. Saya tidak pasti sama ada pegawai Yang Berhormat ada menceritakan kepada Yang Berhormat atau pun tidak cadangan saya. Kalau belum, saya bolen mencadangkan semula supaya pihak kementerian mengiktiraf badan yang menguruskan Wat walaupun mereka tidak berdaftar dengan ROS, barulah mereka boleh memohon bantuan dengan kementerian. Terima kasih.

**Datuk Aaron Ago Dagang:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Senator. Memanglah isu itu telah pun lama berada di kementerian kita, selama dua tahun dan sebab itu masalah adalah berkenaan dengan tapak tanah. Oleh sebab itu, RIBI sekarang ini diletakkan di bawah kementerian- PBT untuk ia diperhalusi dan *of course* didaftar dan juga untuk mendapatkan bantuan-bantuan seterusnya.

Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan telah mencadangkan supaya Kementerian Perpaduan Negara memperkukuhkan asas perpaduan dengan meningkatkan penghayatan rukun negara. Di samping itu, kementerian perlu mengadakan program dengan melibatkan semua kaum bagi menyatupadukan rakyat berpanduan Dasar Perpaduan Negara dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh juga telah menyentuh tentang peranan sistem pendidikan dalam menyatupadukan masyarakat sejak awal usia.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa 13 Mei 1969 merupakan pencetus...

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Izinkan mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada pencelahan Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Izinkan saya mencelah sedikit Yang Berhormat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya kira ada juga satu pertanyaan dan juga usul iaitu untuk meningkatkan perpaduan khususnya dalam kalangan belia, remaja. Saya membangkitkan keperluan ditimbangan semula kewujudan Pusat Latihan Negara, *National Service*, dengan izin.

Di Singapura satu tahun, di China satu semester. Jadi, adakah pusat ini dirancang kalau tidak di bawah Kementerian Perpaduan, mungkin Kementerian Belia dan Sukan ataupun kementerian yang lain tetapi bagaimanakah tanggapan Yang Berhormat Menteri terhadap usul itu supaya dihidupkan semula program ini? Terima kasih.

**Datuk Aaron Ago Dagang:** Jawapan akan selepas ini, ya? Ya. Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan pencetus kepada beberapa usaha serta komitmen kerajaan dalam menangani isu perpaduan sehingga Rukun Negara diisytiharkan pada 13 Ogos 1970. Rukun Negara merupakan asas untuk membentuk perpaduan yang kukuh. Cita-cita dan prinsip dalam Rukun Negara jelas menjadi kunci kepada keharmonian dan perpaduan dan bertujuan menyemai nilai murni dalam kalangan masyarakat, nilai keagamaan, setia kepada raja dan negara, kepatuhan kepada perlembagaan dan undang-undang serta masyarakat yang bersopan dan bertatasusila.

Kementerian Perpaduan Negara sejak penubuhannya pada 10 Mac 2020 sememangnya meletakkan Rukun Negara sebagai asas kepada penggubalan Dasar Perpaduan Negara dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 bagi menyemarakkan agenda perpaduan nasional. Antara strategi yang digariskan melalui Dasar Perpaduan Negara iaitu meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan Perlembagaan Persekutuan serta Rukun Negara bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai semangat cinta akan negara untuk mengekalkan keharmonian, keamanan dan kesejahteraan rakyat.

Dalam usaha ini, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menerapkan nilai-nilai perpaduan dan penghayatan Rukun Negara bermula dari awal usia kanak-kanak. Di peringkat Tabika Perpaduan, kementerian telah memperkenalkan modul pendidikan Rukun Negara untuk memberikan pendedahan awal kepada anak-anak tentang nilai-nilai murni bagi memupuk semangat perpaduan dan cinta akan negara. Manakala, di peringkat sekolah, Kelab Rukun Negara (KRN) dan di peringkat institusi pengajian tinggi, Sekretariat Rukun Negara (SRN) telah ditubuhkan yang mana sehingga kini terdapat 6,843 Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah dan 187 Sekretariat Rukun Negara di peringkat institut pengajian tinggi.

Melalui program KRN dan SRN ini, pelajar-pelajar boleh menghayati Rukun Negara, melibatkan diri secara aktif dalam program kenegaraan dan meningkatkan jaringan kerjasama dengan masyarakat. Kini, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif

menghasilkan kerangka Perpaduan Malaysia Madani berkonsepkan perpaduan dalam kepelbagaian yang selari dengan Dasar Perpaduan Negara bagi mencapai agenda membangun Malaysia Madani.

#### ■1420

Usaha ini ialah inisiatif yang dilaksanakan bagi terus memperkukuhkan perpaduan antara kaum. Melalui Kerangka Perpaduan Malaysia Madani, *flagship* program yang diperkenalkan ialah Kembara Perpaduan Malaysia Madani yang akan diterajui oleh Kementerian Perpaduan Negara di mana tiga kluster program yang akan dilaksanakan iaitu Semarak Kenegaraan. Ini adalah bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang Perlembagaan Persekutuan dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cinta akan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

Semarak Perpaduan adalah bagi menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

Komuniti RAHMAH ialah program membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya di kawasan rukun tetangga (KRT) yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui kerjasama semua pihak kementerian, agensi kerajaan, swasta, NGO dan komuniti. Dengan penghasilan Kerangka Perpaduan Negara Madani ini, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama dan kesepakatan dari semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.

Berhubung dengan supaya kerajaan menimbang semula pewujudan program ala PLKN atau Program Latihan Khidmat Negara, untuk makluman Yang Berhormat, susulan pemansuhan Biro Tatanegara (BTN) dan penjenamaan semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Oktober 2018 telah memutuskan untuk menubuhkan sebuah institusi baharu di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Susulan pemansuhan program PLKN dan BTN, Jabatan i-LEAD ataupun *Institute of Leadership Excellence and Development*, dengan izin, bertanggungjawab untuk melaksanakan sebuah program nasional yang dinamakan Malaysia *Future Leaders School* (MFLS). MFLS ini ialah sebuah program nasional yang bertujuan untuk melahirkan pemimpin masa hadapan Malaysia. Informasi lanjut boleh didapati daripada Kementerian Belia dan Sukan, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat.

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum- ada satu isu yang kalau boleh ditimbang. Saya- bagaimana pandangan Yang Berhormat

berdasarkan kerangka program yang dirancang itu, alangkah lebih baik barangkali dicadangkan berdasarkan 11 pantangan ataupun cabaran yang telah digariskan dalam buku Perpaduan Negara. Akan tetapi, kalau program dilakukan tanpa merujuk kepada 11 pantangan ataupun cabaran itu, saya kira nanti kita tersasar daripada kerangka yang telah pun dibina oleh kementerian sendiri. Jadi, itu soalan yang mohon ditimbang. Terima kasih.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang:** Saya faham kehendak Yang Berhormat ini. Akan tetapi, kerajaan telah pun memutuskan supaya ia di bawah i-Lead sebab ia sudah tertumpu pada belia dan i-Lead ialah satu buah jabatan di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Saya ingat informasi lanjut bolehlah ditumpukan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Tuan Yang di-Pertua, begitulah jawapan saya kepada isu-isu di bawah perbahasan belanjawan peringkat dasar 2023. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

## 2.24 ptg.

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah berbahas dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) semasa sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2023 peringkat dasar di Dewan Negara ini dari 29 Mac 2023 hingga 3 April 2023 yang lalu.

Pada hari ini saya akan memberi maklum balas terhadap pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan oleh sembilan orang Ahli Yang Berhormat Senator yang menyentuh MOTAC iaitu Ahli Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi, Tuan Haji Hussin bin Ismail; Tuan Seruandi bin Saad; Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan; Tuan Amir bin Ghazali; Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol; Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee; Dato' Haji Husain bin Awang; dan Tuan Robert Lau Hui Yew.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman menerusi Bajet 2023 yang dibentangkan, MOTAC telah diperuntukkan sebanyak RM971.2 juta. Selain itu, MOTAC juga disediakan peruntukan khas berjumlah RM30 juta di bawah Kementerian Kewangan. MOTAC akan terus melaksanakan tugas dalam memastikan industri pelancongan kembali bangkit dan serta seni dan budaya tanah air kekal segar untuk diwarisi.

Di bawah Bajet 2023 juga, MOTAC diperuntukkan RM305 juta bagi tujuan promosi pelancongan dan kebudayaan seperti berikut:

- (i) promosi pelancongan dan kebudayaan antarabangsa dan domestik sebanyak RM135 juta;

- (ii) program *signature* kementerian seperti Minggu Budaya Malaysia, Anugerah Seni Budaya, Festival Merayakan Seni dan Budaya dan Program Pengembangan Pelancongan Islam sebanyak RM30 juta;
- (iii) geran padanan sebanyak RM115 juta yang meliputi geran padanan bagi menggalakkan penganjuran acara pelancongan dan kebudayaan, mempromosi penganjuran acara besar seperti sukan antarabangsa dan persembahan kebudayaan serta penyelenggaraan infrastruktur produk pelancongan dan kebudayaan. Geran sepadan juga disediakan bagi menggalakkan penerbangan sewa khas yang memudahkan kesampaian pelancong ke Malaysia;
- (iv) penyelenggaraan bangunan warisan sebanyak RM5 juta; dan
- (v) penyelenggaraan kemudahan awam di kawasan pelancongan di bawah peruntukan pembangunan (DE) sebanyak RM20 juta.

Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi telah membangkitkan mengenai isu ketiadaan atau kekurangan kemudahan untuk OKU seperti laluan kerusi roda di kawasan-kawasan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, tahap kebolehcapaian kepada fasiliti produk pelancongan untuk orang kurang upaya (OKU) merupakan satu fokus berterusan bagi memastikan destinasi pelancongan dan produk perkhidmatan boleh dikunjungi dan dinikmati oleh semua kategori pelancong tanpa mengira batasan fizikal, kecacatan atau usia.

Kementerian ini menyedari kepentingan pasaran daripada segmen pelancong berkeperluan khas ini dalam memberi perhatian serius terhadapnya selaras dengan visi kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan antarabangsa. Di bawah teras strategik lima, Dasar Pelancongan Negara 2020-2030 iaitu memperkukuh komitmen terhadap pelancongan lestari, kementerian ini akan terus komited dalam memastikan semua kategori pelancong boleh melancong ke Malaysia dengan selamat dan selesa dengan berpandukan prinsip *Tourism For All, Promoting Universal Accessibility* oleh *United Nations World Tourism Organization* (UNWTO), dengan izin.

Selain itu, kementerian juga sentiasa bekerjasama dengan kementerian, agensi dari kerajaan pusat dan kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam memastikan kemudahan infrastruktur dan prasarana asas dipenuhi bagi pelancong berkeperluan khas ini di kawasan-kawasan pelancongan.

Dalam memastikan kesemua destinasi pelancongan domestik adalah mesra OKU, setiap projek pembangunan dan penyelenggaraan di bawah kementerian ini adalah berpandukan kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 melalui

Seksyen 34A yang mewajibkan semua bangunan awam menyediakan akses bagi membolehkan OKU memasuki, keluar dan berada dalam bangunan serta menyediakan kemudahan-kemudahan untuk digunakan oleh OKU.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail membangkitkan...

**Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Maaf, boleh saya mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan itu tadi. Akan tetapi, ingin saya jelaskan di sini sebenarnya, kami masih *ndak* boleh *travel*, dengan izin. *Ndak* boleh melancong kerana tadi yang Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan *accessibility* nya ada tetapi *ndak* ada sebenarnya. *It's not there*, dengan izin. Saya puji pasukan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk usaha untuk kami.

#### ■1430

Sebenarnya, *universal standard* itu tidak diikuti. Kalau saya mahu pergi mana-mana naik bas, tidak ada *ram*. Jadi, saya perlu merangkak naik bas. Kalau saya sebagai seorang penyelam *scuba*, saya mahu pergi ke Semporna katanya, *and then* di sana, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh naik bot itu kerana tidak ada kemudahan dan tidak ada platform untuk kita pergi ke lautan.

Jadi, saya mohon dengan rancangan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya kita *look into the little little things*. Oleh sebab yang buatnya kadang-kadangnya orang yang bukan OKU, tidak bertanya kepada kami. Jadi, saya mohon pertimbangan. Terima kasih.

**Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan:** Baik. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas input-input yang telah diberikan. Kita tahu banyak lagi perkara-perkara yang perlu dilakukan berkenaan dengan kemudahan mesra OKU.

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Setiap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi kita akan ambil sedia maklum dan kami pun berasa gembira atas pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat kerana benda-benda seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi, dengan izin, *the little things* ini selalu tidak dilihat dengan seriusnya. Setiap perkara yang telah disampaikan tadi, saya dengan penuh keyakinan akan memastikan satu bentuk jawatankuasa supaya perkara-perkara ini tidak terlepas pandang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, penyediaan jaringan pengangkutan untuk menghubungkan kawasan tumpuan pelancongan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan (MOT) walaupun isu yang dinyatakan tersebut menyentuh sektor pelancongan.

Namun demikian, MOTAC sentiasa memberi perhatian kepada ketersediaan infrastruktur sokongan dalam menyokong aktiviti pelancongan di seluruh negara bagi memastikan premis-premis pelancongan sentiasa kondusif untuk dikunjungi. MOTAC sememangnya bekerjasama rapat dengan semua kementerian yang berkaitan, termasuklah dengan kerajaan negeri. Terutama dalam meningkatkan ketersambungan- *connectivity* dan ke mudah sampaian- *accessibility* para pelancong yang mengunjungi premis-premis dan pusat-pusat pelancongan di seluruh negara.

Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad membangkitkan dan juga membawa usul menyokong pembangunan sektor *aquatourism* di kawasan Pelabuhan Kuala Sanglang, Perlis. Tuan Yang di-Pertua, MOTAC sentiasa menyokong pembangunan produk pelancongan yang berpotensi menjana ekonomi penduduk setempat, termasuklah pelancongan akua di kawasan sekitar Projek Pembangunan Kuala Sanglang, Perlis. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), *Rolling Plan*- RP1, RP2 dan RP3, Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC telah meluluskan sebanyak RM2.755 juta bagi melaksanakan 10 projek di negeri Perlis. Daripada jumlah tersebut, tiada projek pelancongan dan kebudayaan yang diperuntukkan di kawasan Pelabuhan Kuala Sanglang, Perlis.

Sehubungan dengan itu, MOTAC mengalu-alukan cadangan oleh Yang Berhormat Senator dan bersedia untuk mempertimbangkan sebarang permohonan baharu di masa akan datang selaras dengan hala tuju dan keutamaan Kerajaan Negeri Perlis melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Perlis bagi membantu menaik taraf infrastruktur kemudahan pelancongan di kawasan Pelabuhan Kuala Sanglang demi menyokong industri pelancongan tempatan, sekali gus menjana ekonomi setempat.

Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan membangkitkan beberapa perkara:

- (i) mengenai sektor kebudayaan tidak disorokkan di bawah pelancongan;
- (ii) mewujudkan satu pra-pelatihan sarjana untuk mengkaji kekuatan manuskrip Melayu;
- (iii) menambah pembiayaan yang diperuntukkan bagi permohonan tapak warisan dunia UNESCO; dan
- (iv) mewujudkan mercu tanda kebudayaan Melayu di sekitar ibu kota.

Tuan Yang di-Pertua, MOTAC sentiasa mengambil langkah proaktif dalam menyerlahkan mana-mana fungsi yang terletak di bawah kementerian ini. Perkara ini secara jelas di hasratkan melalui Pelan Strategik MOTAC 2021 sehingga 2025 dengan misi untuk memperkasakan ekosistem industri pelancongan dan kebudayaan inklusif. Ia telah dirangka secara komprehensif dengan mengambil kira fungsi peranan dan hala tuju setiap bahagian, jabatan dan agensi di bawahnya.

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Mohon mencilah, Yang Berhormat.

**Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan:** Ya.

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab perkara ini juga telah saya timbulkan beberapa kali, adakah telah dibawa ke perhatian Jemaah Menteri ataupun barangkali perbincangan dengan pihak kerajaan seluruhnya?

Keperluan menyemak semula kedudukan kebudayaan dalam konteks pembinaan Masyarakat Madani juga. Dahulu seperti yang saya katakan di bawah kerajaan sewaktu Tuan Yang di-Pertua sendiri menjadi Menteri Kebudayaan. Ada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Dengan demikian, tumpuan kepada soal kajian, kegiatan dan pelestarian kebudayaan, kesenian dan warisan negara itu menjadi cukup intensif.

Akan tetapi apabila kebudayaan berada di belakang pelancongan, sekali lagi saya tidak menafikan keperluan pelancongan ada unsur seni budaya warisan yang boleh di jadikan sumber komoditi ataupun juga sumber ekonomi negara. Itu tidak ada masalah.

Akan tetapi epistemologi yang saya katakan daripada segi keberkesanan saya kira perlu ada pertimbangan semula kerajaan, memikirkan sama ada memang kementerian ini khas tentang kebudayaan, kesenian dan warisan ataupun kalau masih perlu kerana soal kekangan biaya dan sebagainya tetapi diputarakan saja Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Bagaimanakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya cukup setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Itu sebabnya kementerian ini mengambil inisiatif dengan mewujudkan Pelan Strategik MOTAC 2021 sehingga tahun 2025 dengan misi untuk memperkasakan ekosistem industri pelancongan.

Bukan saja pelancongan tetapi kebudayaan yang inklusif. Kita tahu kebanyakan masyarakat di luar sana melihat kementerian ini hanya memfokuskan kepada industri pelancongan. Namun di sebalik itu, pegawai-pegawai di bawah kementerian ini bukan sahaja melihat pelancongan itu sebagai satu elemen utama di kementerian tetapi dari sudut kebudayaan itu sendiri juga.

Saya percaya di bawah Menteri yang baharu ini, aspek kebudayaan tidak akan dipinggirkan. Saya setuju sangat setiap elemen kebudayaan itu perlu diselitkan di dalam setiap perancangan yang mahu dilakukan di negara kita kerana budaya itu mencerminkan identiti kita sendiri.

Selain itu juga, MOTAC melalui jabatan dan agensinya itu, Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara (JKKN), Kraf Tangan Malaysia dan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) turut menerima peruntukan bagi membantu penggiat seni budaya, kraf dan seni visual negara, termasuklah dalam bentuk insentif kewangan, kepakaran dan wang, selain insentif rekaan produk baharu, insentif orientasi pengeluaran, insentif perniagaan, insentif infrastruktur dan prasarana, insentif pemasaran digital kepada pengusaha kraf dan tabung

bantuan seni TVS untuk penghasilan karya awam iaitu dana bagi menyokong penganjuran pameran serta penajaan penganjuran projek penglibatan di dalam bengkel dan program di dalam negara dan luar negara kepada para penggiat seni visual.

Tuan Yang di-Pertua, MOTAC menyambut baik setiap cadangan penambahbaikan yang diutarakan. Untuk makluman Yang Berhormat, MOTAC melalui Jabatan Warisan Negara telah melaksanakan memorandum persefahaman (MoU) dengan 11 buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan. Salah satu bidang yang dimeterai menekankan bidang penyelidikan. Selain itu, pihak-pihak yang berkaitan turut boleh mengadakan perbincangan lanjut dengan Perpustakaan Negara Malaysia dan Arkib Negara Malaysia yang kini di bawah pentadbiran Kementerian Pembangunan Negara.

Mengenai pembangunan Tapak Warisan Dunia UNESCO Tuan Yang di-Pertua, MOTAC mengambil maklum akan pengumuman Bajet 2023 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyatakan RM50 juta akan disalurkan bagi pemeliharaan tapak warisan dunia yang diiktiraf UNESCO, yang melibatkan Melaka dan Georgetown bagi tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan.

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Boleh mencekah, Tuan Yang di-Pertua? Tentang penamaan ataupun pengagihan agensi kerajaan tertentu di bawah kementerian. Perubahan baharu ini saya kira agak mengelirukan. Arkib Negara, setakat negara Malaysia itu di bawah Kementerian Perpaduan, sedangkan jelas dahulu di bawah Kementerian Kebudayaan ataupun adakah itu perlu mungkin di bawah Kementerian Pendidikan.

Soal kit ini satu bidang yang sangat penting daripada segi memelihara dokumen-dokumen warisan negara. Jadi, saya tidak mengatakan perpaduan itu tidak mampu melaksanakannya. Akan tetapi daripada segi ketepatan letak agensi di kementerian. Sekiranya kerajaan mesti menimbangnyanya semula. Tidak boleh main letak-letak itu saja. Mesti ada pertimbangan rasional dan ilmiah. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan:** Terima kasih Yang Berhormat. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, lebih baik kita biarkan Jawatankuasa Kabinet untuk menentukan apa yang terbaik untuk negara kita. MOTAC menyambut baik pandangan Yang Berhormat Senator berkenaan penambahan peruntukan bagi tapak warisan dunia yang diiktiraf *United Nations Educational Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) di negara ini. Pihak kementerian percaya bahawa peruntukan tambahan akan memberi manfaat kepada tapak warisan dunia di negara ini dengan memastikan signifikan, integriti serta status tapak akan terus kekal serta pengiktirafannya tidak ditarik balik oleh pihak UNESCO.

#### ■1440

Selain itu, untuk makluman Yang Berhormat Senator juga bahawa berdasarkan seksyen 42, Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] adalah menjadi tanggungjawab pemilik sesuatu tapak warisan untuk memastikan bahawa tapak warisan itu sentiasa dalam

keadaan yang baik Dalam hal ini, pemegang hak miliknya adalah bertanggungjawab memastikan ia terus terpelihara dari semasa ke semasa.

Berkenaan dengan usul mewujudkan mercu tanda kebudayaan Melayu di sekitar ibu kota. Tuan Yang di-Pertua, MOTAC sentiasa berusaha dan komited dalam melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan warisan di negara ini. Kementerian ini memberikan satu pujian yang tinggi kepada Yang Berhormat Senator kerana melakukan dan melahirkan satu cadangan mercu tanda kebudayaan Melayu di sekitar ibu kota.

Pembangunan dan lokasi mercu tanda perlu dilakukan kajian dengan lebih terperinci agar reka bentuk dan juga kawasan yang dicadangkan bersesuaian, yang paling penting tema yang ingin disampaikan itu bertepatan. Dalam hal ini, perbincangan JWN dengan lain-lain kementerian dan kerjasama strategik bersama PBT serta pihak swasta diperlukan supaya cadangan mewujudkan kebudayaan Melayu di sekitar ibu kota dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali membangkitkan berkenaan dengan pewujudan kawasan warisan dunia Melayu di Kuala Lumpur, pembangunan sebuah galeri atau pusat dokumentasi khususnya hal-hal berkaitan warisan dunia Melayu di Kuala Lumpur dan status bangunan warisan yang terbiar di tengah kota.

Tuan Yang di-Pertua, MOTAC melalui JWN menyambut baik dan menyokong cadangan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim untuk mewujudkan kawasan warisan dunia Melayu di Kuala Lumpur dalam usaha memelihara dan memulihara hal-hal berkaitan warisan dunia Melayu.

Justeru itu, kerjasama pihak berkuasa tempatan dan swasta amatlah diperlukan untuk berganding bahu bagi menjayakan cadangan ini. Bagi mewujudkan kawasan tersebut, ia perlu dikaji dan dibincangkan termasuk daripada segi lokasi bersama pakar-pakar berkaitan sebelum ia direalisasikan.

Berkenaan pembangunan sebuah galeri atau pusat dokumentasi warisan dunia Melayu di Kuala Lumpur. Tuan Yang di-Pertua, MOTAC melalui JWN mengalu-alukan hasrat serta cadangan Yang Berhormat Senator untuk membangunkan sebuah galeri atau pusat dokumentasi khususnya hal-hal berkaitan warisan dunia Melayu di Jalan Tun Perak. Namun, bangunan warisan tersebut pemilikannya adalah di bawah PBT iaitu seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Pihak Yang Berhormat Senator boleh mencadangkan hasrat tersebut terus kepada pihak DBKL.

Status bangunan warisan terbiar di ibu kota. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, kebanyakan status bangunan warisan yang terbiar di tengah kota sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator, pemilikannya adalah di bawah PBT seperti DBKL.

Selain itu, terdapat juga bangunan warisan di bawah milikan kerajaan negeri seperti Mahkamah Perusahaan Malaysia dan bangunan bekas Muzium Sejarah Nasional yang

dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sebagai makluman Yang Berhormat Senator, pihak JWN telah mengangkat surat memohon status perancangan negeri terhadap pemuliharaan bangunan tersebut. Namun begitu, JWN sentiasa mengambil berat terhadap bangunan warisan terbiar di negara ini dengan memberi keutamaan dalam permohonan penambahbaikan bangunan tersebut.

Bagi meningkatkan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah warisan negara pula, kerajaan menggalakkan penglibatan sektor swasta secara lebih aktif dalam menaja aktiviti berkaitan seni, budaya dan warisan. Bagi tujuan tersebut, kerajaan memperkenalkan insentif potongan cukai penajaan aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan di bawah subseksyen 34(6)(k), Akta Cukai Pendapatan 1967 yang diluluskan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol...

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Mohon mencek Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan adakah peruntukan atau insentif diberikan seperti kita katakan banyak persatuan, NGO contohnya, masyarakat Cina ada Hokkien, Teochew. Mereka memang ahli-ahli di antarabangsa. Maksudnya mereka berusaha untuk mengadakan mesyuarat agung, datang ke Malaysia untuk ramai dari negara-negara yang lain. Adakah peruntukan atau insentif diberikan kepada persatuan atau NGO untuk menarik pelancong-pelancong juga, *consider* pelancong datang ke Malaysia? Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan. Terima kasih.

**Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kita ada dua- agensi yang boleh membantu atas persoalan yang telah dikemukakan tadi. Pertama, melalui geran sepadanan sektor kebudayaan di mana apa-apa bentuk aktiviti ataupun program yang melibatkan kebudayaan, kita boleh mempertimbangkan atau membenarkan geran diberikan supaya ia dapat dipromosikan dengan lebih baik setiap aktiviti yang melibatkan kebudayaan.

Kedua pula, kita juga ada JKKN dan di bawah JKKN ini juga kita ada satu- dana khas terutamanya perkara-perkara seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Akhir sekali, kita juga ada MyCEB. Di bawah MyCEB ini kita boleh menyediakan pelbagai insentif-insentif yang melibatkan persidangan dari luar yang hendak masuk ke Malaysia. So, ada tiga perkara yang saya sampaikan tadi, Yang Berhormat Senator boleh lihat dan kaji mana yang bersesuaian dengan pertanyaan sebentar tadi. Terima kasih.

Menangani jumlah kedatangan pelancong antarabangsa yang rendah berbanding negara-negara jiran. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, sejak pintu sempadan negara dibuka semula sepenuhnya mulai 1 April 2022, ketibaan pelancong

asing ke Malaysia dilihat kembali rancak. Tempoh dari tahun 2022 sehingga tahun 2024 merupakan fasa pemulihan dan stabiliti sebagaimana digariskan menerusi Rangka Kerja Pemulihan Pelancongan atau *Tourism Recovery Framework* (TRF) 2.0. Pada tahun 2022, negara mencatatkan ketibaan seramai 10.0 juta orang pelancong asing dengan pendapatan sebanyak RM28.2 bilion berbanding dengan negara-negara ASEAN, Malaysia berada di kedudukan kedua daripada segi jumlah ketibaan pelancong.

Menurut UNWTO, pemulihan pelancongan dunia pasca COVID-19 akan mengambil masa dan hanya akan kembali kepada prestasi pra pandemik iaitu dijangka pada tahun 2024 dengan sebahagian besarnya dipacu oleh aktiviti pelancongan domestik.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Boleh tanya soalan? Daripada kedatangan-terima kasih kerana telah memberi statistik yang terkini berkenaan kedatangan pelancong asing pada tahun 2022 iaitu 10.1 juta. Daripada kedatangan tersebut, berapa orangkah pelancong dari Singapura? Terima kasih.

**Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan:** Jawapan Yang Berhormat memang cukup spesifik dan saya tidak mempunyai data yang dipertanyakan oleh Yang Berhormat. Saya akan bagi jawapan bertulis berkenaan dengan pelancong-pelancong dari Singapura. Terima kasih.

MOTAC memfokuskan kepada elemen-elemen daya tahan- *resilient*, dan mampan-*sustainable* yang turut melibatkan usaha-usaha untuk membangunkan produk-produk yang berupaya menarik pelancong berkualiti- *higher tourist*, misalnya produk pelancongan berasaskan *community-based tourism*. Secara ringkasnya, fokus hala tuju industri pelancongan negara adalah pada kualiti berbanding kuantiti.

Tuan Yang di-Pertua, perlukah saya menghabiskan setiap...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Berapa banyakkah lagi masa?

**Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan:** Saya rasa saya perlukan dalam lima minit hingga lapan minit Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lima minit sahaja.

**Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan:** Terima kasih. Membangunkan empangan seperti Bakun dan Batang Ai di Sarawak sebagai tempat tarikan pelancong. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi kawasan terdapat beberapa buah agensi pelancongan yang menawarkan pakej ke rumah panjang di kawasan Batang Ai. Manakala bagi Empangan Bakun pula, terdapat agensi pelancongan yang menawarkan pakej pelancongan seperti pakej memancing dan juga penginapan di Mebong Cove Villa serta *homestay* berdaftar di bawah MOTAC iaitu Homestay Uma Belun, Sungai Asap, Belaga.

Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee membangkitkan berkenaan dengan Belanjawan 2023 berkaitan usaha untuk memulihkan semula destinasi pelancongan di negara ini terutama bagi sektor pengangkutan dan *ground operator* dan penganan cukai ke atas hotel bajet.

## ■1450

Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah membentangkan Belanjawan 2023 pada 24 Februari 2023 yang lalu dan kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM250 juta untuk mempromosi pelancongan dan kebudayaan di mana RM115 juta daripadanya disediakan sebagai dana geran padanan bagi tujuan seperti berikut:

- (i) geran padanan untuk menggalakkan penganjuran pelancongan dan kebudayaan;
- (ii) aktiviti promosi acara besar seperti sukan antarabangsa dan persembahan kebudayaan;
- (iii) penyelenggaraan infrastruktur produk pelancongan; dan
- (iv) geran sepadan untuk menggalakkan penerbangan sewa khas-*chartered flight* bagi menarik potensi pelancong di pasaran baharu.

Walau bagaimanapun, jaringan pengangkutan yang baik dan berupaya menghubungkan tempat-tempat tumpuan pelancong di dalam negara adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan kerajaan-kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan.

Berkenaan pengenaan cukai ke atas hotel bajet, Tuan Yang di-Pertua. Seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum, *threshold* bagi pengenaan cukai ke atas hotel bajet adalah bernilai RM500,000. Namun, dasar mengenai cukai perkhidmatan penginapan ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang membangkitkan isu ekopelancongan diberi tumpuan dalam mempromosikan perlindungan hidupan liar dan sumber alam semula jadi. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat Senator sedia maklum penyu merupakan spesies terancam dan menghadapi penurunan kadar populasi yang serius. MOTAC amat bersetuju dengan saranan Yang Berhormat supaya langkah pemeliharaan dan pemuliharaan yang berkesan terhadap tempat perlindungan penyu perlu diberikan tumpuan sewajarnya di samping mempromosikan segmen ekopelancongan. Namun demikian, pemeliharaan dan pemuliharaan tempat perlindungan penyu adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perikanan Malaysia, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew membangkitkan dua perkara iaitu nyatakan sebab peruntukan penambahbaikan jalan. Kos berjumlah RM525 juta menggunakan peruntukan pelancongan ataupun tidak. Nyatakan jumlah daripada dana tersebut yang diperuntukkan bagi Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, peruntukan RM525 juta yang diumumkan melalui Bajet 2023 adalah bagi tujuan menambah baik jaringan lebuh raya yang sedia ada dan ia bukan lah di bawah bidang kuasa MOTAC.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan pandangan, saranan dan cadangan dalam memajukan sektor pelancongan, seni dan budaya. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini ataupun penggulungan ini saya ingin memberikan jawapan berkenaan dengan pelancong dari Singapura pada tahun 2022. Jumlah pelancong yang hadir adalah seramai 5.22 juta orang.

Kami di MOTAC akan terus komited untuk membantu industri pelancongan negara termasuklah dalam usaha melipatgandakan persediaan ke Tahun Melawat Malaysia 2025, *Visit Malaysia 2025*. Dengan izin, saya turut menyeru semua Ali Yang Berhormat Senator untuk membantu dalam mengembangkan ekonomi dan bersama-sama menarik pelancong untuk datang melawat negara kita tercinta iaitu Malaysia. Sekian, *wabillahit taufiq wal hidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Kementerian Sumber Manusia.

**4.54 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya bagi menjawab pertanyaan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator berkaitan Rang Undang-undang Perbekalan 2023 peringkat dasar.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada keprihatinan empat orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan pertanyaan, isu dan cadangan berkaitan Kementerian Sumber Manusia sepanjang sesi perbahasan kali ini. Mereka ialah Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai; Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran; dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sedia maklum, peruntukan yang disediakan oleh kerajaan kepada Kementerian Sumber Manusia pada tahun

ini adalah berjumlah RM1.32 bilion iaitu RM845.16 juta bagi perbelanjaan mengurus, dan RM512.08 juta untuk perbelanjaan pembangunan.

Secara umumnya, peruntukan ini keseluruhannya adalah bertambah sebanyak RM64.81 juta atau 13.25 peratus berbanding peruntukan tahun 2022 yang diluluskan sebanyak RM1.29 bilion. Peningkatan peruntukan ini disebabkan kenaikan gaji tahunan kepada penjawat awam berjumlah RM3.3 juta dan juga peningkatan bagi penyelenggaraan peralatan latihan dan bangunan institut latihan kemahiran sebanyak RM3 juta.

Bajet 2023 yang diperuntukkan kepada Kementerian Sumber Manusia merangkumi program latihan kemahiran dan peningkatan latihan kemahiran, insentif, pengambilan pekerja dan perlindungan keselamatan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi membangkitkan isu-isu berkaitan pekerjaan dan pasaran buruh yang melibatkan Orang Kurang Upaya secara keseluruhan. Berdasarkan statistik sistem insurans pekerjaan dari bulan Januari 2022 sehingga 31 Mac 2023, seramai 2,862 orang pekerja OKU telah kehilangan pekerjaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia bagi menangani isu pengangguran dalam negara termasuk pengangguran dalam kalangan golongan OKU. Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO telah melaksanakan pelbagai usaha antaranya; pertama, bagi memastikan tiada golongan yang dipinggirkan, kerajaan telah melaksanakan Program JaminKerja - Insentif Penggajian khusus untuk golongan rentan termasuk OKU. Mulai tahun 2020 sehingga 2022, sebanyak 1,689 permohonan telah diluluskan dan melibatkan jumlah bayaran sebanyak RM12.8 juta.

Selain itu, kerajaan juga telah melaksanakan program temu duga khas untuk golongan OKU di seluruh Malaysia. Mulai bulan Januari 2020 sehingga 31 Mac 2023 sebanyak 67 sesi temu duga khas telah dilaksanakan dengan melibatkan kehadiran seramai 1,677 orang OKU. Daripada jumlah tersebut, seramai 464 orang OKU telah berjaya mendapat pekerjaan. Manakala, seramai 566 orang berjaya untuk ke sesi temu duga kedua.

**Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Izinkan saya mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Antara perkara yang komuniti OKU lalui ketika mereka ingin mendapatkan pekerjaan sewaktu temu duga itu ingin saya kongsi di sini bahawa borang itu, apabila mereka tahu yang kami OKU, mereka terus tidak mahu mengambil kami. Jadi, saya pohon supaya kita sama-sama cadangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya borang itu apabila menyatakan OKU, cara yang kita menawan mereka adalah dengan sedikit budi bahasa, adab. Seperti kita

katakan sekiranya anda seorang OKU, sila catatkan kategori mana agar kami dapat membantu begitu.

Saya rasa daripada segi itu, syarikat-syarikat itu pun tidak diskriminasikan kami. Ini kerana, kebanyakannya seperti pengalaman saya dahulu apabila mereka tahu kita OKU, mereka sudah tidak mahu menerima kami. Saya pohon dipertimbangkan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ini merupakan cadangan yang baik. Jadi, kita minta kepada semua termasuklah Kementerian Sumber Manusia, kementerian-kementerian, agensi, jabatan dan juga majikan-majikan di luar sana kita minta supaya mereka mengambil kira pandangan daripada Yang Berhormat Senator kita. Juga mewakili OKU di seluruh negara supaya kita prihatin dengan nasib yang menimpa OKU. Jangan dipinggirkan daripada proses seperti juga orang yang biasa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menerusi PERKESO turut melaksanakan Program Kembali Bekerja, dengan izin, program *Return-to-Work* dalam usaha membantu orang berinsurans yang hilang upaya untuk kembali semula bekerja.

Mulai tahun 2007 sehingga 31 Mac 2023 seramai 55,634 orang peserta OKU telah berjaya dibantu untuk ditempatkan semula dalam pekerjaan.

#### ■1500

Seterusnya kerajaan melalui PERKESO telah menganjurkan karnival kerjaya khusus untuk golongan OKU. Mulai Januari 2021 hingga 31 Mac 2023 seramai 2,874 orang OKU telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan. Saya rasa ini pencapaian yang agak baik daripada segi statistiklah.

Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Maaf mencelah sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Itu bukan pencapaian yang baik Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta maaf saya sedikit sedih kerana saya faham dan saya hargai apa yang PERKESO- lakukan, kerana banyak program, dengan izin, *Return to Work*, *Job Coaching*, dengan izin, yang membantu komuniti OKU.

Namun begitu saya rasa kita sekarang ini sudah 2023 saya pohon kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya melihat OKU ini sebagai orang yang bukan OKU juga kerana kami mempunyai pengalaman, pekerjaan dan kami juga pergi ke sekolah tinggi. Kami mendapat diploma, *Masters*, PhD tetapi kami ini dibuatkan seperti kami ini adalah dengan izin Tuan Yang di-Pertua, seperti kami ini adalah *third class citizen*.

Justeru saya pohon kementerian dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberikan kami hak yang saksama seperti orang yang bukan OKU. Kami sebenarnya bukan

kurang, kami banyak kelebihan kami. Jadi saya pohon diberikan sedikit penekanan, terima kasih... [Tepuk]

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Terima kasih atas sokongan semua. Saya fikir itu satu cetusan naluri daripada Yang Berhormat Senator kita mewakili OKU. Saya rasa ada lagi seorang sahabat saya yang juga merupakan seorang Senator yang selalu mengingatkan kami supaya prihatin tentang masalah OKU di negara ini. Saya ambil maklum dan saya akan minta supaya kementerian menekankan supaya OKU juga akan diberi peluang saksama.

**Tuan Isaiah a/l D Jacob:** Saya ingin mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Okey.

**Tuan Isaiah a/l Dan Jacob:** Saya ingin cadangkan kalau boleh di setiap agensi kerajaan wajib diadakan satu- jawatankuasa untuk memantau gerak geri dan pengambilan orang-orang istimewa ini untuk memastikan hak-hak mereka dilindungi dan dijaga. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah. Ini kita ambil maklum perkara ini dan saya akan bincangkan di peringkat *Post-Cabinet* nanti supaya kita boleh menyediakan jawatankuasa pemantau seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh golongan OKU dalam isu pekerjaan, sebuah pusat satelit *My Future Job* yang pertama khusus kepada golongan OKU telah ditubuhkan di Pusat Perindustrian dan Pemulihan Bangi pada 19 Oktober 2022 bagi memudahkan golongan ini mendapatkan maklumat berkaitan dengan pasaran buruh negara.

Selain itu, Program Bimbingan Keusahawanan serta Sokongan Ekosistem Keusahawanan kepada golongan OKU turut dilaksanakan dengan penglibatan seramai 200 orang peserta pada tahun 2022. Mulai tahun 2020 sehingga 31 Disember 2022 seramai 150 orang wakil majikan telah menyertai Program Latihan Keupayaan Hilang Upaya, dengan izin *Disability Equality Training* dan 540 orang wakil majikan telah menyertai Program Koordinasi Kembali Bekerja, dengan izin, program *Return to Work Coordinator* bagi memberikan

pendedahan serta sokongan dan meningkatkan kesedaran kepada majikan untuk menggaji pekerja OKU.

Selain itu Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan kolaborasi bersama Pusat Kesihatan Mental Masyarakat, Kementerian Kesihatan Malaysia.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada *special incentive* tidak kepada mana-mana majikan yang menggaji pekerja-pekerja OKU dalam pelbagai bidang. Boleh nyatakan kalau ada masalah.

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Ya, ya. Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Itu yang saya sebut pada awal tadi. Kerajaan telah memberi insentif kepada golongan majikan ini yang menggajikan OKU sebanyak RM12.8 juta ada yang saya sebut tadi. Itu yang diletakkan dalam bajet untuk digunakan oleh mana-mana majikan yang menggaji pekerja OKU ini akan diberi insentif oleh pihak kerajaan. Okey, terima kasih.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Minta maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri RM12 juta itu dengan izin, *nothing*lah.

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Ya lah.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Minta maaf, saya terus terang.

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Ya, ya... [*Ketawa*] Kita minta supaya pihak kerajaan mendapat meningkatkanlah bajet tersebut. Selain itu Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan kolaborasi bersama Pusat Kesihatan Mental Masyarakat, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui program *RESTART* dalam usaha membantu pesakit mental kembali bekerja dalam pasaran buruh negara. Mulai tahun 2020 sehingga 31 Disember 2022 seramai 290 orang pesakit mental telah kembali dalam pasaran buruh.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai telah menyentuh berkaitan dengan isu penghijrahan pakar Malaysia ke luar negara, dengan izin, *brand drain*. Berdasarkan kepada laporan, dengan izin, *World Migration Report 2022* oleh *International Organization for Migration* kadar purata migrasi global iaitu 3.6 peratus. Secara perbandingan kadar migrasi Malaysia sebanyak 5.6 peratus daripada jumlah populasi negara atau 1.86 juta. Walau bagaimanapun jika diperhalusi data ini dengan lebih lanjut, seramai 1.13 juta atau 60.75 peratus berada di Singapura. Daripada jumlah ini lebih 250,000 merupakan bakat berkemahiran tinggi.

Justeru itu dalam membincang cabaran utama yang dihadapi oleh negara yang membawa pulang dan mengekalkan bakat berkemahiran tinggi di dalam negara ini, fokus utama sewajarnya adalah untuk mengurus aliran keluar bakat berkemahiran tinggi negara kita ke Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Singapura yang berdekatan dengan negara kita dengan tapak akses pengangkutan yang baik kerana tukaran nilai mata wang yang lebih tinggi

serta ekosistem pasaran buruh yang kompetitif menggalakkan rakyat Malaysia untuk berhijrah ke sana. Jarak yang berdekatan membolehkan mereka terus berhubung dengan keluarga di Malaysia serta rangkaian perhubungan luas diaspora Malaysia yang telah bermastautin di sana memudahkan lagi penghijrahan mereka.

Justeru itu, dalam usaha menangani cabaran ini serta memastikan diaspora sentiasa mendapat maklumat terkini berkaitan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia melalui TalentCorp telah membangunkan platform sehenti *Malaysia@Heart* atau *MyHeart* sebagai strategi jangka sederhana dan panjang. Inisiatif *MyHeart* adalah sejajar dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas iaitu mewujudkan platform pangkalan data diaspora. Platform *MyHeart* telah dengan izin, 'go live' baru-baru ini pada 31 Mac 2023.

Platform boleh dicapai melalui pautan [www.MyHeart.my](http://www.MyHeart.my) ini adalah satu- pemudah cara bagi diaspora Malaysia mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan peluang pekerjaan dan maklumat pasaran buruh di dalam negara...

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Mohon mencelah.

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** ...Pendidikan untuk anak-anak, permit masuk pasangan dan anak-anak bukan warganegara serta memotivasikan kolaborasi dalam kalangan diaspora dan juga dengan warganegara dan industri di Malaysia.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Mencelah sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri buat pecahan menurut *race* penghijrahan yang disebutkan itu di Singapura.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Yang Berhormat, itu soalan baharu.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Kalau tidak ada boleh dalam bentuk bertulis.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Yang Berhormat, adakah isu itu ditimbulkan semasa perbahasan?

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Ya, cuma saya minta tambahan.

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Minta tambahan. Itu soalan yang agak spesifik, Yang Berhormat Senator. Kita akan sediakan jawapan bertulis. Saya sendiri pun mahu tahu tentang statistik berkaitan daripada segi suku kaum ini.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh tidak boleh yang mereka yang bekerja di luar, *brand drain* ini kita jadikan satu *advantage* kepada negara. Umpamanya di India, China dahulu, India sebelum itu Jepun buat, Korea buat dia biarkan mereka ini bekerja di luar negara. Akan tetapi *in the end*, mereka diambil balik dan mereka bekerja di tempat-tempat strategik yang balik membangunkan negara.

Ini berlaku di China, berlaku di India sekarang berlaku di Korea dan berlaku di Jepun. Boleh tidak kerajaan rangka seperti mana yang dirangka oleh China, India, Korea dan Jepun.

Okey, bagi duduk sana lama bahkan dia menggalakkan rakyat dia bekerja di tempat-tempat strategik itu akhirnya pulang dan membangunkan negara lagi hebat. Contoh sudah ada. Sekian, terima kasih.

#### ■1510

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Itu merupakan cadangan yang baik tetapi kita juga perlu mengimbangkan antara keperluan tenaga mahir di negara kita dan juga yang kita perlu hantar ke luar negara. Memang ini satu cabaran yang cukup besar tetapi ini pun berlaku sebenarnya. Kalau kita lihat, ini yang kita panggil saya akan teruskan tadi perspektif memotivasikan kitaran bakat atau dengan izin, *brain circulation*. Satu kita ada *brain drain*, kita ada lagi *brain circulation* yang memang tepat dengan saranan dari Yang Berhormat Senator.

Contoh yang paling baik ialah Tan Sri Michelle Yeoh. Bagi kita ini adalah satu- ikon, tokoh kita yang ke luar negara dan berjaya. Itu sepatutnya menjadi contoh kepada kita. Akan tetapi pada masa yang sama juga, kita perlu memikirkan bagaimana kita memastikan tenaga mahir di negara kita cukup. Kalau tidak, kita akan hanya bergantung dengan tenaga pekerja asing. Jadi, ini keseimbangan yang perlu kita buat. Okey. Saya harap itu dapat menjawab Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, seiring dengan itu, Kementerian Sumber Manusia terus memperkasa Program Kepulangan Pakar atau, dengan izin, *Returning Expert Program*. Sejak tahun 2019, lebih daripada 10,000 permohonan daripada diaspora Malaysia telah diterima oleh TalentCorp untuk kembali bekerja di tanah air. Daripada jumlah tersebut, lebih daripada 6,500 orang pakar telah diluluskan untuk kembali di bawah program ini meliputi pelbagai bidang dan sektor ekonomi. Jumlah pakar yang kembali ini walaupun tampak kecil, berbanding jumlah populasi diaspora Malaysia, ialah satu perkembangan yang positif kepada negara.

Selain itu, dalam konteks yang lebih makro, cabaran-cabaran lain yang dihadapi adalah untuk memastikan ekonomi negara terus kompetitif melalui pelaburan langsung berkualiti yang akan menjurus kepada penciptaan pekerjaan berkemahiran dan berpendapatan tinggi serta disokong oleh ekosistem bakat yang kondusif dan adil. Kementerian Sumber Manusia terus komited untuk memperhalus dan memperkenalkan intervensi-intervensi yang bersesuaian dan menggembleng bersama semua pemegang taruh yang lain dalam memastikan aspirasi ini dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran mencadangkan agar gaji minimum untuk graduan dikaji oleh pihak kementerian. Untuk makluman Dewan yang mulia, dasar gaji minimum kebangsaan digubal untuk menetapkan gaji lantai, dengan izin, *floor wages* bagi kategori rendah dalam pasaran buruh. Intervensi terhadap pasaran buruh dengan pelaksanaan dasar gaji minimum adalah bertujuan untuk

membantu meningkatkan jaminan pendapatan dan kuasa beli rakyat supaya dapat memenuhi keperluan asas diri dan keluarga serta menangani kos sara hidup.

Pada masa ini, kerajaan belum menetapkan kadar gaji minimum bagi golongan siswazah. Walau bagaimanapun, kerajaan mengambil maklum cadangan daripada Yang Berhormat Senator dan sentiasa terbuka terhadap setiap pandangan yang diberikan. Kerajaan akan meneliti perkara ini bagi memastikan ia benar-benar sesuai dengan keperluan semasa.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam ucapan perasmian Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama Transformasi TVET yang diadakan pada 16 Mac 2023 telah menyarankan agar pemain industri dan majikan menawarkan gaji permulaan sekurang-kurangnya RM3,000 kepada graduan TVET kita, khusus kepada golongan TVET. Saranan ini merupakan satu permintaan yang munasabah memandangkan graduan TVET merupakan pekerja mahir yang menjalani kursus kemahiran secara komprehensif. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Mohon mencekah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Okey.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan yang sama saya telah membangkitkan kepada Timbalan Menteri Pendidikan iaitu TVET itu adalah di bawah Kementerian Sumber Manusia atau di bawah Kementerian Pendidikan? Adakah kita katakan banyak kementerian yang menjagakan TVET. Adakah ini sebabnya TVET kita tidak boleh berjaya? Terima kasih.

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman, memang terdapat 12 buah kementerian yang ada pendidikan TVET ini. Sebanyak 12 buah kementerian. Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pendidikan hanya salah satu daripadanya.

Walaupun bagaimanapun, kerajaan telah mewujudkan satu Majlis TVET Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi dan di sini lah kita cuba selaraskan semua program yang melibatkan TVET ini dan kita cuba optimumkan penggunaan bajet yang sebelum ini lebih kurang bajet RM6.7 bilion yang dibelanjakan hanya untuk mengurus pendidikan TVET negara.

Jadi, kita harap dengan perwujudan Majlis TVET Negara ini, kita akan cuba menyelaraskan setiap kementerian ini supaya tidak timbul daya saing atau pun *duplication*, dengan izin, di antara khusus-khusus yg ditawarkan. Jadi, ini yang kita cuba usahakan. Okey. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh menyarankan agar kerajaan menetapkan Dasar Pengambilan Pekerja Asing yang lebih telus. Kerajaan mengambil maklum akan saranan tersebut. Untuk makluman Dewan

yang mulia, kerajaan telah menetapkan dasar pengambilan pekerja asing adalah berdasarkan prinsip pengambilan yang adil- *fair recruitment* berpandukan, dengan izin, *ILO: General principles and operational guidelines for fair recruitment*.

Prinsip pengambilan yang ada ini diterapkan di dalam Memorandum Persefahaman dengan negara-negara sumber yang menggariskan bahawa pengambilan dilaksanakan mengikut lunas undang-undang negara, standard perburuhan antarabangsa dan menghormati hak asasi manusia.

Prinsip pengambilan adil ini mengandungi elemen-elemen progresif dan amalan baik yang bertujuan untuk membangunkan satu- kerangka pengambilan penggajian dan penghantaran ulang pekerja asing. Prinsip pengambilan yang adil turut menekankan peranan dan tanggungjawab negara sumber dan negara penerima agensi pekerjaan swasta kedua-dua negara, majikan dan pekerja asing dengan jelas dan telus.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pertanyaan dan mengemukakan cadangan kepada Kementerian Sumber Manusia semasa perbahasan usul Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2023 peringkat dasar ini. Kementerian amat menghargai segala cadangan, keprihatinan dan teguran yang telah dikemukakan dan kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud, Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Lukanisman bin Awang Sauni. Dipersilakan.

### ■3.18 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Lukanisman bin Awang Sauni]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam Malaysia Madani. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada 16 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2023 dan ini sekali gus menunjukkan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terhadap isu kesihatan di negara kita ini.

Dengan jumlah masa yang diperuntukkan kepada saya, saya akan menjawab 35 isu yang perlu saya jawab pada hari ini. Maka, saya ingin memohon untuk meringkaskan teks ucapan saya dan menjawab bagi isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang berada di dalam Dewan pada ketika ini. Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang tiada di dalam Dewan ini, atau isunya tidak sempat dijawab, saya akan berikan jawapan secara bertulis.

Kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair. Berkenaan dengan status Kertas Putih Kesihatan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas dan juga isu yang sama dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, Pembangunan Kertas Putih Kesihatan sedang berada di fasa akhir dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada sidang Parlimen yang akan datang.

Kertas Putih Kesihatan ini merupakan sebuah dokumen kerajaan yang menggariskan status semasa, jurang dan kekangan sistem kesihatan kita. Kertas ini mencadangkan penyelesaian secara berfasa merangkumi reformasi berstruktur daripada segi penyampaian, perkhidmatan, pembiayaan, tadbir urus dan organisasi dalam tempoh 15 tahun.

Untuk makluman tambahan Yang Berhormat Senator, KKM bersama Yang Berhormat Menteri akan mengadakan sesi libat urus bersama pegawai-pegawai untuk mendapatkan *feedback* yang terakhir sebelum kita membentangkan Kertas Putih mengikut wilayah-wilayah yang akan kita lawat seperti Sabah, Sarawak, wilayah tengah selatan dan juga utara Semenanjung Malaysia.

#### ■1520

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair turut mencadangkan penyelarasan kos rawatan antara fasiliti swasta dan awam. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kos rawatan adalah tertakluk kepada pelbagai faktor, termasuk kos pembangunan dan kos operasi. Caj rawatan di fasiliti awam adalah tertakluk kepada subsidi kerajaan dan fasiliti swasta mengikut kuasa pasaran ataupun *market force*, dengan izin.

Namun demikian, untuk mewujudkan sebuah ekosistem penyampaian perkhidmatan kesihatan secara holistik yang melibatkan sektor awam dan swasta, KKM akan terus meneliti mengenai perkara ini. KKM juga menghargai cadangan Yang Berhormat Senator agar KKM mewujudkan kolaborasi jangka panjang antara KKM dan sektor kesihatan swasta. Dimaklumkan bahawa menerusi Kertas Putih Kesihatan yang akan dibangunkan oleh KKM, usaha kolaborasi yang efektif antara sektor awam dan swasta juga dicadangkan bagi memperluaskan akses rakyat kepada perkhidmatan kesihatan, sekali gus mewujudkan sebuah ekosistem penyampaian perkhidmatan kesihatan yang holistik.

Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang, berkenaan fasiliti dan peralatan klinik kesihatan yang daif. Yang Berhormat Senator menyentuh mengenai sama ada klinik kesihatan KKM mampu menampung keperluan kesihatan rakyat memandangkan masih terdapat banyak fasiliti kesihatan awam yang lama dan uzur. KKM mengakui bahawa terdapat banyak usaha yang perlu dilaksanakan oleh KKM bagi menampung keperluan rakyat, terutamanya melibatkan keadaan klinik dan peralatan yang uzur.

Oleh yang demikian, pada tahun 2023 KKM telah menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM30,597,990 dan akan digunakan melaksanakan perolehan 3,978 unit peralatan perubatan daripada pelbagai kategori bagi fasiliti-fasiliti kesihatan primer di seluruh negara.

Bagi kekurangan anggota kesihatan pula, permohonan perjawatan tambahan juga akan terus dipohon pada setiap tahun bagi memastikan perkhidmatan kepada rakyat dapat dipertingkatkan di masa yang akan datang.

Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam berkenaan tentang peruntukan sebanyak lima peratus KDNK. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, melalui Kertas Putih Kesihatan, pelaburan awam untuk kesihatan dicadangkan untuk ditingkatkan daripada 2.93 peratus KDNK pada tahun 2021 kepada lima peratus KDNK secara berfasa untuk tempoh lima tahun melalui peruntukan kerajaan.

Selain itu, Kertas ini juga mencadangkan penelitian cadangan-cadangan sumber kewangan yang lain bagi meningkatkan pelaburan untuk kesihatan. Namun, peningkatan pelaburan ini masih tertakluk kepada keadaan ekonomi dan fiskal negara.

Berkenaan tentang kriteria lantikan tetap. Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan juga isu yang sama dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah. Kriteria dan pertimbangan untuk melantik doktor ke perjawatan tetap adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan. Pegawai hendaklah memenuhi syarat pelantikan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) selaku pihak berkuasa melantik. Proses penilaian dilaksanakan secara objektif, adil dan telus berdasarkan prestasi tahunan dan penilaian semasa temu duga menerusi tatacara pengambilan SPA.

Pegawai juga akan menilai daripada aspek nilai, integriti dan juga keupayaan untuk bekerja secara berpasukan secara profesional untuk dilantik sebagai penjawat awam. Berkenaan tentang kekurangan Jururawat dan Paramedik, mengenai isu kekurangan perjawatan lain, contohnya seperti jururawat yang turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Berdasarkan rekod KKM, terdapat kira-kira 69,608 orang Jururawat yang terdiri daripada 67,272 bersamaan dengan 97 peratus adalah daripada lantikan tetap. Manakala seramai 2,336 iaitu bersamaan tiga peratus merupakan lantikan secara kontrak.

Jumlah Jururawat ini sebenarnya telah pun meningkat sebanyak 38 peratus berbanding pada tahun 2012. Bagi meningkatkan lagi jumlah ini, beberapa inisiatif telah diambil. Antaranya seperti meningkatkan pengambilan pelatih Diploma Kejururawatan di institut latihan KKM. Kedua, melaksanakan urusan pelantikan tetap secara berfasa bagi 2,336 orang jururawat kontrak lantikan swasta iaitu graduan kejururawatan keluaran institusi latihan selain ILKKM yang masih berkhidmat di KKM. Ketiga, menawarkan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) kepada Jururawat Masyarakat Gred U19, Gred U24 dan Gred U26 bagi mengikuti pengajian Diploma Kejururawatan dalam tempoh setahun di ILKKM untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Jururawat Gred U29.

Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran juga turut membangkitkan isu mengenai semakan semula struktur gaji pekerja kesihatan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator,

semakan gaji bagi anggota perkhidmatan awam dilaksanakan oleh agensi Pusat secara bersekali dengan skim perkhidmatan lain. Tertakluk kepada kadar fiskal kewangan kerajaan. Berkenaan tentang permohonan *CT Scan*. Yang Berhormat Senator, KKM akan memberi keutamaan kepada Projek Perolehan Mesin Pengimbas Tomografi Berkomputer- *CT Scan* di Hospital Bukit Mertajam. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan untuk memperoleh peralatan ini telah dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi di bawah Pelan Pelaksanaan Keempat- *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Berkenaan tentang saringan kesihatan. Yang Berhormat Senator juga telah menyentuh mengenai pemberian peruntukan bagi pengesanan awal penyakit tidak berjangkit (NCD) dalam kalangan penerima manfaat PEKA B40. Saringan kesihatan bagi pengesanan awal NCD dalam kalangan B40 telah dilaksanakan melalui Skim Peduli Kesihatan untuk kumpulan B40 (PEKA B40) di bawah manfaat satu. Penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) atau sebelum ini dikenali sebagai Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) dan bersertakan pasangan mereka yang berumur 40 tahun dan ke atas secara automatik layak menyertai PEKA B40 dan peruntukan sebanyak RM80 juta telah diluluskan bagi skim ini.

Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran juga mencadangkan dasar Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) diselaraskan bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), terutamanya berkaitan kualiti dan kuantiti makanan yang disediakan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, pihak KKM sentiasa bekerjasama dengan KPM yang menerajui Program RMT bagi menambah baik program tersebut supaya menepati keperluan pemakanan murid, termasuk daripada segi kuantiti dan juga kualiti pemakanan.

Menu RMT disediakan oleh pegawai pemakanan KKM dan ia merupakan hidangan berkhasiat untuk murid sekolah rendah. Program ini telah dilaksanakan oleh pihak KPM dengan kerjasama pihak KKM sejak tahun 1979. Pemantauan dan pematuhan menu RMT dilaksanakan secara berkala setiap tahun bagi memastikan murid RMT mendapat bekalan menu dalam kuantiti dan kualiti yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz, berkenaan tentang kawalan harga ubat swasta. Yang Berhormat Senator mencadangkan agar satu mekanisme diwujudkan untuk mengawal harga ubat atau menetapkan harga siling di pasaran, farmasi dan fasiliti kesihatan bagi mengatasi kenaikan kos perubatan.

Perlu saya jelaskan bahawa pada masa ini tiada kawalan harga terhadap ubat-ubatan kecuali bagi dua jenama Vaksin COVID-19 iaitu *CoronaVac* dan *Covilo* yang bertujuan bagi mengatasi isu harga vaksin COVID-19 yang melambung tinggi akibat permintaan yang tinggi semasa tempoh pandemik.

Namun demikian, bagi mengatasi isu kenaikan harga ubat-ubatan di Malaysia, KKM bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

berhubung dengan cadangan Mekanisme Ketuluan Harga Ubat (MKHU) sebagai inisiatif yang mewajibkan perkongsian harga jualan ubat-ubatan bagi fasiliti kesihatan swasta seperti klinik swasta dan hospital swasta serta farmasi komuniti.

Pelaksanaan inisiatif ini bakal memperkasakan pengguna untuk membuat pilihan bermaklumat dalam pembelian ubat-ubatan, menggalakkan persaingan dalam industri, seterusnya membolehkan pengguna mendapatkan ubat dengan harga yang berpatutan.

#### ■1530

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli. Berhubung saranan oleh Yang Berhormat Senator agar KKM membuat perancangan bersama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi menangani isu pegawai perubatan kontrak, KKM menyambut baik saranan tersebut dan sesi libat urus seperti ini akan terus dilaksanakan untuk memastikan isu-isu diketengahkan akan diselesaikan dalam ruang lingkup tanggungjawab bersama.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Yang Berhormat Senator telah meminta agar KKM memberikan perhatian kemudahan perubatan seperti mesin oksigen dan rawatan terapi rehabilitasi bagi pesakit yang menghadapi sindrom COVID-19 berpanjangan ataupun *long COVID*.

KKM sememangnya komited untuk menambah baik perawatan *long COVID-19* dan usaha yang telah dan sedang dilaksanakan membuat perolehan peralatan seperti, dengan izin, *ultrasound, oxygen concentrator, motor driven movement therapy device*, dan sebagainya dalam perawatan pesakit *long COVID-19* yang berjumlah RM2 juta pada tahun 2022; menerbitkan Garis Panduan Pengurusan Pasca COVID-19 Kebangsaan pada Julai 2021 sebagai sumber rujukan dan melibatkan pelbagai disiplin kepakaran termasuklah kesihatan primer, penyakit berjangkit, perubatan dalaman, nefrologi, kardiologi, respiratori, obstetrik, pediatrik, psikiatri dan juga perubatan rehabilitasi; dan menyediakan bacaan poster, risalah dan video yang telah dimuat naik di portal dan laman web yang boleh dirujuk oleh pesakit-pesakit *long COVID-19*.

Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, berkenaan tentang PeKa B40. Yang Berhormat Senator ingin mengetahui beberapa isu mengenai PeKa B40 seperti status klinik swasta yang terlibat dan bilangan rakyat Kelantan yang layak menerima PeKa B40. Berhubung bilangan rakyat Kelantan yang layak menerima bantuan PeKa B40, pada tahun ini seramai 412,472 orang individu di negeri Kelantan layak menerima bantuan PeKa B40. Sehingga 29 Mac 2023, 92,534 orang individu telah menjalani saringan PeKa B40 sejak program ini dilancarkan pada April 2019.

Sehingga Mac 2023, terdapat sebanyak 84 buah klinik swasta yang telah berdaftar di bawah PeKa B40 di negeri Kelantan. Perkhidmatan saringan ini juga ditawarkan oleh 104 buah klinik kesihatan bagi meningkatkan capaian kepada golongan B40 di negeri tersebut. Bagi

klินิก swasta yang ingin mendaftar untuk melakukan saringan PeKa B40, tempoh kelulusan bagi setiap permohonan kurang dua minggu tertakluk kepada kelengkapan maklumat dan dokumen yang dihantar untuk pendaftaran. Juga untuk maklumat-maklumat dan data berkenaan tentang klinik-klinik yang menyediakan saringan, bolehlah pergi melawat ke laman sesawang PeKa B40.

Lantikan pegawai perubatan kontrak ke tetap UD43. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. pada tahun 2021 dan 2022, seramai 3,466 Pegawai Perubatan lantikan kontrak telah dilantik tetap ke Gred UD43. Tangga gaji kontrak yang dilantik tetap dengan gred permulaan UD ini sebenarnya adalah setara dengan gaji UD44 iaitu gaji minimum pada RM3,611 dan jumlah keseluruhan emolumen bulanan adalah sebanyak RM5,711. Manakala emolumen maksimum pula adalah sebanyak RM12,660.

Mengenai kajian semula kadar elaun seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina dan juga isu yang sama dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj, KKM telah mengemukakan cadangan kenaikan kadar elaun atas panggilan tetap ataupun *on call* kepada agensi pusat pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, kerajaan berpandangan bahawa kadar semasa yang diterima oleh pegawai masih bersesuaian.

Berkenaan tentang kebajikan doktor kontrak. Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina telah bertanya mengenai bentuk sokongan yang diberikan kepada doktor-doktor kontrak yang ingin membuka klinik sendiri. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, rekod KKM pada bulan Jun 2021 sehingga Jun 2022 menunjukkan terdapat sebanyak 148 permohonan pendaftaran klinik perubatan swasta yang telah diluluskan oleh kementerian di mana pegawai perubatan kontrak telah meletak jawatan sebagai penjawat awam untuk menjadi orang yang bertanggungjawab (OYB) di klinik perubatan swasta tersebut.

Beberapa langkah juga telah dilaksanakan oleh KKM bagi memberikan sokongan kepada pengamal perubatan kontrak yang ingin membuka klinik persendirian ataupun klinik swasta di bawah Akta 586 setelah mereka tamat tempoh kontrak. Antaranya adalah meminda polisi berkaitan nisbah bilangan OYB kepada bilangan klinik swasta; bekerjasama dengan *Malaysia Productivity Corporation* (MPC) bagi menerbitkan *Guidebook on Setting Up and Running a Private Medical Clinics in Malaysia* yang akan dilancarkan kelak; dan memberikan kelonggaran kepada pengamal perubatan kontrak untuk tidak melengkapkan khidmat wajib selama dua tahun dalam mana-mana perkhidmatan awam.

Berkenaan tentang kebajikan doktor kontrak, gaji dan elaun. Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina juga bertanyakan sama ada terdapat inisiatif kerjasama agar pegawai perubatan dan pergigian yang tamat kontrak diberikan tawaran kerja dalam sektor swasta dengan skim gaji setara sektor awam. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, seperti mana kelaziman amalan syarikat swasta yang lain, jawatan yang ditawarkan oleh hospital swasta adalah tertakluk kepada keperluan pasaran ataupun *market demand*, dengan izin, dan

kekosongan jawatan. Dalam hal ini, gaji yang ditawarkan oleh sektor swasta adalah tertakluk kepada pasaran dan keupayaan kewangan pihak hospital swasta yang berkenaan.

Berkenaan tentang promosi pemakanan sihat. Yang Berhormat Senator ada menyentuh mengenai promosi program pemakanan sihat dan keupayaan program seperti ini untuk mengurangkan penyakit tidak berjangkit dalam kalangan rakyat Malaysia.

Antara program pemakanan sihat yang telah dijalankan oleh KKM merupakan promosi pemakanan sihat ibu hamil, bayi dan kanak-kanak bawah umur lima tahun seperti promosi penyusuan susu ibu, Inisiatif Hospital Rakan Bayi dan Klinik Rakan Bayi.

Kedua, promosi pemakanan sihat di taska, prasekolah, tabika dan sekolah seperti pembentukan dan pemantauan menu standard di taska, prasekolah dan asrama, pelaksanaan hidangan berkhasiat di sekolah (HITS), pemantauan penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah serta pelaksanaan inisiatif membudayakan pengambilan air kosong.

Ketiga, promosi pemakanan sihat dalam kalangan orang dewasa merangkumi penyajian hidangan berkhasiat di premis makanan seperti pengiktirafan kafeteria sihat dan MyMeal. Latihan kepada pengusaha makanan untuk meningkatkan pengetahuan pemakanan dan penyediaan makanan secara sihat melalui latihan catering sihat.

Selain itu, bagi memastikan hidangan semasa mesyuarat dan majlis rasmi, inisiatif Penyajian Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat (PHSSM) turut dilaksanakan di kesemua kementerian. Promosi pemakanan sihat di peringkat komuniti seperti Dapur Sihat Masyarakat, Pusat Maklumat Pemakanan dan program pemakanan sihat di pasar raya di samping aktiviti memperkasakan masyarakat.

Seterusnya penyebaran maklumat pemakanan turut dipergiatkan menggunakan platform media sosial iaitu NutritionistKKM di media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *TikTok* dan juga *YouTube*. Aplikasi telefon pintar MyNutriDiari 2 bagi membantu pengguna memantau pengambilan kalori harian berdasarkan makanan dan minuman yang diambil.

Terakhir, promosi pemakanan sihat melalui kempen pemakanan seperti Kempen Suku Suku Separuh, Kempen Minum Air Kosong, Kempen Makan Buah dan Sayur, Kempen Kurangkan Gula serta sambutan Bulan Pemakanan di samping turut giat mengadakan ceramah dan pameran pemakanan.

Melalui pelaksanaan program promosi pemakanan yang dijalankan ini, KKM berjaya memperlahankan kadar kenaikan *prevalent* penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti mana yang dilaporkan melalui hasil kajian NHMS yang dijalankan secara berkala. *Prevalent* kejadian hipertensi menunjukkan penurunan iaitu daripada 32.7 peratus pada 2011 kepada 30.3 peratus pada 2015 dan seterusnya 30 peratus pada 2019. *Prevalent* diabetes pula menunjukkan trend kenaikan yang agak perlahan iaitu daripada 11.2 peratus pada tahun 2011 kepada 13.4 peratus pada 2015 dan kepada 18.3 peratus pada 2019. Trend peningkatan yang

agak perlahan juga dapat dilihat bagi kejadian obesiti dan kelebihan berat badan dalam kalangan rakyat Malaysia dewasa.

#### ■1540

Berkenaan tentang malaria di kalangan warga asing. Isu terakhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina mengenai tahap kesiapsiagaan KKM terhadap penyakit berjangkit seperti malaria terutama dalam kalangan pekerja asing.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, KKM sentiasa bersedia menangani penyakit malaria melalui aktiviti *surveillance*, pencegahan jangkitan serta kawalan vektor, rawatan malaria dan penglibatan masyarakat. Ia dilaksanakan dengan menyasarkan golongan berisiko seperti pekerja warga asing, Orang Asli, penduduk kawasan pedalaman, kakitangan agensi berkaitan hutan dan warga Malaysia yang pulang dari negara endemik malaria sama ada atas tujuan pekerjaan atau pelancongan.

KKM juga melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan vektor bagi membendung malaria untuk penduduk berisiko di kawasan pedalaman termasuk pekerja asing melalui penggunaan kelambu berubut serta semburan racun *residual*.

KKM juga menjalankan inisiatif penglibatan masyarakat dengan melantik duta malaria dalam kalangan pekerja asing di sektor berisiko malaria bagi membantu KKM menyalurkan maklumat tentang kehadiran pekerja baru untuk dibuat saringan malaria. KKM juga mengambil langkah proaktif dengan mengadakan kerjasama dengan pihak pengurusan ladang bagi menangani risiko jangkitan malaria melibatkan pekerja asing.

Pihak pengurusan ladang memberi bantuan dengan menyediakan fasiliti kemudahan pengangkutan, pembelian kelambu dan juga memberi bantuan kepada pasukan kesihatan dari pejabat kesihatan daerah bagi menjalankan aktiviti saringan malaria dalam kalangan pekerja mereka dan melaksanakan aktiviti pencegahan serta kawalan malaria.

Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya berkenaan tentang kesesakan Hospital Putrajaya. Yang Berhormat Senator memaklumkan bahawa Jabatan Kecemasan Hospital Putrajaya sesak dan bertanya sama ada KKM mempunyai perancangan membina sebuah lagi hospital di Putrajaya bagi menampung jumlah pesakit yang meningkat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kadar penggunaan katil di Hospital Putrajaya yang berkapasiti 605 buah katil adalah pada tahap sederhana iaitu 66 peratus sahaja. Selain Hospital Putrajaya, penduduk Putrajaya boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Hospital Cyberjaya, Hospital Serdang dan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (UPM) yang terletak dalam lingkungan 15 kilometer dari Putrajaya.

Pada masa ini, nisbah katil bagi setiap 1,000 orang penduduk- *bed population ratio*, bagi kawasan Putrajaya adalah 8.27 buah katil di mana nilai ini melebihi nisbah purata 2.07 katil bagi seluruh Malaysia. Oleh itu, Hospital Putrajaya dan rangkaian hospital yang terletak

berdekatan Putrajaya masih mampu menampung keperluan kesihatan penduduk di sekitarnya.

Untuk maklumat Dewan, bagi masyarakat ataupun rakan-rakan kita di Sarawak, agak malang sedikit kalau kita lihat untuk Cyberjaya, Putrajaya hanya dalam ruang lingkup 15 kilometer tetapi apa yang berlaku di Sabah dan Sarawak dan juga mungkin di Pahang dan Kelantan, jarak hospital yang terdekat agak jauh. Sekitar 70 kilometer, ada yang sekitar 200 kilometer. Maka, keperluan untuk membina hospital baru ini kita akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya dan fokus kita kali ini adalah untuk mengoptimumkan penggunaan hospital dan juga klinik kesihatan di bawah KKM.

Yang Berhormat Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah berkenaan tentang perjawatan. Yang Berhormat Senator telah membangkitkan isu berkenaan jawatan baharu yang diwujudkan di hospital awam, dan yang kedua, peruntukan yang diterima bagi menambah perjawatan doktor dan penstrukturan semula di hospital.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada 19 Januari 2022, kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan sebanyak 4,186 jawatan tetap tambahan bagi tahun 2022 untuk tujuan melantik pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi. Selain itu, sebanyak 1,500 perjawatan tetap diwujudkan bermula tahun 2023 sehingga 2025 bagi jawatan pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi.

Manakala sebanyak 800 perjawatan tetap pakar perubatan dan 70 orang pakar pergigian diwujudkan di KKM pada setiap tahun mulai tahun 2023 bagi menampung keluaran pakar perubatan tetap dan juga seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam sesi Pemberitahuan Waktu Pertanyaan (PMQT) Dewan Rakyat semalam pada 4 April 2023, kerajaan komited untuk menyerap 12,800 Pegawai Perubatan kontrak secara lantikan tetap dalam tempoh tiga tahun bermula tahun 2023.

Pada tahun 2023, sebanyak RM2.6 bilion diperuntukkan bagi menampung pembayaran emolumen kakitangan kontrak melibatkan lebih kurang 39,000 orang pegawai daripada pelbagai skim perkhidmatan. Sebagai tambahan, sebanyak RM1.72 bilion bagi dasar baharu lagi diperuntukkan bagi menampung tambahan emolumen melibatkan pelantikan tetap pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi seperti pewujudan jawatan baru untuk pelbagai skim perkhidmatan bagi fasiliti baru.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Dominic Lau Hoe Chai berkenaan tentang perkhidmatan geriatrik. Yang Berhormat Senator membangkitkan mengenai persediaan KKM bagi menghadapi keadaan Malaysia yang sedang menuju kepada negara tua menjelang tahun 2023 dan secara langsung menyentuh mengenai perkhidmatan geriatrik di Malaysia termasuk peruntukan yang disediakan. Pada masa ini, perkhidmatan geriatrik menerima peruntukan mengikut keperluan dan peningkatan pesakit setiap tahun di mana peruntukan

tersebut merupakan sebahagian daripada peruntukan yang diberikan kepada perkhidmatan perubatan dalaman di hospital KKM.

Oleh yang demikian, tiada peruntukan khusus...

**Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Izinkan saya mencelah, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum* Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tahun 2030, Malaysia merupakan negara menua. Jadi, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberitahu sedikit mengenai geriatrik. Saya ingin tahu, apa yang Kementerian Kesihatan- lakukan, untuk pastikan kita bersedia untuk menampung mereka yang menjadi warga emas ketika tahun 2030 sampai? Waktu kita suntuk sudah. Saya ingin tahu bagaimana kita boleh menyokong daripada segi geriatrik seperti *Alzheimer* dan juga *dementia*. Terima kasih.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkenaan tentang isu perkhidmatan geriatrik. Kita sedang berusaha untuk meningkatkan jumlah hospital-hospital yang menawarkan perkhidmatan geriatrik dan juga pada ketika ini, dalam jawapan saya kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Dominic ini juga, kita juga turut memaklumkan kepada masyarakat umum, KKM turut melatih penjaga warga emas dan juga pada setakat ini sejak tahun 2013, kita telah mempunyai pelatih-pelatih ataupun penjaga warga emas ini berjumlah 19,702 orang penjaga warga emas yang telah dilatih dan selain daripada itu, kita juga turut mengadakan program-program *awareness*, dengan izin, untuk persiapan kita bagi kesedaran masyarakat umum bahawa kita akan menuju ke arah negara tua menjelang tahun 2030.

Kita juga turut memberikan galakan kepada doktor-doktor untuk mengikuti latihan sub kepakaran geriatrik sejak tahun 2020 dan juga sembilan orang pegawai pada tahun 2021 dan juga seorang pegawai pada tahun 2022. Kita juga lihat pada trend yang saya sebut ini, masih ramai lagi doktor-doktor belum berminat untuk mencebur diri di dalam bidang geriatrik ini dan juga latihan sub kepakaran. Walaupun demikian, KKM menyasarkan pertambahan dua buah hospital KKM dalam tempoh lima tahun untuk sebagai tambahan kepada 16 buah hospital yang sedang menyediakan perkhidmatan geriatrik. Selain daripada itu,...

**Dato' Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Mohon mencelah.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni:** Okey.

**Dato' Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Saya Dominic, yang Timbalan Menteri jawab soalan saya. Apa yang membimbangkan kita seperti jawapan daripada Kementerian Kesihatan itu, Pakar Geriatrik di KKM pada masa ini hanya 33 orang pegawai sahaja.

■1550

Ini kita bimbang kerana sampai 2030 hanya beberapa tahun sahaja, tujuh tahun sahaja dan sekarang kita ada 33 orang pegawai sahaja. So, kita hendak tahu, apakah usaha daripada Kementerian Kesihatan untuk mempercepatkan dan memperbanyakkan pakar-pakar tersebut? Terima kasih.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni:** Seperti dalam jawapan saya yang lepas di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara, memang kita mengakui bahawa bilangan pakar geriatrik itu agak kecil sekitar 33 kepakaran.

Juga, saya melihat sekiranya di pihak swasta ataupun hospital-hospital swasta dapat membantu dan juga menawarkan perkhidmatan geriatrik di hospital-hospital tersebut, maka saya melihat kemungkinan besar doktor-doktor ini akan lebih cenderung untuk pergi ke bidang geriatrik. Ini memandangkan permintaan, *market demand* tersebut dengan izin masih berkurangan. Maka disebabkan itulah, angka 33 itu merupakan angka semasa dan juga kita sedang berusaha untuk menawarkan latihan kepada doktor-doktor untuk mendapatkan kepakaran tersebut.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, terdapat juga beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Dewan Negara ini yang secara spesifik seperti Yang Berhormat Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead berkenaan tentang kesesakan klinik kesihatan di Sarikei dan juga berkenaan status terkini Klinik Kesihatan Bayong.

Berkenaan tentang Klinik Kesihatan Bayong, projek Klinik Kesihatan Bayong belum diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas. Pada tahun ini, Jabatan Kesihatan Sarawak telah mengemukakan permohonan Projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) Dengan Kuarters Bayong-Sarikei di bawah Pelan Pelaksanaan *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kedua Belas. Tapak yang dicadangkan adalah di Lot 286, Blok 121, *Sarikei Land District* yang berkeluasan 3.48 hektar ataupun 8.62 ekar yang telah diluluskan oleh Ibu Pejabat Tanah dan Survei Sarawak.

Berkenaan pertanyaan Yang Berhormat Dato' Arman Azha Abu Hanifah berkenaan kekurangan tempat letak kereta. Sememangnya isu tempat letak kereta ini merupakan isu yang sangat popular dan kerap ditanya oleh wakil-wakil rakyat. Jawapan bagi pertanyaan ini adalah inisiatif yang dirancang bagi mengatasi kekurangan tempat letak kereta adalah dengan:

- (i) melaksanakan *outsourcing*, dengan izin, melalui penawaran kepada syarikat swasta untuk menguruskan tempat letak kereta hospital;
- (ii) kolaborasi dan juga kerjasama untuk menggunakan tempat letak kereta pihak PBT ataupun syarikat swasta;
- (iii) memperkenalkan *valet parking* di hospital;
- (iv) menggalakkan penggunaan pengangkutan awam; dan
- (v) mempertimbangkan penyediaan tempat letak kereta bertingkat secara usaha sama dengan pihak swasta.

Sebagai tambahan, bagi reka bentuk hospital dan juga klinik kesihatan di bawah KKM pada masa hadapan, kita juga akan turut mempertimbangkan reka bentuk tempat letak kereta.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Mohon mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bagaimana dengan Hospital Lawas di Sarawak dan juga hospital di pedalaman Long Busang yang terbengkalai semasa COVID-19 dan dikatakan kosnya telah digunakan tetapi setakat rangka sahaja di Klinik Long Busang. Terima kasih.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkenaan tentang Klinik Lawas dan juga Klinik Long Busang, walaupun saya tidak mempunyai jawapan yang khusus, berkenaan tentang Klinik Long Busang tersebut, kita akui bahawa klinik tersebut sedang sakit tenat. Kita akui dan juga proses untuk menamatkan kontraktor telah dijalankan dan kita akan melihat semula bagaimana kaedah yang terbaik untuk kita menyelamatkan Klinik Long Busang tersebut.

Sama juga dengan Klinik Lawas. Klinik tersebut juga dalam status klinik yang sakit, projek yang sakit dan juga kita memantau dengan teliti pembinaan Klinik Lawas tersebut. Proses pembinaan sedang berjalan dan kita berharap agar klinik ini tidak lagi berdepan dengan masalah-masalah pembinaan. Saya ingin meneruskan sedikit lagi...

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Berapa lama lagi perlu?

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni:** Tidak sampai tiga minit pun.

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Boleh.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni:** Kepada Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen berkenaan tentang Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru yang dinaiktarafkan. Beberapa projek telah dijalankan iaitu blok baharu Jabatan Patologi yang akan siap pada tahun 2023.

Kerja-kerja naik taraf sistem kejuruteraan, sistem pencegahan kebakaran dijangka siap pada tahun 2025. Cadangan Blok Pusat Rawatan Harian dan Klinik Pakar akan dimulakan sebaik sahaja kerja-kerja awalan melibat penilaian skop dan skop projek ini dimuktamadkan pada akhir tahun 2023.

Kerja naik taraf wad ICU Selatan yang terbakar di HSAJB yang telah siap pada tahun 2020. Pada masa yang sama, kementerian sedang mengkaji Pelan Pembangunan Hospital Sultanah Aminah dan seluruh kawasan Johor Bahru untuk perancangan fasiliti yang lebih baik dan holistik.

Berkenaan tentang pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin. Berapakah jumlah klinik daif yang terdapat di Sarawak? Jawapannya adalah di Sarawak terdapat 144 buah klinik mempunyai struktur bangunan kayu atau separa kayu serta sebanyak 45 buah klinik berusia lebih daripada 50 tahun. Berapakah peruntukan yang akan disalurkan bagi membaiki klinik daif di Sarawak? Sebanyak RM8,640,045 telah diperuntukkan pada RP1 dan RP2 sebanyak RM1.7 juta bagi kerja penambahbaikan naik taraf bangunan.

Sebanyak RM10,220,000 telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP3) yang akan dilaksanakan pada tahun 2023. Permohonan dalam RMKe-12 (RP4) bagi pembaikan penaikan taraf klinik di Sarawak adalah sebanyak RM18,670,000 bagi pelaksanaan tahun 2024. Selain itu, sejumlah RM8.515 juta juga telah diluluskan di bawah peruntukan khas pembaikan dan naik taraf klinik daif bagi 2023 di Sarawak dan sebanyak 36 buah klinik telah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak KKM mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada kerajaan kerana telah menyediakan sejumlah peruntukan sebanyak RM36.33 bilion dan peruntukan ini merupakan kedua terbesar yang diterima berbanding kementerian lain. KKM komited bagi memastikan peruntukan yang diterima ini menjadi pelaburan terpenting untuk membina masyarakat yang sihat dan produktif ke arah menjayakan Malaysia Madani.

Dalam ruang masa yang singkat ini, masih terdapat juga persoalan-persoalan yang mungkin boleh dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator di persidangan yang akan datang. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kesemua Ahli Yang Berhormat Senator yang sentiasa prihatin dengan isu-isu kesihatan negara dan tidak dilupakan juga warga kerja Kementerian Kesihatan Malaysia yang sentiasa bertungkus-lumus menyediakan semua teks jawapan dan penggulungan sepanjang mesyuarat persidangan Parlimen kali ini.

Sekian sahaja daripada saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [*Tepuk*]

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan atas segala jawapan yang timbul dalam perbahasan Dewan yang mulia ini.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Sim Chee Keong, Timbalan Menteri Kewangan. Dipersilakan.

**3.59 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Sim Chee Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Minta izin menurun lukah,  
Masuk ikan pancawarna;  
Minta izin membuka langkah,  
Masuk medan berwacana.*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, izinkan saya menzahirkan ucapan terima

kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat terutamanya mereka yang telah berbahas di Peringkat Dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2023.

■1600

Seramai 26 orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh pelbagai perkara melibatkan Kementerian Kewangan. Semua pandangan, teguran, cadangan yang telah diberikan berhubung dengan perkara yang telah dibangkitkan berkaitan Kementerian Kewangan amatlah dihargai. Izinkan saya memberikan penjelasan ke atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan berdasarkan isu-isu yang telah dibangkitkan.

Pertama sekali Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim- tanya tentang kadar cukai kepada golongan berpendapatan tinggi supaya dinaikkan contohnya T1 yang mempunyai pendapatan melebihi RM2 juta ke atas.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sistem pencukaian individu di Malaysia adalah berasaskan struktur pencukaian progresif atau pun *marginal tax rate*, dengan izin, pada kadar kosong peratus hingga 30 peratus di mana pembayar cukai yang berpendapatan tinggi dikenakan cukai pada kadar yang lebih tinggi. Kenaikan cukai bagi pendapatan bercukai melebihi RM100,000 hingga RM1 juta sebenarnya turut memberi kesan kepada kenaikan cukai untuk pendapatan bercukai melebihi RM1 juta. Kesan ini adalah sehingga RM11,000 setahun.

Kadar cukai pendapatan bagi golongan berpendapatan tinggi sebenarnya telah dikaji semula dahulu dan telah dinaikkan mulai tahun taksiran 2020. Untuk tahun taksiran yang depan, kita tidak menaikkan kadar cukai pendapatan bagi golongan tersebut sebab ia telah pun dinaikkan, pertama. Kedua, sebenarnya kenaikan dalam banjaran sebelum itu juga akan memberi kesan kepada pembayar cukai berpendapatan tinggi.

Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan dan Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew juga membangkitkan tentang isu cukai barangan mewah dan GST.

Untuk makluman Kementerian Kewangan sedang memperhalusi cadangan pengenalan cukai barangan mewah atau pun, dengan izin, *luxury tax*. Penelitian sedang dibuat ke atas beberapa perkara berkaitan struktur pencukaian seperti jenis barang yang akan dikategorikan atau bakal dikategorikan sebagai barangan mewah. Nilai ambang atau pun, dengan izin, *threshold* bagi kenaan cukai tersebut dan kadar cukai yang bakal dikenakan.

Selain itu kaedah pengenalan juga sedang diperhalusi sama ada memperkenalkan cukai baharu atau pun memperluaskan skop sistem pencukaian sedia ada. Kementerian Kewangan dalam aspek ini sedang giat mengadakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan termasuk pengilang, peruncit dan termasuk penggiat industri pelancongan dalam memastikan cadangan pelaksanaan cukai barangan mewah ini dapat diterima baik

oleh semua pihak, mudah dilaksanakan dan tidak memberikan kesan negatif terutamanya kepada sektor pelancongan dan sektor peruncitan kita.

Pengenaan cukai barangan mewah atau pun *luxury tax* ini bukanlah satu alternatif kepada GST. Ia diperkenalkan bagi mengenakan cukai ke atas barangan yang dianggap bukan keperluan atau pun, dengan izin, *non-essential* dan dibeli oleh golongan yang berkemampuan dan berpendapatan tinggi. Prinsip peluasan asas cukai ini adalah untuk meningkatkan hasil negara tanpa membebankan golongan yang kurang berkemampuan.

Tentang isu pelepasan cukai yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad dan Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran yang mencadangkan agar Kementerian Kewangan memberikan pelepasan cukai kepada NGO yang bertugas di dalam dan di luar negara dan juga pelepasan cukai kepada anak-anak kurang upaya pendidikan ditingkatkan pada masa hadapan.

Berdasarkan peruntukan semasa di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967, NGO yang tidak bermotifkan keuntungan semata-mata boleh diberi kelulusan pengecualian cukai ke atas pendapatan sumbangan atau derma yang diterima.

Namun, bagi membolehkan sesuatu pertubuhan atau organisasi yang menjalankan aktiviti amal atau khairat mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967 dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia NGO tersebut terlebih dahulu perlu memenuhi kriteria ataupun syarat yang ditetapkan dalam garis panduan.

Bagi aktiviti amal yang dijalankan di luar negara, NGO perlu mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan memandangkan dana yang diterima merupakan dana sumbangan orang awam.

Manakala, layan cukai semasa bagi ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya pembelajaran berumur 18 tahun ke bawah, secara keseluruhannya layak menuntut pelepasan cukai seperti berikut. Perbelanjaan bagi pemeriksaan dan rawatan pemulihan bagi anak kurang upaya seperti autisme, *attention-deficit/hyperactivity disorder* (ADHD), *global development delay* (GDD), *intellectual disability*, *Down syndrome* dan *specific learning disability* terhad sehingga RM4,000. Ini merupakan dasar baharu yang diperkenalkan dalam Belanjawan 2023.

Selain itu, ada juga pelepasan cukai bagi anak kurang upaya yang belum berkahwin dan telah disahkan secara bertulis oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai seorang yang kurang upaya dibenarkan penolakan sebanyak RM6,000. Perbelanjaan bagi pembelian peralatan sokongan asas dibenarkan potongan sehingga RM6,000 untuk kegunaan anak kurang upaya...

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Pencerahan, Yang Berhormat.

**Tuan Steven Sim Chee Keong:** Saya habiskan perenggan ini dahulu.

Kesimpulannya, jumlah pelepasan cukai yang boleh dituntut ibu bapa ke atas anak-anak kurang upaya pembelajaran adalah sehingga RM16,000 tertakluk kepada syarat bahawa ibu bapa hendaklah melakukan perbelanjaan tersebut.

Layanan pelepasan cukai di atas diharapkan dapat kita tahu sememangnya angka itu kadangkala kurang cukup terutamanya apabila kita cakap tentang isu-isu kos rawatan dan sebagainya tetapi kita harap sedikit sebanyak RM16,000 pelepasan cukai ini dapat meringankan beban yang ditanggung oleh ibu bapa. Silakan tuan.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang dimaksudkan pelepasan cukai yang diizinkan kepada NGO yang mengadakan kerja amal, apa juga termasuk kepada rakan kolaborasi di kalangan NGL, maknanya perseorangan atau pun GLC mahupun korporat yang mengadakan program kolaborasi dengan NGO untuk kerja-kerja amal ini juga turut diberikan pelepasan cukai? Terima kasih.

**Tuan Steven Sim Chee Keong:** Sesuatu NGO atau pun sesuatu badan kalau diberi status pelepasan cukai, maka itu merupakan status yang khas yang diberikan oleh MOF. Maka, penderma atau pun penyumbang yang layak. Akan tetapi organisasi tersebut ataupun NGO tersebut terlebih dahulu perlu mendapatkan status untuk pelepasan cukai tersebut.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan, dan Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew, juga memohon kerajaan untuk mengembalikan GST pada kadar yang lebih munasabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan belum bercadang untuk memperkenalkan semula GST seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Belanjawan 2023. Sebarang perubahan dasar berkaitan cukai akan memberikan kesan bukan sahaja kepada ekonomi secara amnya tetapi juga kepada kos sara hidup rakyat.

Pada masa ketika rakyat tengah bergelut dengan pelbagai cabaran kos sara hidup dalam fasa pemulihan pasca krisis pandemik COVID-19 termasuk kadar inflasi daripada aspek makanan yang agak tinggi iaitu sebanyak 5.8 peratus pada tahun 2022, ini bukan masa yang sesuai untuk pengenalan semula GST.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan juga menyatakan bahawa perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) mengalu-alukan pengurangan kadar cukai ke atas pendapatan bercukai yang banjaran pertama sebanyak dua peratus. Akan tetapi, mohon untuk cukai ambang atau pun *threshold* disemak semula supaya lebih tinggi kepada RM1 juta atau pun paras ambang semasa RM600,000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan senantiasa menjalankan semakan kadar cukai PMKS seperti menurunkan kadar cukai sebanyak satu- mata peratusan, daripada 18 peratus kepada 17 peratus pada tahun taksiran 2019 bagi pendapatan bercukai RM500,000 yang pertama.

## ■1610

Bagi tahun taksiran tahun 2020 pula dan seterusnya, kerajaan telah menaikkan *threshold* ataupun nilai ambang RM500,000 tersebut kepada RM600,000 bagi syarikat dengan modal berbayar RM2.5 juta ke bawah dan pendapatan kasar RM50 juta.

Setelah mengambil kira kesusahan perniagaan terutamanya selepas menghadapi tempoh pandemik COVID-19 sejak dua tahun serta cabaran ekonomi semasa, dalam Belanjawan 2023 tersebut, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan penurunan kadar cukai pendapatan kepada PMKS sebanyak dua- mata peratus daripada 17 peratus kepada 15 peratus bagi banjaran pendapatan pertama iaitu RM150,000.

Langkah ini menyasarkan lebih 150,000 PMKS yang kebanyakannya mempunyai pendapatan bercukai yang tidak tinggi. Langkah ini memberikan penjimatan kepada PMKS tersebut sehingga RM3,000 dan dianggarkan akan meletakkan semula, dengan izin, *to put into the sector* penjimatan sebanyak RM250 juta.

Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa memandang berat dan prihatin terhadap PMKS terutamanya di dalam memastikan sektor ini terus berdaya saing serta mendapat perhatian supaya boleh berkembang menjadi lebih besar. Kerajaan komited bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator tadi, kerajaan komited untuk terus memantau dan mengkaji dari semasa ke semasa cadangan-cadangan yang diberikan terhadap isu ini.

Cukai Makmur yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Husain bin Awang tentang kenapa Cukai Makmur tidak diperkenalkan dalam pembentangan bajet baru-baru ini. Apakah rasionalnya Cukai Makmur dihapuskan? Adakah kerajaan akan memperkenalkan cukai lain dalam aspek ini untuk menggantikan Cukai Makmur?

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, antara inisiatif cukai yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2022 dan dilaksanakan untuk meningkatkan hasil adalah berkenaan Cukai Makmur iaitu cukai pada kadar 33 peratus secara *one-off* ke atas syarikat dengan pendapatan bercukai melebihi RM100 juta bagi tahun taksiran 2022.

Cukai tambahan sebanyak sembilan peratus hanya dikenakan kepada baki pendapatan bercukai melebihi RM100 juta. Kerajaan ketika itu, ketika pembentangan Belanjawan 2021 itu telah bersetuju bahawa pengenalan Cukai Makmur sememangnya memberikan impak kepada hasil cukai negara dan juga kerajaan berjanji bahawa Cukai Makmur ini adalah bersifat *one-off* dilaksanakan dengan objektif khusus bagi meningkatkan keupayaan negara dalam menghadapi krisis kesihatan pada masa tersebut. Maka dengan itu janji walaupun oleh kerajaan terdahulu kita berpegang kepada janji tersebut Cukai Makmur tidak dilanjutkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, kerajaan mengambil perhatian berhubung cadangan pengenalan cukai khas ke atas syarikat monopoli dan oligopoli. Kerajaan sememangnya menjalankan kajian berterusan dalam meneliti secara menyeluruh satu sistem

pencukaaian yang lebih seimbang, lebih adil dan saksama supaya dapat menyokong dan meningkatkan kutipan hasil cukai negara tetapi pada masa yang sama bukan saja tidak membebankan rakyat secara amnya tetapi juga memberikan daya saing kepada sektor industri negara kita.

Berkenaan dengan isu seterusnya iaitu Sumbangan Tunai Rahmah (STR). Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit telah menyatakan bahawa terdapat kekangan-kekangan yang dihadapi oleh rakyat di pedalaman terutama di Sabah dan Sarawak tentang kaedah-kaedah penyampaian.

Untuk makluman, izinkan saya terlebih dahulu memberikan sedikit informasi ataupun maklumat tentang STR ini. Kerajaan Perpaduan telah memperkenalkan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang menekankan pendekatan rahmah dalam membela nasib kumpulan kurang berkemampuan terutamanya golongan rentan dan mudah terjejas.

Melalui STR, 8.7 juta orang penerima golongan B40 dengan pendapatan bulanan di bawah RM5,000 telah menerima pembayaran fasa pertama berjumlah RM1.67 bilion mulai 17 Januari yang lalu, tahun ini. Pembayaran fasa kedua berjumlah RM1.26 bilion akan dibuat mulai hari ini iaitu 5 April 2023 menjadikan jumlah pembayaran mencecah RM2.93 bilion yang akan dibayar kepada golongan B40 sehingga sekarang. Melalui Belanjawan 2023 yang dirangka dengan ikhtiar meminimumkan ataupun mengurangkan beban sara hidup rakyat, beberapa penambahbaikan telah diambil kira supaya golongan B40 yang benar-benar terkesan mendapat manfaat yang lebih daripada STR.

Antaranya kadar maksimum telah di tingkatkan sehingga daripada RM2,500 dahulu sehingga sekarang RM3,100 dan kategori isi rumah kita telah mengambil pertimbangan saiz ataupun jumlah isi rumah dulu kalau tiga orang anak dan ke atas diberi sehingga RM2,000. Sekarang kita mempertimbangkan tambahan kepada jumlah isi rumah iaitu daripada lima orang anak ke atas akan diberikan jumlah bantuan sebanyak RM2,500. Penerima STR ini terutamanya daripada golongan miskin tegar akan diberikan bantuan tambahan sebanyak RM600 dan juga bantuan bakul makanan dan sebagainya.

Sumbangan ini sebenarnya secara menyeluruh kepada semua yang layak diberikan tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Walaupun STR sering dikaitkan sebagai bantuan kepada golongan B40 tetapi kalau kita mengambil kira bilangan penerima sebenarnya STR, Tuan Yang di-Pertua telah memanfaatkan lebih 60 peratus rakyat populasi dewasa negara kita. Secara keseluruhan STR akan memanfaatkan seperti yang saya katakan tadi, 8.7 juta orang penerima dengan peruntukan hampir RM8 bilion.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator, bagi mengurangkan golongan tercicir ataupun kerana *exclusion error*, dengan izin, di kawasan-kawasan pedalaman Sabah, Sarawak termasuk juga di kawasan pedalaman di Semenanjung Malaysia, data penerima STR fasa satu akan dibawa secara automatik ke dalam pangkalan data kerajaan di samping

data daripada agensi kerajaan yang turut menjalankan program ke atas golongan rentan dan B40 untuk di semak silang kelayakan STR mengikut syarat yang ditetapkan.

Kementerian Kewangan juga akan memperhebatkan program turun padang bersama pemimpin komuniti dan pemimpin desa bagi memastikan program STR ini dapat diheboh-hebohkan dan dirasakan oleh seluruh rakyat Malaysia tidak kira agama, kaum dan juga kawasan geografi. Tentang mekanisme STR yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa bertanya tentang asas penambahan kepada jumlah bantuan sebanyak RM600 dalam bentuk bakul makanan dan sebagainya.

Untuk makluman, rakyat Malaysia terutamanya miskin tegar amat terkesan terutamanya dalam tempoh pasca pandemik ini. Justeru sebagai antara pembaharuan yang saya sebut tadi untuk program STR bagi tahun 2023, kerajaan memperkenalkan kadar tambahan sebanyak RM600 kepada penerima isi rumah yang telah dikenal pasti berada dalam kategori miskin tegar. Sumbangan ini akan disalurkan dalam bentuk bakul makanan dan juga secara baucar untuk barangan makanan asas bernilai RM100 bagi tempoh enam bulan setiap bulan mulai Julai 2023.

Kadar bayaran bulanan RM100 ini adalah selari dengan tinjauan yang telah dilakukan di beberapa buah pasar raya terpilih sekitar Lembah Klang melibatkan purata kos harga barang asas antaranya beras, minyak masak, telur, tepung gandum, garam, gula dan gas memasak.

#### ■1620

Dengan wujudnya kadar tambahan kepada isi rumah miskin tegar ini. Oleh sebab ini ialah tambahan kepada bantuan yang diberi, menjadikan kadar maksimum STR meningkat kepada RM3,100 berbanding RM2,100 semasa pelaksanaan pada tahun 2022 yang lalu. Kerajaan sentiasa memantau situasi ini dan yakinlah bahawa dasar kerajaan baik daripada segi bantuan tunai langsung mahupun tidak langsung seperti subsidi keperluan asas adalah bertujuan memastikan kebajikan rakyat sentiasa terbela.

Yang Berhormat Senator Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris mencadangkan supaya STR diberikan setiap dua bulan berbanding enam bulan, terutamanya kepada golongan miskin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran STR tahun 2023 telah dijadualkan sebanyak empat kali setahun melalui pengkreditan ke dalam akaun penerima yang telah didaftarkan. Penerima yang layak dan tiada akaun bank akan menerima bayaran secara tunai di cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh negara. Manakala, penerima-penerima di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak yang tidak mempunyai akaun bank, kaedah pembayaran adalah secara tunai yang akan diselaraskan oleh Perbendaharaan Malaysia Sabah dan Sarawak.

Isu seterusnya tentang peruntukan- terlebih dahulu peruntukan kepada golongan kurang upaya (OKU) yang telah dibangkitkan oleh Senator kita, Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi tentang peruntukan yang dibelanjakan untuk OKU di bawah Inisiatif Jamin Kerja.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Inisiatif Jamin Kerja terdiri daripada tiga-komponen utama iaitu insentif penggajian jamin kerja, tawaran peluang pekerjaan bertempoh pendek ataupun, dengan izin, Malaysia *Short Term Employment Programme* (MySTEP) serta pelbagai program latihan dan peningkatan kemahiran.

Setakat 31 Disember 2022, insentif penggajian serta program peningkatan latihan dan kemahiran telah berjaya memberi manfaat kepada 8,000 orang OKU dengan perbelanjaan sebanyak RM7.7 juta. Manakala bagi Program MySTEP pula, seramai 74 orang OKU telah berjaya ditempatkan di pelbagai kementerian dengan perbelanjaan sebanyak RM1.6 juta. Bagi tahun 2023, kerajaan menyasarkan sebanyak 50,000 buah penempatan menerusi Program MySTEP serta menetapkan sasaran sebanyak satu peratus daripada golongan OKU iaitu bersamaan 500 buah penempatan dengan anggaran peruntukan sebanyak RM13 juta.

Selain itu, untuk memastikan kebajikan serta sokongan kepada golongan OKU dalam bidang pekerjaan, kerajaan menerusi insentif penggajian melalui PERKESO dengan menyediakan insentif kepada majikan yang menggaji golongan mudah terjejas seperti OKU, bekas banduan, gelandangan dan penganggur tegar melalui peruntukan keseluruhan sebanyak RM130 juta. Pihak kerajaan akan terus berusaha dalam aspek ini.

Saya sedar bahawa *the take up weight*, dengan izin, adalah rendah pada masa kini. Saya juga mohon tanggungjawab ini bukan sahaja kepada Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba tetapi kepada semua kita untuk memberikan galakan dan memberikan pemerkasaan kepada golongan OKU untuk kembali ke pasaran kerja ataupun menjadi peserta dalam program-program jamin kerja yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Yang Berhormat Senator.

**Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Saya mencelah, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat kerana menjawab dengan begitu baik sekali. Namun, kita boleh memberi bajet dan sekian, sekian. Namun, satu peratus yang dikatakan penempatan ataupun peluang untuk pekerja OKU, terutamanya di kerajaan masih tidak lepas. Saya rasa sehingga kini Yang Berhormat Timbalan Menteri, hanya empat sahaja kementerian yang dapat mencapai satu peratus untuk pengambilan OKU bekerja.

Jadi, saya sokong apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan. Kita tidak boleh membuatnya seorang sahaja, kita kena sama-sama bekerjasama untuk memastikan semua agensi kerajaan mengambil OKU untuk bekerja. Jangan bercakap sahaja. Dah ini 2023, cakap hendak ambil satu *percent*, tak ada pun. Kita bersama-sama lakukan ini untuk memperkasakan komuniti orang kurang upaya yang seperti rakan saya Yang Berhormat

Azhar kata, orang kuat upaya, orang kuat usaha. Saya mohon diberikan penekanan itu, semua kementerian untuk mengambil kami bekerja. Jangan bercakap sahaja. *Talk is cheap*, dengan izin. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba. Saya hendak merakamkan penghargaan saya kepada Senator kerana semasa saya di KBS, beliau antara paling lantang memperjuangkan atlet Paralimpik. Sekarang di MOF, beliau memperjuangkan nasib OKU dalam aspek pekerjaan. Saya minta merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator.

Rakan saya, Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali, tahniah atas pelantikan sebagai Senator. Orang Bukit Mertajam. Beliau memohon untuk Kementerian Kewangan meneliti semula peruntukan yang diberi kepada NGO yang bertugas di barisan hadapan seperti AADK, PEMADAM dan sebagainya. Saya menghargai keprihatinan Yang Berhormat Senator Tuan Amir terhadap usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dalam menangani isu penyalahgunaan dadah.

Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Senator supaya Kementerian Kewangan meneliti semula peruntukan kepada NGO yang bertugas sebagai barisan hadapan seperti PEMADAM. Sukacita saya di sini memaklumkan bahawa kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM1.57 juta untuk program usaha sama dengan NGO-NGO seperti PEMADAM dan badan-badan amal. Program-program bersama NGO tersebut dibiayai melalui peruntukan semasa AADK dan maklumat perbelanjaan adalah seperti berikut:

- (i) rawatan perubatan dan pemulihan sebanyak hampir RM700,000 iaitu daripada tahun 2020 sehingga Mac 2023; dan
- (ii) program pencegahan pula sebanyak RM879,000 ataupun hampir RM880,000 dari tahun 2020 sehingga Mac 2023.

Pelbagai usaha dan program bersama dengan NGO-NGO telah dijalankan dan bakal dijalankan. Ini termasuk kempen-kempen mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang ancaman gejala penyalahgunaan dadah. Jadi, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Senator atas keprihatinan tersebut.

Tentang lebih peruntukan yang tidak digunakan, yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa, Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual dan Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran. Mereka bertanya sama ada peruntukan yang tidak habis atau tidak sempat digunakan itu dipulangkan kepada Kementerian Kewangan semula? Adakah perbelanjaan mereka akan dikurangkan pada tahun seterusnya?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, waran am yang dikeluarkan- terlebih dahulu saya hendak katakan pandangan tersebut memang pandangan popular tetapi pandangan tersebut kurang tepat.

Untuk makluman, waran am yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada setiap tahun merupakan punca kuasa yang membenarkan kementerian dan jabatan melaksanakan perbelanjaan yang melibatkan perbelanjaan mengurus (OE) ataupun perbelanjaan pembangunan (DE).

Berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957, waran am yang tidak habis dibelanjakan oleh kementerian ataupun jabatan tidak dikembalikan kepada Kementerian Kewangan. Namun, waran tersebut akan luput pada 31 Disember setiap tahun. Justeru, setiap kementerian melalui pegawai pengawal hendaklah mengawasi dengan rapi setiap perbelanjaan berdasarkan peraturan-peraturan pengurusan kewangan sedia ada dengan melaksanakan perbelanjaan secara optimum serta berhemah.

Bagi OE ataupun perbelanjaan mengurus yang disediakan di bawah dasar sedia ada kementerian ataupun jabatan, terutamanya perbelanjaan yang bersifat *locked in*, dengan izin, dan berkontrak yang tidak habis dibelanjakan, ia tidak dikurangkan. Yang Berhormat Kementerian Komunikasi ada di sini. Jadi, tidak dikurangkan Yang Berhormat, pada tahun yang berikutnya dan peruntukan ini akan disediakan berdasarkan kepada keperluan perbelanjaan berkenaan.

Bagi *development expenditure* (DE) pula, projek-projek pembangunan yang tidak sempat habis dibelanjakan pada tahun semasa, peruntukan projek berkenaan turut akan luput. Namun, peruntukan akan disediakan pada tahun berikutnya, tertakluk kepada projek berkenaan masih dalam pelaksanaan dan butiran projek masih mempunyai baki anggaran kos.

#### ■1630

Oleh yang demikian, seperti yang saya sebut pada awal kenyataan saya ini, kenyataan bahawa peruntukan yang tidak habis dibelanjakan oleh kementerian dan jabatan akan dikurangkan pada tahun berikutnya adalah kurang tepat mengambil kira peruntukan di bawah dasar sedia ada sama ada bagi OE dan projek-projek sambungan di bawah DE yang saya sebut tadi. Justeru, tidak timbul pula ada cadangan untuk mewujudkan tabung amanah di peringkat Kerajaan Persekutuan. Mengambil kira mekanisme sedia ada sudah pun memadai bagi memastikan projek-projek dapat disiapkan mengikut kos yang ditetapkan.

Yang Berhormat Senator Noraini binti Idris bertanya tentang formula yang digunakan dalam pemberian geran di bawah Perkara 112C dan 112D Perlembagaan Persekutuan. Untuk makluman, Kementerian Kewangan masih di peringkat rundingan dengan kedua-dua kerajaan Sabah dan Sarawak berkenaan formula baharu untuk pemberian khas kepada kedua-dua wilayah tersebut.

Kementerian Kewangan komited dan akan meneruskan rundingan dengan kerajaan Sabah dan Sarawak berhubung isu-isu kewangan yang berkaitan dengan Perjanjian Malaysia 1963 ataupun MA63 termasuk mempertimbangkan peningkatan kadar pemberian khas daripada yang telah dipersetujui sebelum ini serta- yang ini telah dilaksanakan. Pengiktirafan Jabatan Kerja Raya, JKR Sabah dan JKR Sarawak sebagai Jabatan Teknik di mana projek bernilai sehingga RM50 juta boleh diputuskan di peringkat negeri dan tidak perlu melalui Kerajaan Persekutuan.

Seterusnya, tentang isu bantuan. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan bertanya bagaimanakah kerajaan mampu membantu dalam mengawal OPR ataupun Kadar Dasar Semalaman- *Overnight Policy Rate* kepada peminjam-peminjam pelaburan ASB supaya mereka tidak terjejas dengan bayaran bulanan yang semakin meningkat apabila kadar OPR meningkat.

Terlebih dahulu ingin saya tegaskan, saya rasa ramai yang salah faham tentang isu ini. Saya hendak tegaskan bahawa keputusan tentang dasar monetari negara kita termasuk pengawalan OPR tidak boleh dicampuri oleh Kementerian Kewangan kerana ia merupakan bidang kuasa Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai bank pusat seperti yang termaktub dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Di bawah akta ini, Jawatankuasa Dasar Monetari di bawah BNM telah diberikan tanggungjawab untuk merumuskan dasar monetari secara autonomi tanpa campur tangan Kementerian Kewangan berpandukan dua mandat iaitu mengekalkan kestabilan harga dan memastikan pertumbuhan ekonomi kekal mampan.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Minta penjelasan lanjut Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya fikir jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada juga kesan kalau kita memberikan kebebasan mutlak pada Bank Negara. Dalam banyak hal, kerajaan banyak kali campur tangan.

Umpamanya penentuan rizab bank. Saya masih ingat semasa saya jadi Ahli Parlimen, diturunkan kadar rizab daripada lima peratus diturunkan kepada dua peratus. Jadi kalau OPR, dalam hal tertentu saya fikir kerajaan perlu campur tangan. Misal kata kalau dinaikkan, aliran tunai, kecairan tunai tidak banyak dalam pasaran menyebabkan ekonomi tidak bergerak.

Jadi, saya fikir kalau kerajaan tidak langsung mengamalkan dasar campur tangan, saya rasa tidak berapa ada kebenaran di situ. Boleh tidak Yang Berhormat semak apa yang saya faham ini? Pasal pernah zaman saya jadi Ahli Parlimen pada tahun 1999-2004, kerajaan campur tangan untuk menentukan kadar tertentu supaya kecairan yang berlaku dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong:** Sudah menjadi amalan dunia bahawa dasar monetari dikawal bank pusat tanpa campur tangan dan ini berlaku di negara-negara di dunia. Di Malaysia, kekangannya bukan sahaja setakat daripada segi dasar, kalau daripada segi dasar, mungkin

ada ahli-ahli politik yang akan tertarik ataupun tergoda untuk mengawal sebab hendak membuat dasar yang lebih populis. Akan tetapi, kita kekangannya bukan daripada segi dasar sahaja tetapi kekangannya dari segi Akta Parlimen. Jadi kalau membolehkan, kalau ada pada masa hadapan, mungkin Parlimen bercadang untuk meminda ataupun menukar Akta Bank Negara tersebut maka kita boleh buat. Untuk masa kini dan amalan terbaik di dunia ialah dasar monetari dan dasar fiskal dibezakan.

Autoriti ataupun pihak berkuasa ke atas dasar monetari dan pihak berkuasa ke atas dasar fiskal dipisahkan supaya ada imbalan di antara kedua-duanya. Kerajaan di bawah Kementerian Kewangan, kita mempunyai kawalan penuh ke atas dasar fiskal negara. Jadi, dasar fiskal juga mampu untuk digunakan untuk membantu dalam ekonomi, membantu rakyat daripada segi kewangan. Manakala dasar monetari sememangnya kuasa mutlak ataupun kuasa autonomi bank pusat dalam aspek ataupun dalam aspek Malaysia ini, Bank Negara Malaysia.

Saya teruskan, sebenarnya saya belum jawab lagi soalan Yang Berhormat Senator tadi. Kos pinjaman bagi pinjaman sedia ada yang berkadar terapung termasuk pembiayaan bagi tujuan pelaburan ASB akan meningkat selari dengan pelarasan OPR yang kini berada pada tahap 2.75 peratus. Saya hendak sebut di sini juga, kita perlu memberi keyakinan kepada pegawai-pegawai Bank Negara kita yang diketuai oleh Gabenor Bank Negara untuk membuat pertimbangan yang sesuai berdasarkan keadaan ekonomi. Jadi, sebenarnya OPR pada masa kini, kita masih lebih rendah daripada zaman pra pandemik iaitu lebih kurang tiga peratus pra pandemik dan pada masa kini 2.75 peratus.

Selain pinjaman, kadar faedah yang lebih tinggi juga mempengaruhi simpanan pendeposit. Pulangan yang lebih tinggi berikutan peningkatan OPR akan memberikan manfaat kepada penyimpan pada semua peringkat umur, tidak kira muda atau tua termasuk pesara dan individu yang bergantung kepada pendapatan faedah untuk menampung perbelanjaan harian mereka.

Saya ingin menekankan, walaupun kos pinjaman dan pembayaran balik mungkin meningkat, tetapi prospek pertumbuhan ekonomi dan pasaran pekerjaan yang lebih baik dijangka memainkan peranan dalam membantu memelihara keupayaan peminjam termasuk untuk membayar hutang termasuk untuk tujuan tadi, pembayaran semula pembiayaan ASB. Justeru, kenaikan OPR bukan sahaja meningkatkan kos peminjaman tetapi juga meningkatkan pulangan simpanan bagi para pendeposit. Secara langsung, hal ini ataupun perkara ini menggalakkan individu menambah simpanan bagi membina semula kemapanan kewangan mereka yang telah terjejas akibat COVID-19.

Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim menyeru kerajaan memikirkan cara bagaimana manfaat yang dinikmati oleh B40 dapat diteruskan ataupun dapat dilanjutkan kepada golongan M40 yang turut terjejas terutamanya pada tempoh pasca

pandemik ini. Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, pendekatan Belanjawan 2023 adalah secara keseluruhannya bersifat menyeluruh dan memastikan tiada satu- golongan pun yang akan tercicir.

Semua golongan dibantu melalui pelbagai mekanisme. Sekiranya bukan daripada segi bantuan kewangan, mereka akan dibantu menerusi kaedah-kaedah lain seperti kemudahan pembiayaan, insentif serta langkah percukaian yang bersesuaian. Dalam belanjawan kali ini, pengurangan kadar cukai sebanyak dua- mata peratusan bagi tiga- banjaran pendapatan bercukai, melibatkan banjaran pendapatan lebih daripada RM35,001 sehingga RM100,000 dianggarkan dapat menambah pendapatan boleh guna ataupun *disposable income*, dengan izin, sehingga RM1,300 setahun kepada hampir 2.4 juta orang pembayar cukai.

Sebagai tambahan, kerajaan juga bersetuju memberi pelepasan cukai bagi perbelanjaan rawatan perubatan iaitu dinaikkan daripada RM8,000 sehingga RM10,000 dan pelepasan cukai bagi premium insurans nyawa ataupun caruman takaful hayat sehingga RM3,000 yang akan turut diperluaskan kepada simpanan secara sukarela bagi KWSP. Kebanyakan pembayar cukai yang bakal menikmati manfaat-manfaat yang saya sebutkan tadi itu adalah daripada golongan M40. Pembayar cukai individu juga layak mendapat pelepasan cukai sehingga lebih kurang RM90,000 daripada 21 satu jenis pelepasan cukai yang telah disediakan.

#### ■1640

Bukan itu sahaja. Kerajaan turut mengumumkan penurunan, yang sebentar tadi sudah sebut, saya pun tidak akan ulang lah. Pengurangan kadar cukai PMKS dalam banjaran RM150,000 yang pertama. Seperti yang kita sedia maklum, ramai penggiat dalam sektor PMKS ini terdiri daripada golongan M40. Ini sekali gus membantu meningkatkan pendapatan mereka apabila mereka mendapat penjimatan daripada cukai sehingga RM3,000 di bawah sistem pencukaian PMKS tersebut.

PMKS juga antara yang banyak dibantu dengan kemudahan pinjaman dan pembiayaan sehingga hampir RM40 bilion untuk mereka memperkasa dan membina semula perniagaan mereka selepas pandemik ini. Bantuan-bantuan lain seperti subsidi petrol, minyak masak dan sebagainya dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Tidak kira lah M40 kah, B40, tanpa kira jenis kumpulan pendapatan. Berpaksi semangat keterangkuman dan nilai-nilai madani, kerajaan akan terus mempelbagaikan kaedah pengagihan bantuan yang sesuai supaya tiada satu pun golongan yang merasa terpinggir atau pun terabai.

Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad bertanya dengan peruntukan besar bagaimanakah Belanjawan 2023 dapat memanfaatkan rakyat Malaysia serta ke arah manakah masa depan Malaysia. Apakah perbelanjaan terbesar ini mempunyai faktor penarik atau pun *wow factor*? Ini ayat Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi tadi. Saya ada lebih kurang tiga, empat- poin untuk isu ini. Masa macam mana? Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terpulang pada Menteri.

**Tuan Sim Chee Keong:** Oh terpulang. Terima kasih. Pertama, tentang Belanjawan 2023. Pertama, perbelanjaan, ini tentang pendekatan kerajaan dalam Belanjawan 2023. Pertama, perbelanjaan ini seperti yang kita lihat iaitu perbelanjaan yang terbesar dalam sejarah. *Nominally it is the largest in history*, dengan izin. Akan tetapi, maksudnya apa? Maksudnya ada lebih banyak wang untuk pembangunan. Ada lebih banyak wang kepada rakyat. Akan tetapi, walaupun perbelanjaan terbesar, ia lebih fokus dan lebih disiplin.

Fokus macam mana fokusnya? Fokusnya, kita dengar dalam ucapan Belanjawan 2023 itu. Perdana Menteri daripada menyebut tentang projek-projek mega, projek-projek besar yang mungkin tidak dapat dirasakan oleh rakyat dan mungkin akan menjadi gajah putih. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut tentang perbelanjaan atau pun peruntukan untuk pembangunan dan menaik taraf infrastruktur-infrastruktur asas dan strategik rakyat.

Contohnya, klinik-klinik daif, hospital-hospital, sekolah-sekolah daif, pusat penjaja, pusat perniagaan waima lubang jalan disebut. Ini merupakan projek-projek infrastruktur asas. Jadi, fokus belanjawan yang terbesar ini adalah kepada infrastruktur strategik pembesaran lapangan-lapangan terbang yang menjadi penjana, pemacu kepada pembangunan ekonomi wilayah kita. Lebih besar, lebih fokus dan lebih disiplin.

Walaupun perbelanjaan besar tetapi lebih disiplin. Kita lihat bahawa kerajaan berjaya mengurangkan kadar defisit daripada 5.6 peratus pada tahun lalu kepada 5.0 peratus untuk Belanjawan 2023 ini. Dengan komitmen untuk mengurangkan defisit seterusnya sehingga 3.2 peratus pada tahun 2025. Kerajaan juga komited dalam aspek disiplin fiskal untuk memperkenalkan Akta Tanggungjawab Fiskal pada tahun ini juga untuk mewujudkan kestabilan mikroekonomi, mengawal paras hutang serta memastikan belanjawan yang lebih mampan. Itu pertama.

Keduanya, Belanjawan 2023 ini juga bertujuan untuk membina semula golongan M40 yang sebenarnya amat jejas, dalam dua, tiga tahun pandemik ini. Kita dapat lihat angka-angka statistik bahawa pendapatan golongan M40 ini telah menurun sebanyak lebih 50 peratus dan 20 peratus daripada golongan M40 semasa tempoh pandemik telah pun beralih, berhijrah dengan paksa. Bukan dengan rela. Berhijrah kepada golongan B40. Jadi, kita sedar bahawa golongan M40 yang merupakan antara pemacu utama ekonomi negara, mereka merupakan pengguna yang akan berbelanja di pasaran. Mereka merupakan sebahagian besar pekerja di negara kita. Kerajaan sedar pentingnya untuk membina semula golongan M40 ini.

Justeru, Belanjawan 2023 mempunyai pelbagai program. Tadi, saya sudah sebut beberapa program terutamanya daripada segi percukaian untuk memperkasa dan membina semula golongan M40.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Menteri, minta penjelasan?

**Tuan Sim Chee Keong:** Sekejap. Habiskan dahulu dan saya akan berikan kepada kawan lama saya.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Kita nampak M40 ini penting.

**Tuan Sim Chee Keong:** Ketiganya, tadi M40. Kita juga sedar bahawa PMKS atau perusahaan mikro, kecil dan sederhana merupakan 98 peratus daripada perniagaan-perniagaan di Malaysia. Kita tahu bahawa ini juga merupakan antara *key economic drivers*, dengan izin, pemacu ekonomi negara. Jadi, Belanjawan 2023 turut mempunyai agenda-agenda, dasar-dasar dan program-program untuk membina semula PMKS kita selepas tempoh pandemik.

Akhir sekali, Belanjawan 2023 ini menyasarkan bantuan yang lebih strategik, bantuan yang lebih berkesan dan bantuan yang lebih bersasar kepada golongan yang memerlukan terutama B40 daripada segi STR, kita sudah sebut. Ditambah baik, diperluaskan. Memberi pertimbangan kepada saiz isi rumah. Memberi pertimbangan kepada keadaan inflasi, keadaan ekonomi negara semasa dan sebagainya.

Untuk golongan B40 ini, kita bukan sahaja memberikan bantuan terus melalui *cash transfer program*, bantuan tunai tetapi kerajaan memperkenalkan satu- dasar, bukan sahaja memberi ikan tetapi dasar memberi joran. Dalam program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR). Kita bertujuan bukan sahaja memberi bantuan tunai tetapi kita hendak golongan yang kurang mampu ini diperkasakan supaya mereka mampu menjana pendapatan sendiri.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Yang Berhormat, boleh mencelah?

**Tuan Sim Chee Keong:** Mungkin Yang Berhormat Senator Dr. Hatta dahulu.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Terima kasih Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan. Oleh sebab kita mempunyai satu jumlah wang yang sebegitu, memberi kepada satu kelompok akan mengurangkan *portion* untuk kelompok yang lain. Selama ini kita menumpukan kepada B40. Jadi, kalau kita meluaskan bantuan kepada M40, saya tidak membantah. Saya menyokong malah bagaimana kita nak mendapatkan sumber supaya dalam kita membantu M40 ini, B40, peruntukan atau *portion* B40 ini tidak terjejas.

Adakah dengan kita menambah pendapatan atau pun seperti yang disebut oleh Menteri tadi, meningkatkan disiplin dalam urusan kewangan kita supaya tidak berlaku ketirisan atau pembaziran seperti yang kita dimaklumkan sebelum ini. Apakah pandangan Menteri?

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih Yang Berhormat. Penerangan yang sungguh bagus dan jelas. Yang Berhormat, saya hendak bertanya sedikit jumlah bantuan yang diberikan kepada B40, M40 ini. Boleh tidak *instead of* kadar jumlah yang sejajar untuk semua, *one size fits all, it doesn't work*, dengan izin ya. Oleh sebab kalau kita lihat kawasan bandar seumpamanya di wilayah ini. Mereka yang kadar kemiskinan ini teramat

tinggi, dan juga jumlah yang diberikan itu tidak mencukupi. Ini kerana kalau di bandar ini, barangannya lebih mahal dan kawasan yang ditinggal ini tidak seperti di perkampungan di mana kita boleh bercucuk tanam, kita boleh memelihara dan sebagainya.

Boleh tidak bantuan yang diberikan mengikut kawasan seperti di wilayah atau pun di Pulau Pinang? Jumlahnya lebih tinggi sedikit. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih kedua-dua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberikan cadangan dan pandangan yang amat bernas. Saya jawab dahulu Dr. Hatta, kawan lama saya. Saya setuju bahawa setiap dasar mempunyai *trade-off*.

■1650

Jadi, kadang kala kalau kita bagi lebih kepada A mungkin B akan kurang. Akan tetapi, keadaan ini dapat dikekang jika kerajaan ataupun kita- semua mampu untuk membesarkan lagi, *to enlarge the pie*. Kita membesarkan lagi, contohnya menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih besar maka, negara akan mendapat hasil yang lebih banyak. Jadi, pengagihan yang lebih seimbang boleh dilaksanakan.

Jadi, inilah tujuan kerajaan apabila saya kata tadi kita memberikan pemerksaan kepada SME, pemerksaan kepada golongan M40 sebab golongan ini, sektor ini merupakan sektor penjana, pemacu ekonomi. Kalau kita membantu mereka, ia ada kesan pulangan daripada segi bayaran cukai, contohnya. Daripada segi pelaburan, contohnya.

Jadi, dalam aspek ini, kerajaan menyasarkan hasil cukai, terutamanya hasil cukai, untuk meningkatkan hasil cukai daripada kadar 11 peratus daripada KDNK sekarang kepada kadar yang lebih tinggi untuk membiayai program-program bantuan subsidi dan pembiayaan kerajaan.

Selain itu, saya tahu Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli memang pakar ini sebab kita sama-sama lawan rasuah. Lawan kepincangan. Jadi, dalam aspek ini, kerajaan juga komited. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah sebut. Perolehan kerajaan, perbelanjaan kerajaan perlu telus. Perlu ikut dasar tender terbuka.

Kita komited untuk membentangkan satu- dasar tanggungjawab fiskal, ataupun *fiscal responsibility act* pada tahun ini yang akan menjadi kerangka kepada perbelanjaan yang lebih berhemah. Tadi saya ada sebut penurunan defisit daripada 5.6 peratus tahun lepas kepada lima peratus tahun ini. Perbelanjaan lebih berhemah, penjimatan dan seterusnya, *target* kita ialah untuk mengecilkan lagi defisit itu kepada 3.2 peratus pada tahun 2025.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh?

**Tuan Sim Chee Keong:** Sekejap, saya jawab dahulu ya. Sebenarnya, saya pun hendak tamatkan sudah.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Sebelum tamat, sedikit sahaja.

**Tuan Sim Chee Keong:** Boleh, boleh. Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa tadi telah memberikan satu cadangan tentang bantuan yang lebih bersasar daripada segi geografinya.

Sebenarnya, ada banyak cadangan sebegini. Ia bukan sahaja daripada segi geografi, isi rumah, daripada segi pendapatan dan sebagainya. Jadi, kerajaan memang tengah mengkaji satu kaedah pemberian subsidi dan bantuan yang lebih bersasar.

Akan tetapi, mungkin daripada segi geografi ini, ia ada juga sensitivitinya. Kalau rakyat, contohnya, di negeri Selangor sebab kos sara hidup yang lebih tinggi dan mendapat bantuan subsidi yang lebih tinggi. Bayangkan kalau rakyat di negeri Perlis atau Pulau Pinang yang mungkin kos hidupnya lebih rendah, dia dapat bantuan yang lebih kecil, mungkin akan timbul pula persoalan tentang kesaksamaan. Semua pembayar cukai tetapi kenapa orang Selangor dapat lebih lagi.

Jadi, kita perlu perhatikan ataupun kita perlu mempertimbangkan kesemua perkara tentang pemberian subsidi dan bantuan bersasar ini sebelum membuat keputusan. Akan tetapi kita sudah *start*, sekurang-kurangnya daripada aspek bil elektrik saya hendak sebut. Bil elektrik ini, sebelum ini semua dapat bantuan subsidi bil elektrik. Tidak kira miskin atau kaya, tidak kira syarikat kecil, SME ataupun syarikat besar.

Akan tetapi, mulai tahun ini kita telah memutuskan untuk memansuhkan subsidi untuk pengguna elektrik satu peratus tertinggi untuk syarikat, untuk industri, bukan untuk pengguna biasa. Jadi, apabila kita mansuhkan subsidi untuk satu peratus pengguna syarikat bekalan elektrik tertinggi itu, kerajaan ataupun rakyatlah sebenarnya sebab wang cukai, akan mempunyai penjimatan sebanyak – untuk enam bulan yang depan ini, yang pertama ini, kita akan ada penjimatan lebih kurang RM4 bilion.

Sebelum ini, satu peratus ini, satu peratus syarikat terbesar di negara kita ini, mereka telah menikmati lebih kurang 40 lebih peratus daripada subsidi yang telah diberikan untuk bil elektrik, untuk sektor bil elektrik. Jadi, dengan menggunakan kaedah subsidi yang lebih bersasar, kita kata ini syarikat-syarikat yang besar, MNC. Jadi, kita keluarkan subsidi untuk satu peratus sahaja pengguna syarikat perniagaan. Kita dapat penjimatan dalam aspek subsidi dan penjimatan itu kemudiannya boleh diagihkan kepada golongan-golongan tertentu yang mungkin lebih memerlukannya.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih sahabat saya, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menceritakan bahawa fokus kali ini ada juga memberi tumpuan kepada M40, oleh sebab ada kalangan M40 yang terkena kesan daripada COVID-19. Itu benar.

Kemudian, saya mohon bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, golongan B40, perbandingan tahun lepas dan tahun 2023- ada berapakah peningkatan? Saya

rasa mungkin oleh sebab bajet semakin besar, mungkin *allocation* tertentu sudah ada *allocation* baru atau perkenal lebih sedikit kepada M40. Cuma B40 itu ada beza banyak mana antara yang dibantu pada tahun lepas, Bajet 2022 dengan Bajet 2023? Kalau dapat *figure* lah.

**Tuan Sim Chee Keong:** *Figure* serta-merta tidak dapat diberikan. Saya mohon pegawai untuk berikan secara bertulis. Akan tetapi, untuk makluman, saya tidak rasa bantuan subsidi ataupun bantuan terus, bantuan tunai untuk golongan B40 dikurangkan. Malah, seperti yang saya sebut tadi untuk program Sumbangan Tunai Rahmah sebenarnya dinaikkan. Dinaikkan bukan sahaja daripada segi jumlah penerima tetapi dinaikkan juga daripada segi jumlah kuantumnya.

Tadi sudah sebut RM2,500 tahun lepas kepada RM3,100 tahun ini dan ada tambahan terutamanya kepada golongan miskin tegar. Jadi, saya rasa tidak berbangkit isu bahawa pemberian kepada M40 akan mengurangkan pemberian kepada B40. Saya sudah sebut tadi, sebenarnya kita boleh mengatasi ataupun mengimbangi keadaan ini. Keadaan *trade-off* ini dengan mengembangkan ekonomi kita. Itulah tujuan kita.

Tujuan kita, MOF melalui pembentangan bajet kita hendak selesaikan masalah infrastruktur asas untuk memberi kesan langsung kepada rakyat. Kita hendak membina semula SME ataupun PMKS kita. Kita hendak membina semula, memperkasakan semula golongan M40 kita. Akan tetapi, dalam masa yang sama, kita hendak memberikan perlindungan. Kita hendak memberikan bantuan dan bantuan ini bukan sahaja daripada segi memberikan ikan tetapi memberikan joran kepada golongan B40.

Jadi semua, saya percaya kalau kita bekerjasama dalam Dewan yang mulia ini, kalau pemimpin-pemimpin negara kita bekerjasama, menggembeleng tenaga, kerajaan, pembangkang, sektor swasta, NGO, masyarakat secara amnya, saya yakin dan percaya Malaysia mampu bangkit pasca pandemik ini menjadi sebuah negara yang kuat dengan ekonomi yang lebih baik. Maka rakyat Malaysia, tidak kira kaum, agama, golongan, pendapatan, kawasan, negeri, sama ada OKU atau sebagainya akan menikmati kemakmuran negara secara bersama. Dengan itu, sekian. Terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** *Finished*. Sudah habis.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Saya ingat nak celah sebelum terima kasih tadi. Saya nampak sudah menghujung sudah. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Sudah cukup masa Yang Berhormat, sudah cukup masa.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Saya sudah bangun sebelum habis lagi.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh?

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Okey. Ringkaskan ya.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Okey. Spesifik sahaja. Dalam belanjawan yang lepas, saya difahamkan ada peruntukan sebanyak RM10 juta untuk kebudayaan dan bahasa ibunda masyarakat Siam dan minoriti yang lain.

Jadi, saya hendak tanya, saya pun telah bangkitkan dalam perbahasan saya. Siapakah yang mentadbirkannya dan apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk menggunakan RM10 juta tersebut? Kalau tidak dapat lisan pun, bertulis pun tidak apa. Terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Saya rasa sudah jawab itu Yang Berhormat Senator.

**Tuan Sim Chee Keong:** Untuk menjawab secara ringkas Kementerian MOTAC lah, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Sim Chee Keong, Timbalan Menteri Kewangan atas segala jawapan kepada isu-isu yang timbul dalam perbahasan Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]*

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Tuan Sim Chee Keong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2023 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu, dan apa-apa jumlah wang yang lain yang telah dibenarkan sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi sebahagian dari tahun itu telah dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), rang undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga, dan diluluskan sekarang.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Siapakah yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Puan Saraswathy a/p Kandasami]:** Saya menyokong rang undang-undang seperti yang dibacakan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Timbalan Menteri menyokong. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang]*

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari, Khamis, 6 April 2023.

Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan pegawai-pegawai kerajaan yang beragama Islam, selamat berbuka puasa.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.02 petang]***